

Jilid III
Bil. 3



Hari Rabu
5hb Mei, 1976

LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA
Third Session

MESYUARAT YANG PERTAMA
First Meeting

Jilid III
Bil. 3



Hari Rabu
5hb Mei, 1976

LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT

FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA
Third Session

MESYUARAT YANG PERTAMA
First Meeting

KANDUNGANNYA

USUL-USUL [274]

USUL DI BAWAH PERATURAN MAJLIS MESYUARAT 9 [327]

DICETAK OLEH
ROBERT TEH ONG CHAI, PEM. PENOLONG PENGARAH,
JABATAN CETAK KERAJAAN, IPOH, PERAK
1978

PULAU PINANG
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT

Laporan Persidangan
PENGGAL YANG KETIGA
MESYUARAT YANG PERTAMA

Hari Rabu, 5hb Mei, 1976

HAZIR :

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Harun bin Sirat, D.M.P.N.)
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)
Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Mohd. Noor bin Ahmad, P.U.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah,
D.M.P.N., A.M.N., J.P.)
" " Kawasan Kampung Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.M.N.,
J.P.)
" " Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman,
A.M.N., P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah, J.P.)
" " Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin
Haji Bakar, P.P.N., J.P.)
" " Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong,
A.M.N.)
" " Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng *alias*
Khor Gark Kim)
" " Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh
alias Mat Noor, P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali,
P.J.K.)
" " Kawasan Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye)
" " Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.)
" " Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed *alias*
Mahmud, P.P.N.)
" " Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul
Razak, P.P.N.)
" " Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey)
" " Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed
Yusoff, P.J.K.)
" " Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin *alias* Md. Noor
bin Ahmad, P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)
" " Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)
" " Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan *alias*
 Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
 „ „ Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)
 „ „ Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy)

TIDAK HAZIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt)

*Dewan bersidang semula pada jam
 9.30 pagi.*

DOA.

7. USUL-USUL.

(A) Usul oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noor alias Md. Noor.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Yang Dipertua saya mohon untuk membawa satu Usul yang berbunyi:

“Bahawa kami, Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, mohon mengucapkan terimakasih kepada Tuan Yang Terutama Gabnor kerana telah sudi melafazkan Ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama bagi Penggal Yang Ketiga pada 3hb Mei, 1976.”

Datuk Yang Dipertua, walaupun di dalam keadaan kita diselubungi oleh perasaan dukacita oleh sebab beberapa peristiwa yang telah berlaku di negara kita ini, tetapi Tuan Yang Terutama Gabnor telah dapat memberi satu ucapan yang begitu penting yang mempunyai nilai yang amat berharga terutama sekali bagi Dewan ini dan juga bagi rakyat Negeri Pulau Pinang seluruhnya.

Datuk Yang Dipertua, memanglah manakala kita mendapat berita di atas kematian bekas Tuan Yang Terutama Gabnor, Negeri Pulau Pinang, Allahyarham Tuan Datuk Syed Sheh Barakbah, yang sungguh-sungguh menyayatkan hati kita kerana beliau adalah seorang daripada Gabnor Pulau Pinang yang amat dikasihi oleh rakyat Negeri Pulau Pinang dan juga seorang yang telah berjasa kepada Negeri Pulau Pinang ini

khususnya. Oleh hal yang demikian, Datuk Yang Dipertua, sebagai memperingati di atas jasa-jasa dan khidmat beliau kepada Negeri Pulau Pinang ini, patutlah bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengingati di atas jasa-jasa beliau itu dengan menamakan mana-mana kompleks yang ada di dalam Negeri Pulau Pinang ini di atas nama Tuan Datuk Syed Sheh Barakbah. Saya sukalah mengesyurkan, kalau boleh, biarlah Dewan Sri Pinang itu bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang menamakan di atas nama bekas Gabnor kita yang dikasihi itu, atau Stadium Bandaraya kita boleh juga dinamakan dengan nama bekas Tuan Yang Terutama, Tun Syed Sheh Barakbah. Saya harap ini akan mendapat perhatian bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Datuk Yang Dipertua, satu lagi yang kita amat berasa dukacita ialah dengan kehilangan Tun Abdul Razak, iaitu yangmana kita telah kehilangan seorang negarawan pada 14hb Januari, 1976. Hari itu adalah satu hari yang tidak mudah dilupai oleh setiap seorang warganegara yang telah kehilangan pemimpin yang betul-betul dedikasi. Yang Amat Berhormat Tun, bekas Perdana Menteri kita yang telah meninggalkan kita adalah di dalam keadaan usianya yang masih muda dan di saat negara kita sangat-sangat berkehendakkan di atas perkhidmatan beliau. Kematianannya sungguh-sungguh menyedihkan kita. Allahyarham telah mengorbankan banyak masa hayatnya semata-mata untuk berkhidmat kepada rakyat.

Pemergian Tun meninggalkan kita adalah merupakan sebagai peninggalan bapa yang sangat-sangat dikasihi oleh

anak-anaknya. Allahyarham adalah merupakan seorang negarawan bukan sahaja bagi rakyat negara kita ini, bahkan dikenali dan disayangi dan disanjung tinggi oleh negara-negara lain, khususnya bagi Tenggara Asia ini.

Datuk Yang Dipertua, Allahyarham telah bercuti berehat dan untuk mengubati penyakitnya; tiba-tiba kita telah dapat berita bahawa beliau telah meninggalkan kita dengan keadaan yang begitu sedih.

Datuk Yang Dipertua, Allahyarham juga adalah mempunyai hasrat dan cita-cita serta sifat-sifat dan pengorbanan yang telah ditunjukkan dan dicurahkan sepanjang hidupnya bukan sahaja kepada rakyat negara ini, bahkan kepada negara-negara lain juga, khususnya di Asia Tenggara. Ini adalah membuktikan bahawa Tun bukan sahaja seorang pemimpin Malaysia, tetapi juga seorang negarawan dunia yang dihormati dan disanjung tinggi. Tidaklah keterlaluan kalau saya kata Yang Amat Berhormat Tun, bekas Perdana Menteri kita, adalah sebagai dian yang telah membakar dirinya untuk menerangi negara dan rakyat negara kita ini.

Datuk Yang Dipertua, kita sangatlah amat berasa sukacita di atas apa yang telah dilafazkan oleh Tuan Yang Terutama, iaitu bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menyumbangkan sebanyak \$50,000 kepada Tabung Yayasan Tun Abdul Razak. Ini adalah satu bukti yang mana menunjukkan bahawa kita mempunyai tanggungjawab dan taat setia kita di atas segala rancangan ataupun hasrat daripada Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri itu.

Jadi, Datuk Yang Dipertua, begitu juga bagi pihak Kerajaan Negeri akan menamakan Kompleks Angkasa Perdana di atas nama Yang Amat Berhormat Tun. Ini adalah satu bukti lagi yang menunjukkan bahawa Negeri Pulau Pinang adalah sanjung tinggi dan mempunyai satu niat yang baik terhadap jasa dan di atas perkhidmatan Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri kita itu kepada negara kita ini.

Di samping itu, Datuk Yang Dipertua, marilah kita bersama-sama berikrar bahawa kita akan meneruskan segala cita-cita dan perjuangan Yang Amat Berhormat itu. Datuk Yang Dipertua, di saat-saat yang akhir ini, dari masa ke semasa, Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri kita adalah mempunyai cita-cita yang tinggi iaitu untuk menjadikan kawasan Asia Tenggara sebagai satu kawasan yang bebas, yang betul-betul aman dan damai, yang mana hasrat itu juga belum tercipta lagi pada masa hayatnya. Demikian juga di atas rancangan dan hasrat Yang Amat Berhormat Tun yang mana mempunyai cita-cita yang tinggi iaitulah untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru bagi negara kita ini yang masih belum dapat diciptakan lagi. Maka kita sekalian sebagai orang-orang yang memegang amanah patutlah mengambil daya utama untuk meneruskan perjuangan Yang Amat Berhormat Tun itu.

Datuk Yang Dipertua, di samping kita berikrar untuk menyusun barisan kita sebagai barisan yang paling kuat sekali untuk meneruskan perjuangan-perjuangan ini, maka marilah pula kita bersama-sama berikrar dan akan terus bekerjasama dengan Perdana Menteri kita yang baru, iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn. Kita percaya Yang Amat Berhormat Datuk Hussein akan dapat memikul dan sedang memikul segala bebanan yang telah diletakkan di atasnya untuk memikul dan menjalankan segala dasar-dasar, terutama sekali Dasar Ekonomi Baru. Lebih-lebih lagi dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini akan dilancarkan tidak berapa lama lagi, yang mana kita berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan diberi perhatian khas oleh Kerajaan Pusat di dalam perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Datuk Yang Dipertua, dalam ucapan yang telah dilafazkan oleh Tuan Yang Terutama Gabnor, beliau juga adalah menyentuh mengenai Jawatankuasa Penyelaras, Jawatankuasa Pengawas ataupun Jawatankuasa Petugas berhubung dengan ekonomi bumiputra di Pulau Pinang ini. Sepertimana yang

kita telah faham, Jawatankuasa ini telahpun menyiapkan segala laporan atau rumusan dan telah dikirirkan kepada pihak Kerajaan Pusat. Kita berharaplah di atas kerjasama yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Pusat dan dengan kerjasama Kerajaan Negeri dapatlah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Petugas untuk membimbing dan untuk mengkaji bagaimanakah yang patut diambil bahagian oleh kalangan bumiputra khususnya dalam bahagian ekonomi di Negeri Pulau Pinang ini. Kita berharap segala rumusan yang telah dibuat oleh pihak Jawatankuasa ini pada satu masa nanti akan dapat menghasilkan perkara-perkara yang baik dan akan dapat membawa satu keadaan yang boleh mengembirakan keadaan bumiputra kita dalam Negeri Pulau Pinang ini.

Datuk Yang Dipertua, selain daripada itu saya sukalah menyentuh pula beberapa perkara yang telah dilafazkan oleh Tuan Yang Terutama, iaitulah mengenai dadah yangmana pada hari ini, Datuk Yang Dipertua, soal dadah ini telah menjadi satu perkara yang paling amat merbahaya, terutama sekali bagi kalangan belia-belia kita sekalian. Jadi adalah menjadi satu harapan bahawa apa yang dinamakan PEMADAM itu dapat ditubuhkan di Pulau Pinang ini dengan seberapa segera supaya dapat kita menjalankan beberapa tugas atau kewajipan kita untuk kita mengatasi soal-soal dadah ini yang sedang merebak terutama sekali di kalangan belia-belia kita.

Satu lagi perkara, Datuk Yang Dipertua, iaitu perkara yang amat mengembirakan kita ialah bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menyumbangkan sebanyak \$500,000 lagi di dalam usaha untuk membina Masjid Negeri Pulau Pinang ini. Ini adalah satu perkara atau berita yang paling baik yang patut disambut bukan sahaja oleh orang-orang Islam, bahkan juga bagi kalangan-kalangan orang-orang yang bukan Islam patut menyambut apa yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri ini di atas sumbangan untuk sama-sama membina Masjid Negeri bagi Negeri Pulau Pinang. Kita berharap manakala Masjid

Negeri Pulau Pinang ini didirikan, adalah menjadi satu Lambang perpaduan, lambang muhibbah di kalangan rakyat yang ada di dalam Negeri Pulau Pinang ini khususnya.

Datuk Yang Dipertua, berhubung dengan keselamatan pula, apa yang telah disebutkan oleh Tuan Yang Terutama mengenai keselamatan yang kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pasukan-pasukan keselamatan kita, pasukan-pasukan polis yang telah dapat menjalankan tugas yang telah menjamin keadaan keselamatan dalam negeri kita ini yangmana kita semua dapat hidup dan dapat duduk di dalam keadaan aman dan damai. Namun dalam pada itu, Datuk Yang Dipertua, adalah satu perkara yang amat mendukacitakan iaitulah di atas angkara-angkara ataupun perkara-perkara yang berlaku. Apa yang telah dilakukan oleh anasir-anasir komunis ataupun anasir-anasir antinasional yang telah membawa huru-hara di dalam keadaan negeri kita ini. Apa yang menyedihkan kita, Datuk Yang Dipertua, ialah di atas kejadian 11 orang tentera kita yang telah terbunuh di Kedah baru-baru ini. Ini patutlah kita memberi perhatian yang berat dan patutlah kita mengutuk di atas kejadian ataupun perbuatan yang tidak mempunyai peri kemanusiaan. Kita berharap bagi pihak Kerajaan akan dapat menjalankan satu penyiasatan di atas perkara ini supaya perkara-perkara yang amat menyedihkan ini tidak akan berlaku lagi bagi negeri kita ini.

Menyentuh tentang rancangan Kerajaan untuk menjalankan satu daya usaha untuk mencegah cemaran alam yangmana kita tahu pada hari ini, Datuk Yang Dipertua, keadaan ini juga telah membawa satu keadaan yang mendukacitakan di beberapa kawasan oleh sebab dengan adanya banyak industri-industri yang didirikan sudah menjadi satu kecemaran pula kepada penduduk-penduduk kita. Jadi oleh sebab Kerajaan akan menjalankan satu dasar atau satu peranan untuk mencegah atau mengatasi dalam hal-hal kecemaran alam ini, maka ini adalah satu perkara yang amat mengembirakan.

Misalnya, Datuk Yang Dipertua, penduduk-penduduk dan nelayan-nelayan kita di Juru, mereka ini juga telah mengalami dalam satu keadaan yang mendukacitakan iaitulah pencemaran alam, yangmana ikan-ikan yang mereka tangkap itu telah tidak dapat dijual oleh sebab beberapa perkara mengenai pencemaran air-air laut dan sebagainya. Jadi oleh sebab Kerajaan mempunyai rancangan-rancangan khas untuk mengatasi masalah pencemaran alam ini, maka ini adalah satu perkara yang amat mengembirakan kita sekelian.

Saya rasa, Datuk Yang Dipertua, setakat inilah yang dapat saya cakapkan sebagai membawa Usul terima kasih kepada ucapan Tuan Yang Terutama pada 3hb Mei, 1976, maka saya mohon mencadangkan Usul ini.

Sekian, Datuk Yang Dipertua.

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey): Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Penaga yang mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Gabnor kerana telah sudi melafazkan ucapan kepada Dewan ini.

Dengan kebenaran Tuan Yang Dipertua, saya ingin menjelaskan sedikit atas aspek-aspek polisi Kerajaan yang telah menunjukkan kesannya dalam kawasan saya, Sungai Nibong.

Tuan Yang Dipertua, satu projek besar yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di kawasan Sungai Nibong ialah Bandar Bayan Baru. Projek ini merupakan satu sokongan polisi Kerajaan Negeri yang ingin membangunkan bandar-bandar dan perusahaan-perusahaan perindustrian di kawasan luarbandar di negeri ini. Tetapi, malangnya, ada pihak yang sudah menentang dan mengkritik projek-projek pembangunan bandar-bandar ini. Pihak-pihak ini memanglah tidak faham tujuan jangkapanjang projek ini. Oleh itu, saya ingin memberi sedikit keterangan di atas perkara ini.

Tuan Yang Dipertua, suatu aspek yang telah dikritik dengan hebatnya dari penentang-penentang ialah tentang

harga rumah yang terlalu tinggi bagi projek ini. Mereka menuduh pihak P.D.C. sebagai ejen perniagaan yang mengeksploitasikan rakyat. Tetapi adalah menarik hati, apabila kita memerhatikan bahawa walaupun hebat kabar-kabar angin tentang mutu-mutu rumah-rumah itu dengan harga yang dikatakan tidak berpatutan, semua rumah-rumah dalam projek ini telah dijual. Tambah lagi, harga rumah-rumah itu dalam pasaran terbuka sekarang telah naik lebih-kurang 20 peratus dan tentu sekali tuan-tuan rumah-rumah ini akan beruntung lagi pada masa hadapan. Adakah, Tuan Yang Dipertua, ini suatu projek perniagaan yang tidak adil?

Kemudahan-kemudahan yang ada di bandar ini barangkali tidak semuanya memuaskan hati; umpamanya dalam perkhidmatan seperti parit-parit dan jalan-jalan lalu-lintas, perkhidmatan pengangkutan, lampu di jalan-jalan dan pasar-pasar. Tetapi orang-orang mestilah sedar bahawa projek ini adalah satu projek yang sangat besar dan ambitious jika dibandingkan dengan projek-projek lain yang dijalankan oleh ejensi-ejensi awam atau badan-badan berkanun. Oleh sebab itu kita tidaklah boleh mengharapkan semua kemudahan-kemudahan yang perlu itu boleh didapati dengan sekali gus sebalik sahaja penduduk-penduduk itu mulai duduk di kawasan itu.

Tuan Speaker, kelengkapan kemudahan yang telah disebut tidak semua sekali dikawal oleh pihak P.D.C. sahaja. Ramai juga orang-orang yang tidak memahami perkara ini. Pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk kemudahan-kemudahan di Bandar Bayan Baru selain daripada Kerajaan Tempatan termasuk juga Lembaga Letrik Negara, Syarikat Bas Swasta dan lain-lain. Oleh kerana banyak badan-badan yang terlibat, sukarlah untuk mendapat ko-ordinasi yang memuaskan. Kita bersimpati dengan penduduk-penduduk Bandar Bayan Baru yang ingin mengemukakan kemusykilan mereka supaya diberi pertimbangan oleh pihak berkuasa tertentu. Kerajaan kita menyokong langkah-langkah yang sedang di-

ambil oleh penduduk-penduduk itu untuk menubuhkan satu persatuan penduduk-penduduk di Bandar Bayan Baru. Dengan ujudnya kesatuan ini boleh menyelaraskan perhubungan di antara mereka dan pihak-pihak berkuasa supaya tindakan-tindakan sewajarnya boleh diambil dengan lebih cepat dan cekap lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya telah bertemu dengan ramai penduduk-penduduk di kawasan itu di beberapa seksyen-seksyen dan lots dan pada pendapat saya mereka menggambarkan satu masyarakat Malaysia terbaru yang sempurna, satu masyarakat yang terdiri dari semua golongan kaum yang boleh hidup dengan muhibbah. Malangnya, kita mengetahui bahawa ada beberapa ahli-ahli politik telah mencadangkan bahawa perumahan Bandar Bayan Baru patut diperuntukkan seratus peratus kepada kaum bumiputra dan pendapatnya itu bertujuan untuk mengadakan sebuah bandar baru yang mengandungi satu golongan kaum sahaja, tetapi ini adalah bertentangan dengan konsep Dasar Ekonomi Baru yang mengalakkan semua kaum di Malaysia untuk bekerja dan hidup bersama-sama. Ahli-ahli politik yang bersikap begini adalah merupakan *opportunists*.

Dalam peringkat kedua Rancangan Bandar Bayan Baru, kemudahan-kemudahan perniagaan serta rumah-rumah pangsa tinggi berharga murah akan didirikan; dengan persiapan rancangan peringkat itu boleh menyinkirkan tuduhan-tuduhan bahawa P.D.C. tidak memperuntukkan perumahan murah bagi golongan penduduk-penduduk berpendapatan rendah.

Saya berharap bahawa dengan penjelasan ini, penduduk-penduduk Bandar Bayan Baru dapat memahami kesusahan yang dihadapi oleh P.D.C. dan badan-badan lain dalam projek ini dan akan memberi kerjasama kepada pihak-pihak berkuasa.

Dengan ini saya mohon menyokong Usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Gabnor.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak): Tuan Yang Dipertua, saya ingin bercakap di atas dasar ucapan Tuan Yang Terutama yang bersabit dengan kawasan saya.

Saya sangat tertarik hati akan ucapan dasar yang telah dibuat oleh Tuan Yang Terutama pada tempoh hari. Di atas kemurahan hati Kerajaan Negeri menambahkan lagi wang tabung Masjid Negeri sebanyak \$500,000 menjadikan bantuan daripada Kerajaan Negeri sebanyak \$1 juta, jadi saya juga berharap kepada pihak Jawatankuasa Masjid Negeri ini supaya melipat-gandakan usahanya untuk mendapat lagi derma-derma supaya Masjid Negeri ini dapat ujud dengan seberapa cepat. Setahu saya, Masjid Negeri ini akan menelan belanja lebih-kurang \$4 juta. Oleh itu penduduk-penduduk dalam kawasan saya telah memberitahu iaitu derma-derma untuk Masjid Negeri ini masih belum mereka itu memberi sumbangan kepada Masjid Negeri. Dengan sebab itu, apa yang saya tahu, sebanyak 176 buah masjid yang ada dalam Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai dapatlah kiranya Jawatankuasa itu berhubung dengan melalui pengerusi-pengerusi Oariah supaya kita menerima sedikit sebanyak sumbangan daripada mereka.

Bagi pihak penduduk-penduduk beragama Islam di kawasan saya, saya mengucapkan terima kasih kerana sumbangan-sumbangan untuk Masjid Negeri ini telah diberi oleh orang-orang yang bukan beragama Islam yang begitu banyak. Selain daripada itu juga, sungutan-sungutan daripada ahli-ahli Qariah di Kawasan Bagan Ajam iaitu bantuan-tahunan yang telah diberi oleh pihak Majlis Ugama Islam dipinta dapat ditambahkan dari tahun ke tahun yang akan datang kerana bantuan-bantuan yang sedia itu adalah tidak mencukupi.

Yang kedua, menyentuh tentang pertubuhan sosial dan masyarakat, serta juga berkenaan dengan belia-belia dan beliawanis di negeri ini untuk mengujudkan satu masyarakat

yang bersatupadu dan berdikari di samping mereka itu memahami cara-cara peraturan di sini. Tetapi, saya telah diberitahu oleh belia Negeri Pulau Pinang bahawa permohonan mereka untuk mendapatkan satu tapak bagi mendirikan pejabatnya di Pulau Pinang telah dibuat pada tahun yang sudah, tetapi sehingga ke hari ini, surat-surat yang dihantar kepada pihak-pihak berkuasa kerajaan tidak mendapat sambutan. Oleh yang demikian, saya berharap pihak yang bertanggungjawab dalam soal ini haruslah memberi satu pandangan yang *serious* di atas perkara ini untuk memperbaiki ataupun untuk mengatasi permohonan belia-belia itu kerana dasar yang tersebut diucapkan oleh Tuan Yang Terutama.

Perkara yang ketiga, sekarang ini di mana-mana juga, kita dapat tahu rakyat di negeri ini masih berkeluh-kesah bersabit dengan perumahan. Oleh itu, dengan azam dan ura-ura kerajaan untuk mengadakan perumahan berhubung dengan pihak P.D.C. dan Kerajaan Australia Selatan, dan juga berkenaan dengan PERNAS, kita berharap supaya berkenaan dengan rumah murah dan untuk rakyat-rakyat yang miskin dan berpendapatan rendah, ianya akan dapat dilaksanakan.

Perkara yang keempat, sukalah juga saya menarik perhatian Majlis ini iaitu dua atau tiga tahun yang sudah, kita selalu kedengaran dalam suratkhbar dan juga khabar-khabar angin, mengatakan bahawa bumiputra di Pulau Pinang ini sangat mundur dan selalu kebelakangan. Untuk mengatasi hal ini Kerajaan Pusat telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Petugas yangmana lapuran-lapuran ahli Jawatankuasa Petugas ini telahpun dihantar kepada pihak Kerajaan Pusat dalam bulan Mac, 1976. Saya berharap manakala kita dapat arahan balik daripada pihak Kerajaan Pusat, perkara ini dapat dibuat oleh Kerajaan Negeri dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga.

Perkara yang kelima, saya juga sanjung tinggi di atas usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi mengawal pencemaran alam khususnya pencemaran

di laut, kerana penduduk-penduduk Pulau Pinang tinggal berhampiran dengan laut. Tetapi adakah Kerajaan berpuashati dengan pencemaran udara kerana berbau busuk seperti belacan, kerana belacan ini dibuat di kawasan Bagan Jermal? Penduduk-penduduk Bagan Jermal, selain daripada membuat belacan, tempat itu juga menjadi tempat tumpuan belacan dari Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, dari Kedah dan lain-lain lagi. Bau busuk belacan bukan sekadar hidung sahaja, akan tetapi segala kain-kain baju yang dibasuh dan dijemur pada pagi hari manakala petang kain baju ini bukanlah berbau apa melainkan berbau belacan. Dengan keadaan yang begini, empat tahun yang sudah penduduk-penduduk di Bagan Jermal telah mengadu kepada pihak yang berkuasa, tetapi sehingga hari ini pembuat belacan masih rancak menjalankan tugas-tugas mereka. Oleh yang demikian, saya telah diberitahu oleh mereka ini bahawa sekiranya rombongan dari Kampung Kuala Juru dapat menemui Yang Amat Berhormat Ketua Menteri berkenaan dengan pencemaran air sungai di Kuala Juru, tidak keberatanlah pihak rombongan daripada Bagan Jermal yang busuk belacan itu dapat menemui Ketua Menteri juga. Setahu saya, pada 16, 18 dan 19 Jun, 1975, pihak L.P.K.T., Seberang Perai pembuat-pembuat belacan ini telah dihadapkan ke Mahkamah, tetapi belum ada apa-apa perubahan pihak penduduk di Bagan Jermal berasa amat kesal dan dukacita kerana rancangan membuat belacan itu masih dijalankan. Oleh yang demikian, untuk mengatasi perkara ini diharap Kerajaan Negeri akan mengambil suatu tindakan supaya orang-orang di Bagan Jermal itu berpuas hati.

Sekian, terimakasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, saya dengan sukacita mendapat peluang ini bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Penaga bagi mengucapkan terimakasih kepada Tuan Yang Terutama Gabnor dan bersetuju dengan Usul ini.

Datuk Yang Dipertua, sayapun mahu ucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Tuan Yang Terutama. Saya dapat tahu bahawa tiga atau empat kali Tuan Yang Terutama telah datang ke Butterworth dan Seberang Perai. Macam inilah saya tahu Tuan Yang Terutama sayang akan semua penduduk-penduduk di Butterworth dan Seberang Perai dan *with the concern of* Tuan Yang Terutama kepada semua penduduk-penduduk di Butterworth dan Seberang Perai, saya bagi pihak semua orang di kawasan saya, saya mahu mengucapkan terimakasih dan setinggi-tinggi kasih kepada Tuan Yang Terutama.

Dengan peluang ini juga saya mahu ucapkan selamat balik ke negeri kita kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Saya harap beliau boleh enjoy the best of health after his return. Saya juga mengucapkan terimakasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan kerana mereka semua memberi kerjasama kepada semua Wakil Rakyat di dalam negeri kita.

Datuk Yang Dipertua, saya bersetuju dengan Datuk Yang Dipertua kerana ucapan beliau kelmarin, iaitu mengucapkan terimakasih kepada bekas Setiausaha Dewan ini kerana telah 30 tahun beliau memberi perkhidmatan kepada Kerajaan Negeri dan Dewan ini. Saya berharap beliau akan merasa gembira *on his retirement*.

Saya juga bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri iaitu, Yang Amat Berhormat selalu ada berkata semua ahli-ahli dalam Dewan ini, semua Wakil-wakil Rakyat Negeri tentu mahu beri kerjasama. Inilah satu cadangan Yang Amat Berhormat yang saya bersetuju penuh tetapi saya merasa dukacita, betulkah Yang Amat Berhormat dengan perkataannya itu? Dengan izin: Is he sincere and honest in saying that he wants the co-operation of all the Assemblymen here? Sebab apa saya cakap begitu? Saya ada tahulah Ahli-ahli Pembangkang di sebelah sini tidak dapat peluang bercampur dalam hal projek-projek Kerajaan. Dalam semua jawatankuasa-jawatankuasa di dalam negeri ini—*ad hoc committees* di dalam negeri

ini—kita tidak dapat peluang bercampur dalam rancangan-rancangan atau projek-projek pembangunan di dalam negeri kita. Sebab itulah saya mahu minta Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Kerajaan Negeri tentu mahu bekerjasama bagi Parti Pembangkang kerana kami juga boleh campur sedikit bagi *nation-building projects* yang boleh memberi faedah kepada rakyat di dalam negeri kita ini.

Lagi satu, jikalau perkataan Yang Amat Berhormat adalah betul, tentulah mahu beri sedikit *facilities* dalam Dewan ini supaya kami, pihak Ahli-ahli Pembangkang, dan Ahli-ahli sebelah belakang sana boleh beri sedikit kerja bagi Dewan ini bagi orangramai. Di dalam Dewan ini, kita ada satu atau dua orang jaga saja tetapi *library* atau perpustakaan itu selalu tutup; kita mahu tengok bukupun tidak boleh, kita mahu dapat *information* tidak boleh juga, kita mahu taip dokumenpun tidak boleh. Macam itulah jikalau semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini betul mahu kerjasama dari sini tentulah mahu beri sedikit *facilities* kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Saya berharaplah semua Ahli-ahli Yang Berhormat tentu mahu jaga baik-baik semua orangramai di kawasan dia. Saya juga rasa dukacita sebab ada dapat tahu ada satu atau dua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini tidak ada dapat banyak masa balik ke kawasan itu. Inilah saya rasa dukacita, saya haraplah semua Ahli-ahli Yang Berhormat tentu mahu menjaga *welfare* semua penduduk-penduduk di kawasan dia.

Sekarang saya mahu berucap sedikit perkara-perkara atau masalaah-masalaah berkenaan dengan pembangunan negeri kita. Perkara yang pertama ialah Kompleks Tun Abdul Razak. Pada masa mesyuarat yang dahulu, Dewan ini adalah menyebut mengenai orangramai bercakap tentang kontroversi di dalam negeri kita di dalam surat-khabar "The Asian Statist". Perkara-perkara berbangkit di dalam surat-khabar itu ialah kita tentu mahu berasa adakah betul perkataan di dalam surat-khabar itu? Datuk Yang Diper-

tua, berkenaan Kompleks Tun Abdul Razak ini, saya mahu berucap sebelum kita dapat tahu *benefits* atau faedah-faedah projek itu. Bolehkah ianya memberi *benefits* kepada rakyat di dalam negeri kita? Kita ada dapat tahu bahawa penduduk-penduduk di dalam kawasan itu adalah berasa kesukahan.

Pertama sekali, penduduk-penduduk di situ telah duduk di tempat itu selama 50 tahun atau 60 tahun; sekarang mereka mesti pergi ke tempat lain. Tetapi pada 12hb November, 1973, Yang Amat Berhormat ada memberitahu Dewan ini—dengan izin—saya quote dalam bahasa Inggeris. 'The Government has definite plans to resettle those occupiers who so require di dalam Kompleks Tun Abdul Razak. Tetapi, pada masa sekarang sebelum ada apa-apa pelan, sungguhpun Yang Amat Berhormat ada bagi *guarantee* ini, ada bagi perkataan ini, tetapi belum ada lagi suatu *concrete plan* to *resettle* penduduk-penduduk di dalam sana. Yang terutama sekali saya mahu ucap ialah ada empat buah rumah sudah diberi notis pergi ke Shaw House (Bangunan Shaw). Tetapi saya ada berjumpa dengan semua penduduk-penduduk di keempat buah rumah itu, No. 27, 29, 31 dan 33. Penduduk-penduduk itu ada memberitahu saya kerajaan ada buat surat dan sudahpun memberi notis kepada mereka memberitahu mereka untuk pergi ke Bangunan Shaw, tetapi tidak ada *offer of compensation* atau *ex-gratia payment* atau perbelanjaan-perbelanjaan *removal* bagi mereka. Datuk Yang Dipertua, kita semua tahu, jikalau kita mahu *move* dari sebuah rumah ke sebuah rumah yang lain, perbelanjaannya adalah banyak. Jikalau kita mahu *move* dari sebuah kedai, perbelanjaan itu barangkali sebanyak jumlah \$3 ribu atau \$4 ribu. Tetapi kerajaan tidak ada memberitahu dia. Betulkah kerajaan mahu bagi *ex-gratia payment* atau *compensation of expenses* bagi mereka yang duduk di keempat-empat rumah itu? Saya rasa dukacita juga pegawai-pegawai Kerajaan atau Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Kerajaan pun tidak mendapat satu peluang bagi

majlis dailog dengan penduduk-penduduk di sana di mana bolehlah buat apa-apa perjanjian bagi mereka itu pergi ke Bangunan Shaw.

Lagi satu perkara, Datuk Speaker, Bangunan Shaw ialah satu bangunan juga. Lain hari jikalau Kompleks itu mahu *implemented* tentu Bangunan Shaw pun akan dipecahkan juga. Mereka mesti juga pergi ke tempat lain. Ini bukanlah satu pelan yang *definite to resettle* penduduk-penduduk di sana. Saya haraplah kerajaan boleh ingat baik-baik dan pertimbang bagaimana kita boleh *resettle* mereka dengan tidak memberi kesusahan kepada mereka. Datuk Yang Dipertua, saya rasa sebanyak 100 lebih notis-notis ada diberi kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan Kompleks Tun Abdul Razak, tetapi Kerajaan adalah memberi notis kepada mereka dengan tidak ada apa-apa majlis dailog di mana boleh bertukar fikiran dengan mereka macamana Kerajaan boleh *resettle them satisfactorily*.

Datuk Yang Dipertua, dalam lebihkurang lapan mesyuarat di sini, Kerajaan telah bersetuju kerajaan tentu mahu menolong semua penduduk di dalam Kompleks itu. Tetapi pada 12hb November, 1973, Yang Amat Berhormat ada bercakap Kerajaan ada *definite plan to resettle them*. Dalam masa itu Yang Amat Berhormat ada memberi ucapan berkenaan dengan *development estimates* dan beliau ada bersetuju, dalam *pages 3 dan 6* Kerajaan menjadikan penduduk-penduduk di sana susah. Lagi pada 8hb April, 1974, dalam ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor, *page 10*, Tuan Yang Terutama Gabnor pun ada memberitahu *about his gracious concern* berkenaan penduduk-penduduk di sana. Pada 20hb Oktober, 1975, dalam ucapan Tuan Yang Terutama ada bersetuju dan *promise* penduduk-penduduk di sana bahawa Kerajaan mahu menolong mereka. Tapi sampai hari sekarang saya rasa dukacita Kerajaan belum lagi memberi apa-apa rancangan to *resettle* penduduk-penduduk di sana. Inilah saya harap kerajaan tentu mahu buat satu majlis dailog yang mustahak supaya penduduk-penduduk di sana

boleh tahu apa rancangan-rancangan Kerajaan mahu buat bagi mereka. Jikalau Kerajaan tidak membuat satu majlis dailog dengan penduduk-penduduk di sana—dengan izin—the *credibility of the Government is at stake*. Pada masa pilihanraya Yang Amat Berhormat adalah datang kepada semua persatuan-persatuan di dalam negeri kita mendapat majlis dailog dengan beliau dan mereka bertukar fikiran dengan beliau; tetapi perkara ini orangramai berasa susah kerana Kerajaan tidak buat apa-apa majlis dailog dengan mereka.

Yang kedua, berkenaan Kompleks Tun Abdul Razak juga, saya harapkan kerajaan boleh buat kerja dengan adil dan bersama-sama. Inilah satu polisi dan satu prinsip yang selalu Kerajaan ada berkata di dalam Dewan ini dan di luar Dewan ini. Jikalau kita mahu buat satu kompleks, semua orang yang berkenaan dengan kompleks ini tentu mendapat *deals* yang adil dan bersama-sama. Saya ada dapat tahu ada sedikit perkara yang saya ingat tidak adil. Ada rumah-rumah di dalam kawasan kompleks itu Kerajaan membayar compensation \$25 sekaki atau \$30 sekaki sahaja. Tetapi berikut jawapan Yang Amat Berhormat ada memberitahu Dewan ini dalam mesyuarat ini, dia ada bercakap bahawa bayaran bagi tanah triangular di Magazine Circle dan rumah di situ tidak ada yang sebanyak \$60 sekaki. Saya tidak tahu ini adil atau tidak. Lagi satu perkara yang kecil (bukan besar) ialah sebab ada 26 yunit rumah dan sebuah cinema di kawasan itu yang *not affected* by projek ini. Sebab apa rumah beliau tidak affected? Jikalau kita boleh buat satu rancangan besar di sebuah kawasan yang tertentu, tentu semua orang di dalam kawasan itu *affected*. Sebab apa cinema dan 26 buah rumah ini tidak *affected*?

Datuk Yang Dipertua, bayaran kepada semua orang yang mengambil bahagian dalam kompleks itu, saya rasapn, tidak adil juga. Pada 30hb Mac tahun ini, bayaran bagi Development Consortium ialah sebanyak \$2.737 juta, tetapi bayaran bagi *contractors* sebanyak \$1.88 juta sahaja;

bayaran bagi *piling contractors* adalah sebanyak \$800,000. Saya harap Yang Amat Berhormat boleh memberitahu rancangan macamana dia mahu bayar kepada semua orang yang berkenaan dengan kompleks itu. Bukanlah saya buat satu *accusation*. Saya mahu minta *explanation*—minta keterangan sahaja.

Datuk Yang Dipertua, berkenaan dengan kompleks itu lagi, ada satu perkara iaitu berkenaan modal bagi projek itu—*financing for that project*. Yang Amat Berhormat memberitahu perbelanjaan bagi projek pada hari sekarang ialah \$200,000,000 sahaja. Tetapi tiga tahun dahulupun Yang Amat Berhormat memberitahu kepada Dewan itu perbelanjaan yang serupa bagi projek itu. Inilah orangramai di luar Dewan ini dalam negeri kita ingat projek itu mestilah, jikalau kita mahu *tower building* yang 60 tingkat, perbelanjaannya sebanyak \$500,000,000. Saya harap Yang Amat Berhormat boleh memberitahu dengan terang sekali kos bagi kompleks ini.

Datuk Yang Dipertua, berkenaan modal bagi kompleks ini atau *finance* bagi projek itu, negeri kita ada \$10 juta sahaja General Reserve Fund. Dengan inilah kalau kita mahu *complete* projek itu kita tentu mahu wang sebanyak \$200 juta, \$300 juta atau \$500 juta. Tetapi negeri kita tidak ada wang ini. Sebab itulah ada tiga atau empat Rang Undang-Undang diberi dalam Dewan ini dalam Mesyuarat dahulu. Sekarang Kerajaan Negeri mahu pinjam wang dari kiri dan dari kanan, dan dari *centre*, atau dari semua tempat untuk mendapat wang ini. Saya ingat ini satu yang saya pun rasa tidak betul. Tentu kita mahu ingat macamana kita mahu dapat wang sendiri. Sayapun ada dapat tahu Yang Amat Berhormat ada memberitahu Dewan ini jikalau projek yang pertama sudah siap, dia boleh dijual pada orangramai; bila dapat wang, wang inilah bagi projek yang kedua dan apabila projek yang kedua sudah siap, wang itu adalah bagi *phase* atau peringkat yang ketiga. Tetapi ini saya ingat satu *idea* yang *optimistic*. Harga jualan bangunan-bangunan itu sebanyak \$200 lebih sekaki. Ada berapa orang

yang boleh beli kalau mahal semacam itu?

Saya ada dapat tahu kita ada luluskan tiga Rang Undang-Undang di dalam Dewan ini bagi meminjam dari Kerajaan Persekutuan dan Konsortium Bank-Bank sebanyak \$200 juta. Satu soalan yang masuk pada saya. Pada hari sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Kerajaan Persekutuan bolehkah bersetuju dengan pinjaman ini? Dalam satu conference S.E.D.C., saya minta kebenaran membaca dalam bahasa Inggeris:

“Public Enterprises Minister, Datuk Haji Mohd. Yaakob said yesterday, his Ministry's Technical Sub-Committee will scrutinize all aspects of the State Economic Development Corporation projects which require loans from the Central Government.”

Dia mahu *scrutinize* atau periksa projek itu bolehkah improve social economic development dalam negeri kita. Bekas Perdana Menteri kita, Tun Abdul Razak ada bersetuju; tetapi sekarang dengan *statement* atau perkataan itu sayapun tidak tahu bolehkah Kerajaan Persekutuan bersetuju pinjamkan wang itu? Jika Kerajaan Persekutuan tidak boleh bersetuju akan pinjaman itu bagaimana kita boleh dapat semua wang untuk Kompleks Tun Abdul Razak? Jikalau kita boleh dapat semua wang yang kita mahu belanja dalam kompleks itu, *according to my calculation* dalam setahun kita mesti bayar balik jumlah sebanyak \$80 juta. Ini satu perkara yang saya mahu beritahu kepada Kerajaan Negeri.

Lagi satu masalah berkenaan ialah *the viability of the project*. Projek ini betul boleh bawa untung atau tidak boleh bawa untung? Boleh beri faedah atau tidak boleh beri faedah kepada Negeri kita? Macam harga jual yang mahal seperti ini sayapun tidak tahu berapa orang boleh beli rumah itu. Saya tahulah *insurance companies, airlines* atau syarikat yang mempunyai *special franchise* tentu boleh beli, tetapi bagi orang-orang seperti peniaga-peniaga yang sekarang menjual *watches*, barang-barang kecil bolehkah dia beli atau sewa sebuah rumah yang mahal macam itu?

Lagi satu perkara berkenaan *fire-fighting equipment* bagi *tower building* ini. Masa dahulu kita ada dapat tahu ada bangunan di Kuala Lumpur yang 18 tingkat sahaja. *Fire-fighting equipment* di dalam tempat itu tidak boleh buat apa-apa. Dia boleh tengok sahaja bangunan ini habis terbakar. Betulkah? Saya minta maaf jikalau saya ucap dalam bahasa kedai. Saya minta maaf. Saya ada dapat tahu, dua tahun dahulu semasa saya pergi ke Hong Kong, orang di sana memberitahu jikalau kita mahu *fight fire*, kalau api membakar bangunan 50 tingkat atau lebih, *fire-fighting equipment* itu kosnya adalah sebanyak \$20 juta. Kos itu *includes* dua atau tiga *helicopters with special equipments*. Bolehkah Kerajaan membelinya jikalau kita ada *tower-building*? Bolehkah membeli *equipments* macam dua atau tiga *helicopters* atau *special pump to pump the water up*? Ini satu soalan yang kita tentu mahu pertimbang baik-baik. Kita bukan cakap rancangan tidak betul atau betul, tetapi kita mesti beri *constructive criticisms*. Kerajaan tentu mahu ingat baik-baik. Bolehkah beli *equipment* macam itu? Kita mahu beli *equipment* macam itu bagi ini satu *tower building* sahaja. Jika dalam 30 tahun *tower building* ini ada api di sana, bagaimana kita mahu pakai *equipment* ini? Siapapun tidak tahu bila api akan membakar.

Lagi satu perkara ialah berkenaan bayaran yuran atau *fee*. Development Consortium. Yang Amat Berhormat ada memberitahu Dewan ini, pada 30hb Mac tahun ini sudah bayar \$2.7 juta bagi Development Consortium ini, tetapi Yang Amat Berhormat tidak memberitahu Dewan ini bagaimana *terms and conditions* being employed by the Development Consortium. Jikalau kompleks itu sudah siap. Development Consortium boleh dapat \$9.5 per cent. Jikalau setengah siap, berapa banyak dia mahu dapat? Berikut *rules* dalam Architects' Circular, saya ingat jikalau kita mahu *architects to design* sebuah bangunan, apabila *design* sudah habis dan *approval* dari pihak berkuasa sudah didapati, kita tentu mahu bayar penuh kepada be-

liau; tetapi di sini Yang Amat Berhormat tidak memberitahu Dewan ini jikalau kompleks itu sudah setengah siap atau 70 peratus siap, bagaimana kita mahu bayar. Saya harap Kerajaan Negeri boleh memberitahu kepada rakyat kerana orang ramai dalam negeri kita semua mahu tahu bagaimana perjanjian Kerajaan dengan Development Consortium. Saya ada memberitahu Dewan ini, the Development Consortium dahulunya ialah Team Three, tetapi habis nama Team Three kita diberitahu dalam Dewan ini bahawa Yang Amat Berhormat telah menukarkan nama itu kepada Development Consortium. Tetapi semua orang ramai boleh tahu Team Three atau Development Consortium serupa juga. Lagi kita mahu tahu, di dalam Development Consortium ada *architects, engineers, surveyors* dan lain-lain; Macamana *fee 9.9 per cent divided among them?* *Architects* mahu dapat berapa *per cent*, *engineers* dapat berapa *per cent*, *surveyors* dapat berapa *per cent?* Inilah satu perkara kita mahu memberitahu Dewan ini atau orang ramai.

Datuk Yang Dipertua, lagi satu masalah ialah berkenaan perumahan murah. Kita ada dapat tahu mengikut *master plan*, di dalam tahun 1985 iaitu lagi 9 tahun, negeri kita mahu 50,000 rumah murah bagi orang ramai dalam negeri kita. Jikalau mengikut *master plan figures*, tentulah dari hari ini sehingga 9 tahun lagi, iaitu tahun 1985, Kerajaan mesti siapkan 10,000 buah rumah pada tiap-tiap tahun. Apakah rancangan Kerajaan untuk membuat projek itu? Selalu Kerajaan ada memberitahu kepada rakyat bahawa kita mahu satu prinsip masyarakat yang adil, satu masyarakat yang saksama, dan kita mahu buat polisi bagi *socio-economic problems*. Saya bersetuju penuh dengan prinsip dan Polisi itu, tetapi bagi perumahan murah kepada orang miskin ialah satu projek yang mustahak dan penting. Kita tentu mahu ingat baik-baik bagaimana kita mahu buat rumah bagi orang-orang miskin supaya kita boleh *implement* polisi ini to create a just and

equitable society to solve the social and economic problems.

So, saya haraplah Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Murah, akan bekerja kuat supaya akan dapat kita beri perumahan murah sebanyak 10,000 setahun. Jikalau ada apa-apa kesusahan macam *financial problems*, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bolehlah berjumpa dengan Menteri dalam Kerajaan Persekutuan berkenaan dengan projek itu. Saya ingatlah Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru tentu boleh menolong negeri kita jikalau kita boleh berjumpa dengan beliau. Tahun dahulu—dengan izin—all the energies, efforts and manpower finance of Kerajaan Negeri are concentrated on industrial developments dan untuk membuat rumah-rumah di Bayan Lepas dan Bayan Baru dan Bagan Serai. Rumah-rumah ini mahal dan *industrialised* tetapi tidak ada rancangan bagi perumahan murah. Inilah saya rasa dukacita. .

Datuk Yang Dipertua, pada 7hb Mac tahun ini, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru ada memberitahu Dewan Rakyat, Kerajaan Persekutuan adalah membuat peruntukan sebanyak \$8.6 juta bagi projek-projek perumahan negeri kita; tetapi kita belanja \$1.1 juta sahaja. Lagi \$7.5 juta tidak dibelanjakan. Inilah saya ingat satu perkara berkenaan efficiency of the Government and I hope the Honourable Member for Ayer Itam will take note of that.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ini constructive criticism. Saya harap jangan berhati susah.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Tidak, semasa Yang Berhormat buat ucapan saya ada tulis.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Selalu di dalam Dewan ini kami di sebelah sini ada memberi soalan kepada Kerajaan. Berapakah rumah murah yang ada dibuat di dalam negeri kita? Jawapan Yang Amat Berhormat dalam tahun 1973 dan 1974 ialah Kerajaan mahu buat 1,000 yunit perumahan murah di dalam kawasan Bagan Serai. 300 yunit di Kuala Muda, dan 800 yunit di Taman Free School. Inilah satu jawapan yang diberitahu di dalam Dewan ini pada 12hb November, tahun 1972. Yang Amat Berhormat ada bercakap di sini, di dalam tahun 1973 dan 1974 dia mahu buat rancangan-rancangan ini, tetapi sampai hari sekarang tidak dibuat rancangan di sini. Dengan izin: The promise was made in 1972, to be carried out in 1973 and 1974.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Saya faham.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): I am dealing with promises. I am not dealing with what your Jawatankuasa does.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Saya faham janji saya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Di dalam Mesyuarat pada tahun 1973, Yang Amat Berhormat ada memberitahu juga di dalam Dewan ini ada 1,128 yunit flats, 36 kedai dan sebuah community hall akan dibuat bagi negeri kita di dalam Pulau Pinang, tetapi ini pun tidak dapat dibuat lagi. Lagi satu perjanjian perkataan Yang Amat Berhormat ialah ucapan beliau dalam tahun 1974, *in delivering development estimates*, Yang Amat Berhormat ada berkata dia mahu buat 1,670 yunit perumahan murah di Taman Free School dan di Kuala Muda tahun hadapan. Ini pun tidak ada yang siap lagi. Jikalau kita mahu cari di dalam Laporan Persidangan Dewan ini, ada banyak perkataan Yang Amat Berhormat. Beliau bersetuju mahu beri perumahan murah bagi negeri kita tetapi hingga masa sekarang tidak diberi lagi. Saya mahu

ucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam kerana beliau bekerja kuat untuk memberi 300 yunit perumahan murah di dalam kawasan Kampung Melayu. Inilah saya ada pergi tengok dan 50 peratus atau 60 peratus sudah siap. Saya haraplah di tahun hadapan orang-orang miskin boleh pergi duduk di sana. Saya mahu ucapkan tahniah.

Datuk Yang Dipertua, bulan dahulu Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, Encik Michael Chen, telah datang ke Butterworth. Saya ada dapat satu peluang di dalam majlis dailog dengan Yang Berhormat Menteri berkenaan di Butterworth. Beliau ada bersetuju bahawa jikalau kerajaan boleh earmark tanah bagi perumahan murah, Kementerian beliau boleh beri wang untuk membuat rancangan perumahan ini. Sayapun ada dapat tahu di dalam tahun 1957 atau 1956, Kerajaan ada sekeping tanah di kawasan Bagan Ajam. Kerajaan ada belanja sebanyak \$70,000 bagi membuat perumahan murah dekat kawasan Bagan Ajam, tetapi sebab apa rancangan ini tidak dibuat? Saya pun tidak tahu. In view of that fact that Yang Berhormat Menteri Perumahan ada bercakap berkenaan ini, saya haraplah Kerajaan Negeri, terutama sekali Yang Berhormat Ahli dari Ayer Itam, bolehlah review tanah di kawasan Bagan Ajam itu, jikalau boleh, buat 200 atau 300 perumahan murah. Saya haraplah perumahan murah yang dipersetujui dalam tahun 1957 boleh dibuat di atas tanah ini. Saya ingat tentu Kementerian boleh beri wang bagi membuat projek perumahan murah di sana. Beliau ada bersetuju dalam majlis dailog itu. Jikalau ada apa-apa, saya sendiri boleh menolong. Bukan menolong, sorry. Dengan izin: Saya boleh help. Saya boleh pergi ke Kuala Lumpur bersama-sama Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam. Tidak gunakah?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Boleh, boleh.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya tentu belanja wang sendiri, tidak mahu belanja wang negeri.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Saya boleh faham, tapi susah mahu cari wang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tetapi Menteri itu, Yang Berhormat Encik Michael Chen ada bersetuju di dalam majlis dailog itu untuk memberi wang jika kita ada tanah.

Lagi satu masalah berkenaan perumahan murah ialah di kawasan Bagan Serai. Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan ini ada 598 ekar *earmarked* bagi perumahan murah bagi negeri kita. Saya tidak ada masa tengok semua sekali tetapi saya ingat luasnya lebih-kurang 100 atau 200 ekar untuk membuat perumahan murah bagi orang-orang miskin. Lagi 300 atau 400 ekar ialah untuk membuat rumah bagi orang-orang yang ada wang—orang kaya. Tetapi saya haraplah Kerajaan boleh beri *top priority* bagi rancangan perumahan murah. Rumah yang mahal jadikan *lower priority*. Jikalau kita boleh *earmark* tanah di kawasan Bagan Serai bagi perumahan murah, ini tentulah boleh Menteri Perumahan menolong dalam *financial prospect of it*.

Lagi satu masaalah berkenaan ialah berkenaan *hill lands* di dalam negeri kita.

Tuan Speaker: Banyak lagikah, Yang Berhormat? Panjang lagikah?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ya.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.05 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.24 pagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, tadi saya ada cakap di dalam negeri kita, kita ada 19,000 ekar *hill land*. Saya ada dapat tahu di Hong Kong, rumah boleh dibuat di atas *hill lands*. Saya haraplah kerajaan boleh fikirkan macamana kita boleh *utilise these hill lands*.

Lagi satu masalah lain ialah satu masaalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Datuk

Keramat tiga kali dan ada dibangkitkan oleh semua Ahli-Ahli di dalam UMNO Cawangan Jelutong. Ini satu masaalah yang saya berasa dukacita sebab tidak termasuk di dalam ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor hari ini. Selalunya ada dimasukkan. Saya boleh minta izin *summarise* sedikit dalam bahasa Inggeris supaya kita tidak buang masa. Ini satu masaalah berkenaan dengan free port status. I thought that this question of free port status is already dead and buried, but the UMNO Cawangan Jelutong, brought this matter up once—I can give you the paper because it is here, somewhere. The Honourable Member for Datuk Keramat, on three occasions, has brought up this matter, but it did not attract my attention because I thought the matter is already dead and finished. But on one occasion I listened to a very simple man who delivered a very simple speech, and he said two things that impressed me very much. The first thing he said was that laws are made by man, and if anything could benefit man, laws should be made to benefit them. If the free port status is to benefit our Penang people, laws should be made in such a way that the restoration of the free port status should be given back to us. He also said another thing that impressed me very much also. He said that in this world nothing is impossible and that if we keep on asking, and if we keep on working, one day we will achieve our aim unless we give up hope.

Sir, in the last few years we know that the businessmen in Penang are feeling very *susah*. They are having difficulties because they have lost the tourists and a lot of other business because the free port status has already gone. So I feel that we in this country, in this State, should really work out something to ask the new Prime Minister and the new Deputy Prime Minister and the Minister of Finance to help us to consider whether they can return us this free port status. I believe, with the wisdom and the understanding of the new leaders of our country, they can consider sympathetically if we make a request. So the question be-

fore us is whether the Honourable Member for Datuk Keramat is sincere about what he said in his speeches outside. The UMNO of Jelutong Branch has made a statement with sincerity and honesty. So if we do, I think we will get our free port status restored before very long.

Lagi satu masalah ialah berkenaan free trade area. Datuk Yang Dipertua, the questions on free trade area was brought up in May 1972 by the Finance Minister; and then it was explained by the Honourable Chief Minister to this House in December. So after that explanation about the free trade area, the government has spent some \$50,000 on that piece of land in Weld Quay. But after that nothing has been done. This free trade area will benefit our people in two ways:

- (1) Laws can be made in such a way that duty-free goods can be sold to the tourists within that free trade area;
- (2) Import and export can be carried out with other countries within that free trade area. So this will benefit our businessmen in our state.

Datuk Yang Dipertua, this free trade area has been mentioned in this House many times and I think I have got four records here showing how the Honourable Chief Minister promised and explained about the free trade area. But I am not going the details. I am just going to give you the dates and be very fast about it because I also want to finish fast so that I can let other members have a chance to speak and we can go home early today.

So, on the 5th December, 1972, the Chief Minister explained the function of the free trade area in this House. On 22nd May, 1973, this matter was brought up in this House again. The Chief Minister explained in full the laws and rules regarding the free trade area. On 12th November, 1973, the question was brought up, but because of the difficulties—the Chief Minister explained the differences of opinion between the P.P.C., the P.D.C., and the Government—this free trade area cannot be implemented. Then on 16th December, 1974, this question was brought up again. The Honourable

Chief Minister kicked the football back to the Kerajaan Persekutuan. This finishes off the free trade area altogether. Today, we do not know the position of the free trade area. The Honourable Chief Minister says that this is now in the hands of the Federal Government. Datuk Yang Dipertua, ini adalah satu rancangan yang boleh beri faedah kepada peniaga-peniaga di negeri kita. Saya haraplah Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam kerajaan tentu mahu kerja kuat sedikit, keras sedikit, dan bertukar fikiran dengan Kerajaan Persekutuan supaya P.D.C. boleh dapat balik rancangan ini bagi negeri kita and the implementation of this project can be carried out straightaway with no more delays.

Datuk Yang Dipertua, lagi satu perkara yang berkenaan yang berbangkit di sini ialah berkenaan Prai Barrage. Well, the Honourable Chief Minister has explained to this House that there is a provision of twelve million five bagi this Prai Barrage project. Then in 1973, the Honourable Chief Minister has promised this House (*gangguan*).

Tuan Speaker: Yang Berhormat, saya sudah beri banyak peluang bercakap dalam Bahasa.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya boleh cakap dalam Bahasa, but it takes time.

Ketua Menteri: Cakaplah Bahasa. Sudah bagus.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): O.K. Dalam tahun 1973, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada memberitahu Dewan ini bahawa projek Prai Barrage ini boleh disiapkan dalam tahun 1974 atau 1975. Tetapi beliau ada memberitahu Dewan ini juga peruntukan perbelanjaan bagi projek ini adalah \$12.5 juta dan sampai hari ini *land acquisition* baru *completed* sahaja; dokumen-dokumen semua sudah siap, tetapi sampai sekarang ini tidak didapati. *Then*, kelmarin atau dua hari dahulu, dalam mesyuarat ini, jawapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan ini akan diadakan *pon-*

toon bridge yang baru bagi Bukit Tambun. Jikalau Prai Barrage ini untuk *replace pontoon bridge* yang lama yang sudah rosak, sebab apa kita mahu buat *pontoon bridge* yang baru bagi kawasan itu? Itu bukanlah duplication of projects? Saya haraplah Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Kerajaan tentu mahu pertimbang baik-baik projek Prai Barrage ini. Kita mahu titi *pontoon* baru atau mahu Prai Barrage? Kalau kita mahu buat Prai Barrage, kita mesti belanja wang \$200,000 atau \$300,000 bagi *pontoon bridge yang baru*. Ini adalah suatu duplication of projects and a waste of public money. Ini suatu projek yang termasuk dalam Rancangan Malaysia yang Pertama dan rancangan ini sepatutnya siap dalam tahun 1970, tetapi hari ini kita mahu buat Rancangan Malaysia yang Ketiga sebelum Rancangan-rancangan Malaysia yang Pertama disiapkan. Inilah saya ingat ialah deficiency of the Government. We must think very well because we must spend hundreds and millions of dollars. We must try to see that these projects will help the padi farmers and will help with the drainage problems in that area. It will help thousands of people there.

Lagi satu masalah ialah, Datuk Yang Dipertua, Persatuan Anti-Salahkeluaran Dadah. Betulkah? The Anti-Drug Abuse Association.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Salahguna.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ya. Ini satu perkara ada dicakapkan—PEMADAM.

Datuk Yang Dipertua, tahun dahulu pada bulan Disember, saya ada tulis surat kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan mencadangkan persatuan ini tetapi tidak ada apa-apa tindakan telah didapati. Sampai hari sekarang baru Kerajaan Persekutuan mengumumkan or announced the formation of this association. Sekarang baru sahaja Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, after being approached by the Yang Berhormat Datuk Athi

Nahappan, mahu adakan persatuan ini. Inilah satu perkara berkenaan all the young people in our State. We always say, "Penang Leads", tetapi sebab apa pada hari sekarang persatuan ini belum *declared open yet*? Di dalam surat saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, saya ada cadangkan negeri kita adakan satu persatuan so that we can carry out an anti-drug abuse campaign. Persatuan ini bukanlah diadakan at state level sahaja, but should also be at district level so that we can fight the drug abuse in the kampungs too.

Lagi satu cadangan dalam surat saya ialah, the funds needed for this association should be raised from the public and also the Government should contribute on a dollar-to-dollar basis. Dengan wang itulah kita boleh print posters, hand-bills and organise good cure centres for the drug addicts in the kampungs because some of them are too shy to come to town for the cure. Also I suggest we should recruit volunteer workers like doctors, psychologists, and sociologists and so on to help voluntarily in that association, tetapi pada hari sekarang sebelum kita dapat adakan persatuan ini di dalam negeri kita, saya harap persatuan itupun boleh dapat diadakan di semua daerah-daerah dalam negeri kita. Saya berharap Kerajaan boleh kerja kuat sedikit supaya boleh diadakan pembukaan rasmi bagi persatuan ini pada masa yang akan datang.

Datuk Yang Dipertua, satu perkara lagi ialah berkenaan *indoor stadium*. Ini ialah satu perkara yang sangat lama. Pada masa itu Yang Amat Berhormat menjadi seorang official of the administrating Council. Here saya mahu beri perkataan-perkataan Yang Amat Berhormat dalam bahasa Inggeris sebab perkataan itu adalah dalam bahasa Inggeris. Yang Amat Berhormat said: 'When I say that the stadium will be built, it means that it will be built.' That was on 12th November, 1973. It will cost \$3 million. Also, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri said: 'Actually on the first Supplementary Bill I have indi-

cated that the provision by City Council of \$3 million, which is a very large sum of money, does indicate that there will be a stadium.' These were what the Honourable Chief Minister said.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, tidak payahlah tunjuk dengan jari.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Macam ini bolehlah. (*ketawa*).

He also said: 'I am sure the people of Penang are quite confident that when the Government says that there will be a stadium, there will be a stadium.' Inilah perkataan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Pada masa sekarang, L.P.K.T., Pulau Pinang ada memberitahu di dalam suratkhbar bahawa negeri ini tidak ada wang untuk membuat stadium ini. Ahli Yang Berhormat Encik Tan Gim Hwa dari Kawasan Bukit Glugor ada memberitahu Dewan ini juga on 24th May, 1973, also in English: He told the House: 'If the Ministry of Youth and Culture failed their promises to us to build this stadium, then the State Government will come in to help to build the stadium.' Ini perkataan dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Glugor. Pada masa itu ia menjadi seorang Ahli dalam Kerajaan.

So, itulah jaminan dan janji atau *promises* yang Kerajaan Negeri ada beri pada orangramai. Sekarang mana dia *indoor stadium*? Jikalau orang lain berjanji, dia boleh lupa, tetapi Kerajaan yang bertanggungjawab—a responsible and vigorous Government—dan Kerajaan yang kuat sekali bekerja ialah suatu Kerajaan yang jikalau it makes a promise that there will be a stadium, there will be a stadium. If I make a promise, there will be a stadium. Now, the L.P.K.T. said 'no stadium', then another said Kerajaan Negeri will come to help. In fact, Datuk Speaker, orangramai dalam negeri kita bukan mahu sebuah *stadium* yang berharga \$3 million. Mereka mahu *stadium* semacam Han Chiang School indoor stadium—lebih-kurang \$500,000 boleh

cukup. Jikalau Kerajaan mahu buat stadium ini, bolehlah buat satu jawatankuasa semacam Jawatankuasa Seri Pulau Pinang. Orangramai boleh contribute towards the cost of building the indoor stadium. The Government can give half of the money and the land at Jalan Kulit.

Datuk Yang Dipertua, saya harapkan ini satu perkara yang sudah dijanjikan or promised by the Honourable Chief Minister and his own colleagues in this House, so we must keep the promises. There are two more years before the General Elections, so if you do not keep your promises, how are you going to answer pada orangramai dalam negeri kita pada pilihanraya yang akan datang dalam dua tahun lagi? Apa kita janjikan kita tentu mahu buat. Ini satu janji daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Datuk Yang Dipertua, satu masalah lagi ialah berkenaan Bagan Serai Satellite Town. Dalam tahun 1969, Yang Amat Berhormat dan Kerajaan Negeri acquired satu kawasan sebanyak 1,100 ekar. Rancangan itulah Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan ini ia mahu buat satu satellite town which will include hospitals, shophouses, cinemas, government offices and other things. Datuk Yang Dipertua, saya sokong penuh jikalau projek ini boleh dibuat tetapi tentulah rancangan ini mesti mahu dibuat *step by step* and mesti ada satu *concrete plan*.

Datuk Yang Dipertua, pada hari sekarang P.D.C. is handling kawasan di Bagan Serai. Datuk Yang Dipertua, kita semua tahu, P.D.C. ada beberapa rancangan: Kompleks Tun Abdul Razak adalah satu kompleks yang besar, *free trade zone* juga satu rancangan yang besar dan projek-projek perumahan. Saya mencadangkan kepada Kerajaan jikalau Kerajaan mahu buat satu Bagan Serai Satellite Town, tentu saya harapkan Kerajaan mahu buat suatu *corporation*, bukan P.D.C. sahaja, iaitu seperti Petaling Jaya Corporation. Kita boleh gelarkannya Bagan Serai Corporation dan beri kepadanya kuasa to carry out these projects. If a corporation is formed, this

corporation must also include members from the public, from all business sectors, from the industries and from the Government so that they can work together and bring all the industries, businesses and cinemas and other such things into this satellite town.

Datuk Yang Dipertua, if you want to build this satellite town successfully, you must identify the priorities to be carried out in the town so that everything will follow it. Top priority should be given to rancangan sekolah. Kita ada dapat tahu bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada memberitahu Dewan ini bahawa ada 30 ekar akan *be earmarked* bagi sekolah-sekolah dalam kawasan itu. Jikalau kita boleh *utilise* 30 ekar untuk membuat sekolah-sekolah dalam kawasan itu, students may go there and their families may go there to; so naturally everybody will go there and in time we come to essential services like the R.I.M.V. (The Registrar and Inspector of Motor Vehicles). With their presence, others will follow. In fact it is very important that we should identify the priorities.

Another matter which should be included in the top priority list would be the rancangan rumah murah. Jikalau kita boleh buat 1,000 rumah murah dalam kawasan itu, Tuan Speaker, ada lebih-kurang 30,000 orang akan mahu pergi ke sana dan duduk di sana; dan *market*, perniagaan dan kedai-kedai dan gerai-gerai akan dibuka. Macam itulah semua orang boleh masuk. Kalau buat *cinema* orang masuk juga, kalau buat *market* orang tentu masuk juga. Macam itulah Petaling Jaya Corporation was successful in developing Petaling Jaya into satellite town because they can identify the priorities—what should be the top priority and what should not be the top priority.

Datuk Yang Dipertua, satu masalah lain ialah berkenaan debenture loans for our State Development. Ini satu masaalah yang dibangkitkan oleh Gabenor dalam Mesyuarat pada tahun dahulu. Datuk Yang Dipertua, ini satu masaalah saya pun ada bercakap dalam Dewan ini tahun dahulu juga

tetapi saya berasa gembira dan sukacita yang Tuan Yang Terutama ber-setuju akan cadangan itu juga.

Datuk Yang Dipertua, saya faham jikalau negeri kita mahu maju, mahu *progress*, mahu *develop*, kita tentu mahu wang. Pada hari sekarang jikalau kita mahu wang, Kerajaan Negeri mahu pinjam dari sini dan dari sana, dari bank, dari Kerajaan Persekutuan, dan lain kali, barangkali mahu pinjam dari saya juga (*ketawa*). Tetapi saya ingat jikalau Kerajaan ada atau boleh buat rancangan yang memberi faedah atau *benefit* kepada rakyat di negeri kita, saya ingat semua rakyat di dalam negeri kita tentu boleh sokong penuh. Macam itu kita tentu boleh, jikalau kita bekerja kuat sedikit, beri cadangan *debenture loans for the development projects* dan kita boleh dapat wang daripada rakyat dalam negeri kita. Another advantage, Datuk Speaker, for debenture loans is that we do not have to worry about yearly or monthly repayments because the conditions and terms governing the debenture loans are such that only when the loan is due do we pay. The repayment will be due as stated in the terms and conditions.

Datuk Yang Dipertua, jikalau kita ada rancangan yang besar dan boleh beri faedah atau *benefit* kepada rakyat, rancangan ini memerlukan 10 tahun barulah boleh siap. Kita boleh issue debenture loans, terms and conditions, dan kita boleh bayar balik dalam masa 10 tahun. Dalam masa 10 tahun itu kita boleh siap dan kita boleh dapat wang balik dan kita boleh bayar *debenture loan* ini. Pada hari sekarang kita bayar repayment and interest up to something like \$15,000,000 a year which is a lot of money. So I suggest that Kerajaan boleh pertimbang baik-baik and work harder and approach the Federal Government to work out these rules and laws governing these debenture loans and work it fast so that we do not have to borrow from here and there and everywhere.

Datuk Yang Dipertua, satu masaalah lain ialah berkenaan dengan UDA Housing Development in our state. Yang Amat Berhormat memberitahu

Dewan ini UDA ada perumahan murah dengan "Model Kampung" di dalam kawasan Tanjong Tokong. Saya harapkan Kerajaan boleh buat kerjasama yang betul dan kerjasama yang kuat dengan UDA dan dengan P.D.C. juga. Saya harap boleh buat kerjasama dengan pihak berkuasa. Don't let the differences in opinion defer the projects in Tanjong Tokong. If Tanjong Tokong is successfully developed, it will provide thousands of houses for our people; but if, for example, in the free trade area, just because of differences between the P.D.C. and the State Government the project had to be abandoned, I hope that if there is any difference please don't try to delay the matter—carry out the project first and solve the differences later.

Inilah saya harap Kerajaan boleh pertimbangkan. Lagi satu perkara yang I would say is very interesting ialah perkara masalah berkenaan fishing village. Datuk Yang Dipertua, on many occasions, banyak kali dalam Dewan ini, Tuan Yang Terutama himself is very concerned about the fishing industry on our State. Tetapi kita semua ada mendapat tahu bahawa penangkap ikan di Bagan Ajam, Bagan Jermal, Teluk Bahang dan Kuala Muda tidak dapat pertolongan dari Kerajaan. Mereka menggunakan kapal-kapal dan sampan-sampan sendiri untuk menangkap ikan. *Machineries* dan *motor* semua sudah lama, mana dia boleh untung? Dalam tahun yang baik dia boleh dapat keuntungan; dalam bulan yang baik dia boleh untung \$300 hingga \$400 sebulan. Kalau dalam bulan yang tidak baik atau ada hujan dan angin yang kuat, dia tidak dapat keuntungan. Kerajaan tidak buat apa-apa rancangan to improve the fishing industries in our State.

Datuk Yang Dipertua, I say masalah inilah yang *interesting because* saya mahu beritahu pada bulan dahulu saya ada dapat satu trip to Phuket Island in Thailand. Island ini ialah sebuah *fishing village*. Saya ada nampak Kerajaan atau pihak berkuasa Kerajaan tempatan di *island* itu ada buat satu *fishing village* di atas laut. *Fishing*

village ini dibuat bagaimana? Dia taruh semua *coconut trees* dalam laut—satu-satu ditaruh semacam itu. Saya ingat ada dua atau tiga batu. Selepas semua *coconut trees* ditaruh di atas laut, dia taruh papan di atasnya. Di *fishing village* itu ada banyak kedai-kedai juga. Ada sebuah sekolah dan sebuah *aquarium*. I did not count the houses. Ada beberapa rumah di situ, tetapi saya ingat lebihkurang 3,000 buah rumah. Sebuah sekolah mempunyai 18 bilik dan satu bilik ada 56 kanak-kanak belajar di dalamnya. Ada banyak kedai-kedai di sana dan 30,000 orang dalam this village on top of the sea—di atas laut.

Datuk Yang Dipertua, selalu kita ada cakap di luar Dewan ini. Kita selalu ingat kita boleh buat *study tour* kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, tetapi saya yang telah berada di dalam Dewan ini selama tujuh tahun belum mendapat satu *study tour* lagi. Tetapi Majlis Daerah di Butterworth ada *study tour* pergi ke Singapore. Saya ingat jikalau ada *study tour* pergi ke Phuket kita boleh pergi tengok bagaimana dibuat *village* bagi penangkap ikan. Kita tengok bagaimana kita boleh buat.

I also noticed another thing—the sea breeze there is very strong. The sea is also very rough but they can do it with the coconut tree trunks. I believe we can do it also in Penang. Now, if we can do it, all the fishermen can be settled. We can do one in Butterworth and one in Teluk Bahang and we can settle all the fishermen and they can earn their good living and have houses to stay in because now penangkap-penangkap ikan duduk seperti setingan di sana.

Datuk Yang Dipertua, you may think of the cost of the study tour. It does not cost very much. Kerajaan beri *study tour* ini bukan banyak. *Air passage* pergi-balik ialah \$118 sahaja; hotel semalam baru \$15 sahaja bagi sebuah bilik, dan makan \$5 sehari seorang sahaja. Jikalau kita pergi selama tiga hari, perbelanjaan tidak banyak juga, tetapi faedah atau *benefit* kepada orang-orang di tepi laut adalah besar. Saya harap Datuk

Speaker boleh pertimbangkan rancangan kita supaya dapat memberi *benefit* dan faedah bagi orangramai dalam negeri kita.

Datuk Yang Dipertua, lagi satu masaalah yang berkenaan dengan Penang Development Corporation's *investments* ialah P.D.C. tentu mahu pertimbangkan baik-baik dan berjaga-jaga di mana dia *invest*. Datuk Yang Dipertua, kita sudah dapat tahu about the failure of P.D.C. investments in Electronics and again the failure of P.D.C. investments in INTRON; dan sekarang Penang Electronics masuk ke dalam EXCEL Sendirian Berhad. Ini satu syarikat Penang Electronics Sendirian Berhad sudah hilang \$1.5 million pada tahun 1973, mengikut Lapuran Odit P.D.C. atau Auditor's Report. Dalam ucapan-ucapan dalam S.E.D.C. Conference, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada bercakap banyak kali bahawa tentu S.E.D.C. atau P.D.C., Pulau Pinang, mahu tengok bolehkah investment itu memberi faedah bagi semua rakyat di dalam negeri kita. Saya haraplah Yang Amat Berhormat dan P.D.C. tentu mahu baca semua ucapan-ucapan di dalam S.E.D.C. itu. Beliau dan Menteri yang berkenaan dan Parliametary Secretary yang berkenaan ada terangkan apa yang S.E.D.C. mahu jaga. Saya boleh pinjamkan *paper cutting* ini kepada pihak Kerajaan kalau mereka tidak ada *cutting* ini. Inilah satu strong warning that they must look after their investments. Mestilah mereka menjaga *investment* itu baik-baik. Ini semua ada di sini. Saya harap kalau Kerajaan tidak membacanya saya boleh pinjamkan.

Datuk Yang Dipertua, in winding up my speech, I must say two more things: Do not make empty promises during election time macam bridge atau titi besar. Semasa pilihanraya ada dua *signboards* yang mengatakan Kerajaan mahu buat titi besar di Negeri Pulau Pinang, tetapi sekarang apa pun tidak dibuat. Lagi satu, Timbalan Menteri dan Gerakan, Yang Berhormat Dr Goh Cheng Teik ada bercakap bahawa titi ini akan dibuat dalam tahun 1978. Pada masa pilihanraya akan datang

saya tahu tentulah boleh buat pertanyaan di sini dan di sana kerana hendak membuat titi. Tetapi bila habis pilihanraya, semua dilupakan. Saya haraplah jangan buat *empty promises* kepada rakyat kita. Kita janji mahu buat titi dan tentu kita mahu kerja kuat untuk rakyat dalam negeri kita.

Lagi satu masaalah ialah *empty promises* dalam tahun 1974 di mana Ahli Yang Berhormat dari Datuk Keramat pergi ke semua sekolah-sekolah beri bantuan supaya *students* yang miskin boleh membeli buku. Pilihanraya sudah habis dan dia pun sudah menyang. Rancangan itu sudah habis mati. Macam itulah jangan cakap bohong kepada rakyat. Ini tidak betul. Yalah saya tahu, sekarang ini kuasa Persekutuan. Jikalau ini kuasa Persekutuan sebab apa pada masa pilihanraya akan datang kita boleh beri wang untuk masalah itu? Sekarang sebab apa tidak boleh beri? Why not now, and only before the General Elections? I know in the 1978 or 1979 General Elections some of the members of the Government will go again distributing money everywhere. This is bribery—political bribery.

Datuk Yang Dipertua, saya mahu ucapkan berbilang terima kasih kepada Datuk Yang Dipertua kerana majlis jamuan makan malam semalam betul-betul gembira. Saya mahu ucapkan terima kasih. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed): Datuk Yang Dipertua, izinkan saya mengambil bahagian dalam ucapan terima kasih yang dibawa oleh sahabat saya dari Penaga kepada Tuan Yang Terutama Gabnor yang telah melafazkan ucapan di dalam Dewan ini.

Datuk Yang Dipertua, saya menyokong rakan saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama yang telah membuat ucapan pada 31hb kelmarin. Datuk Yang Dipertua, banyak perkara yang telah disentuh di dalam bidang Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan rancangan-rancangan pada masa yang akan datang. Perkara yang pertama yang menarik hati saya ialah berkenaan de-

ngan pasukan keselamatan di dalam negara kita yang telah memainkan peranan bagi melindungi semua rakyat negeri ini daripada berbagai perkara ancaman terhadap rakyat negeri ini dan juga kepada kita yang ada di dalam Dewan ini. Dan pasukan keselamatan ini telahpun banyak berjasa kepada Negara kita dan saya yakin penuh bahawa Kerajaan kita juga tidak mengabaikan tanggungjawab dan memberi kemudahan-kemudahan yang banyak kepada pasukan keselamatan kita yang menjaga dan menggadai nyawa untuk mempertahankan negara kita daripada dicerobohi oleh pengkhianat-pengkhianat negara.

Di samping itu, Datuk Yang Dipertua, saya sukacitalah juga menarik perhatian kepada Dewan ini bahawa apa yang telah dirungutkan oleh orang-ramai yang bersimpati kepada pasukan keselamatan di dalam masa menjalankan tugas. Datuk Yang Dipertua, ada satu perkara lain yang agak kurang memuaskan yang menjadi rungutan kepada orang-ramai yang saya katakan tadi ialah dua orang pasukan keselamatan kita telah ditembak oleh anasir-anasir yang tidak diingini di Bukit Mertajam. Orang-orang dari pasukan keselamatan ini mendapat kemalangan dan pihak rawatan di Hospital meletakkan mereka di tempat yang terdedah di mana mereka mendapat rawatan. Inilah rungutan yang saya kemukakan kepada Dewan ini bahawa pada masa akan datang jika berlaku kemalangan kepada pasukan keselamatan kita patutlah pihak Jabatan Kesihatan menempatkan mereka ini di suatu tempat khas yang dikawal. Apa yang menjadi kebimbangan orang-ramai ialah mereka yang telah menerima kemalangan yang saya katakan tadi ditempatkan di tempat yang terdedah, dan mungkin mereka mendapat kemalangan yang kedua pula. Itulah rungutan-rungutan yang patut pihak Kerajaan mengambil perhatian yang berat pada masa yang akan datang jika pasukan keselamatan kita mendapat kemalangan dalam masa-masa bertugas. Dan kita rasa khidmat-khidmat pasukan keselamatan ini adalah cukup cemerlang di dalam Negara

kita dan kalau kita katakan mereka mengabaikan tanggungjawab mereka, mungkin kita tidak akan ada bersamasama di Dewan ini untuk membincangkan. Jadi itulah saya sampaikan daripada rungutan rakyat yang kasihkan pasukan keselamatan kita.

Yang kedua, Datuk Yang Dipertua, saya sungguh tertarik hati di atas ucapan Tuan Yang Terutama berkenaan dengan mustahaknya Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang ada di dalam negeri kita. Datuk Yang Dipertua, Rancangan Malaysia yang Pertama telah dilancarkan, Rancangan Malaysia yang Kedua telahpun selesai dan pada hari kita akan masuk ke gerbang Rancangan Malaysia yang Ketiga. Penyusunan semula Jawatankuasa Kemajuan Kampung bagi membuat rancangan-rancangan bekerja keras untuk menghasilkan tujuan Rancangan Malaysia yang Ketiga adalah mustahak dan penting di dalam Negeri Pulau Pinang ini khususnya.

Datuk Yang Dipertua, Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini telah diwujudkan beberapa lama yang lampau dan pembaharuan telah dibuat pada tahun 1974 dan saya rasa jawatankuasa yang kita pilih dan beri amanah ini tidak ada satu panduan yang mereka boleh ikut untuk menjalankan tugas-tugas mereka kerana Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini ialah satu jawatankuasa yang paling rapat sekali dengan rakyat jelata yang ada di luar bandar. Jadi kalaulah mereka ini kita beri tugas kepada mereka yang tidak mempunyai panduan-panduan yang tertentu, saya rasa Rancangan Malaysia yang Pertama, yang Kedua dan yang Ketiga juga tidak akan tercapai satu hasil yang baik kalau tidak mereka ini diberi latihan terus dan diberi panduan yang sewajarnya untuk mereka menjalankan tugas-tugas melaksanakan Rancangan Malaysia yang Ketiga berkaitan dengan rakyat sekelian. Apa yang saya tekankan di dalam Majlis ini ialah penyusunan semula Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini patutlah diambil perhatian berat dan ahli-ahli yang dipilih untuk duduk di dalam Jawatankuasa Kemajuan Kampung akan dapat mem-

bincangkan masalah-masalah orang-ramai, masalah-masalah ekonomi, penyertaan bumiputra di dalam perdagangan dan sebagainya supaya mereka ini dapat menjalankan tugas ini dengan sempurna dan dengan lebih baik pada masa akan datang.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, saya yakin penuh adalah tanggungjawab yang berat bagi melaksanakan rancangan itu dan patutlah pihak Kerajaan menimbang dengan sepenuhnya. Kita telah tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telahpun mengarahkan semua Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri supaya bersiap sedia untuk menghadapi Rancangan Malaysia Ketiga. Dan saya yakin penuh pihak Kerajaan akan dapat melaksanakan rancangan itu dengan sepenuhnya di dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga, tetapi jentera-jentera perlaksanaannya hendaklah diperbaiki dan diberi bimbingan yang sepenuhnya. Dengan sebab itu, saya mengatakan Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini patutlah disusun semula dan diberi panduan-panduan bagi mereka melaksanakan Rancangan Malaysia yang Ketiga.

Datuk Yang Dipertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan rancangan perumahan yang dilancarkan pada masa dahulu dan juga yang akan dilancarkan pada masa yang akan datang. Apa yang telah kita dengar suara-suara dalam Dewan ini banyak perkara-perkara yang patut kita baiki dalam bidang rancangan pelaksanaan perumahan ini bagi menyelaraskan kehendak-kehendak rakyat di dalam negeri kita, terutama sekali di dalam Negeri Pulau Pinang dan di Seberang Perai ini. Rancangan-rancangan perumahan ini, pihak Kerajaan telahpun mengadakan beribu-ribu buah rumah dan rumah-rumah ini telah diberikan kepada yang berhak menerimanya. Tetapi apa yang ditekankan di dalam Dewan ini, pada masa akan datang, di dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga ini, patutlah juga Jawatankuasa Perumahan Negeri Pulau Pinang merancang rancangan perumahan luarbandar, rancangan perumahan

murah bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan yang pada masa ini masih banyak menyewa dan menduduki di rumah-rumah yang bukan rumah sendiri. Dengan sebab itulah saya menekankan di dalam Dewan ini bahawa pada masa akan datang, dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga, perkara ini patutlah dititikberatkan kerana rancangan-rancangan perumahan yang diadakan pada masa ini yang dilaksanakan oleh P.D.C., Nusantara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kerajaan Negeri, saya rasa, adalah rancangan-rancangan yang diadakan di dalam bandar-bandar dan orang-orang yang menyertainya adalah orang-orang yang mempunyai kemampuan yang besar untuk memilikinya; tetapi rakyat-rakyat yang berpendapatan kecil yang bekerja dalam Division IV atau dalam Tingkatan IV ini tidak dapat menyertai di dalam rancangan-rancangan perumahan ini. Itulah saya tekankan di Dewan ini bagi merancang perumahan yang akan datang patutlah dirancangan perumahan rakyat luarbandar dan juga perumahan kepada kakitangan dalam Bahagian IV.

Datuk Yang Dipertua, saya sungguh tertarik hati dengan ucapan Tuan Yang Terutama berkenaan dengan perbandaran desa dan pembangunan bandar. Dalam bidang perbandaran desa, saya rasa pihak Kerajaan atau pihak pelaksanaan patutlah memandang berat bagi penyertaan bumiputra di dalam bidang perniagaan bilamana Kerajaan melaksanakan rancangan perbandaran desa dan juga pembangunan bandar; dan saya menyeru supaya Kerajaan mengadakan rancangan-rancangan ini bagi menempatkan bumiputra bersama-sama mengambil bahagian dalam perniagaan di dalam bandar dan patut juga Kerajaan mengadakan satu kawasan khas di dalam bandar supaya dapat rakyat bumiputra mengambil bahagian bersama-sama dengan kaum-kaum yang lain di dalam bandar dalam bidang perniagaan ini. Kerana ini sahajalah saya rasa persefahaman dapat dijalinkan di dalam negeri ini. Datuk Yang Diper-

tua, saya rasa perkara-perkara yang saya utarakan ini adalah perkara-perkara yang boleh kita fahamkan bahawa inilah satu jalan yang boleh kita menyatupadukan rakyat di dalam negeri kepada satu matlamat, satu bangsa dan satu negara.

Datuk Yang Dipertua, menyentuh tentang ucapan Tuan Yang Terutama berkenaan dengan membentuk masyarakat berbilang kaum dalam bidang perniagaan, perindustrian dan lain-lain, saya rasa Dewan ini juga bersetuju dengan saya bahawa bagi mempersetabilkan pendapatan rakyat di dalam Negeri Pulau Pinang, ada satu perkara yang patut kita kajikan dengan sepenuhnya. Perkara itu ialah, rakyat Pulau Pinang ini adalah terdiri dari lima golongan rakyat: Golongan pertama ialah rakyat yang kaya dan terlalu kaya; golongan yang kedua kaum-kaum yang makan gaji; golongan ketiga ialah kaum-kaum sederhana; golongan yang keempat ialah kaum miskin dan golongan yang kelima ialah kaum yang terlalu miskin. Kelima-lima golongan inilah, saya rasa, adalah tanggungan berat kepada Kerajaan Negeri kita bagi melaksanakan dan menyebarkan pendapatan rakyat di dalam negeri. Saya menyeru Kerajaan supaya mengkaji dan menyusun dengan rapi supaya keadaan-keadaan ini dapat dipertimbangkan dan dapat diberikan rezeki yang adil kepada golongan-golongan yang saya utarakan di dalam Dewan ini. Saya juga menarik perhatian Dewan ini bahawa kalau ada kaum yang kaya dan yang terlalu kaya menggunakan kekayaannya bagi menekan kaum yang susah dan yang paling susah, saya rasa Kerajaan tidak akan dapat mempersetabilkan kedudukan perimbangan rakyat negeri, dan saya suka jugalah menarik perhatian Dewan ini bahawa bagi melaksanakan rancangan ini Kerajaan patutlah mengkaji semula bidang penyertaan rakyat di dalam perindustrian dan dalam bidang perusahaan. Kalau ada taukeh, kalau ada orang-orang yang terlalu miskin, saya rasa orang-orang yang kaya tidak akan dapat menanggung kekayaannya tanpa pertolongan orang-orang yang miskin dan yang terlalu miskin. Jadi,

dengan yang demikian, perkara-perkara ini patutlah kita kaji semula dan patutlah orang-orang kaya ini memberi peluang yang banyak kepada orang-orang yang miskin untuk menyertai rancangan-rancangan, projek-projek perindustrian dan perusahaan supaya dapat dinikmati oleh orang kaya dan juga orang-orang yang miskin.

Datuk Yang Dipertua, saya utarakan perkara-perkara ini supaya menjadi pedoman kepada kita, kepada Kerajaan dan kepada rakyat jelata dalam penyertaan Rancangan Malaysia yang Ketiga. Jadi dengan ini saya penuh yakin bahawa kalau perkara-perkara yang saya utarakan dalam Dewan ini dapat kita laksanakan, rakyat dari semua golongan rakyat yang saya utarakan dalam semua jenis tingkatan pendapatan ataupun lima jenis golongan rakyat yang ada dalam Negeri Pulau Pinang ini akan mengucapkan ribuan terima kasih.

Itulah, Datuk Yang Dipertua, perkara-perkara yang mustahak yang saya fikirkan patut dijalankan dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga yang akan datang dan saya juga mengucapkan ribuan terima kasih di atas ucapan Tuan Yang Terutama di Dewan ini dan menyokong Usul daripada sahabat saya dari Penaga atas ucapan tersebut.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama, Gabnor Pulau Pinang, atas ucapannya. Saya ingin memberi sokongan atas Usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Penaga, dan ingin juga menyentuh di atas beberapa perkara.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun dengan adilnya menitik-beratkan di atas kepentingan dan mustahaknya projek-projek perbandaran desa dan pembaharuan bandar serta perindustrian. Apa-apa rancangan yang sedemikian hendaklah selalu mengambil perhatian terhadap keperluan-keperluan sosial, ekonomi dan *aesthetic* orang ramai dan akibat-akibatnya. Bagan Lepas dan Bagan Serai adalah contoh-contoh yang baik di mana

perbandaran desa dan rancangan perindustrian dirancang dengan sebaik-baiknya dan dijalankan dengan teliti dengan peruntukan bukan sahaja atas peluang-peluang pekerjaan tetapi juga untuk kemudahan-kemudahan infrastruktur sosial dan sivik yang sesuai untuk orang ramai.

Satu contoh yang jelas kelihatan atas rancangan yang tidak memuaskan ialah di kawasan Jalan Mt. Erskine dan sebahagian di Tanjung Tokong—satu kecuaihan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dalam tahun keenampuluhan. Lebih seribu buah rumah-rumah dibina dengan tanpa rancangan atas jalan-jalan dan parit-parit dan kemudahan infrastruktur seperti pasar, balai rakyat dan klinik, dan tanpa pula rancangan jangka panjang seperti pencegahan kebakaran dan banjir.

Jumlah penduduk-penduduk Hong Seng Estate sahaja adalah lebih-kurang 6,000, lebih besar daripada kebanyakan kampung-kampung baru. Dahulu ramai orang dipaksa ke perkampungan-perkampungan baru oleh ancaman-ancaman komunis; penduduk-penduduk di tempat-tempat seperti Hong Seng Estate telah terpaksa dengan sebab kemiskinan untuk tinggal di tepi tanah perkuburan. Saya mesti tegaskan, Datuk Yang Dipertua, bahawa kemiskinan membawa lebih ancaman kepada Kerajaan berbanding dengan sebarang *ideology*.

Datuk Yang Dipertua, Hong Seng Estate, Pepper Estate, Jin Siew Estate, Soo Hong Estate, Kampung Haji Mahmud, Kampung Sayur dan Kampung Cina dan lain-lain tempat lagi dalam Pulau Pinang, semuanya ini menjadi satu akibat disebabkan oleh kekurangan perancangan dan pengawalan oleh Kerajaan Tempatan dan Negeri di dalam tahun-tahun keenampuluhan. Dalam masa itu, saya diberitahu, nombor-nombor rumah dijual dengan terbuka sebelum rumah-rumah dibina. Kawasan-kawasan ini hanya tiga atau empat batu dari Bandaraya George Town, dan setengah-setengahnya boleh dilihat oleh pelancong-pelancong antarabangsa yang datang menginap di hotel-hotel di tepi

laut di Batu Feringghi. Pelancong-pelancong ini juga dapat melihat, dalam perjalanan mereka, tanah perkuburan yang sekali dilapurkan di dalam "Asia Magazine" sebagai tanah perkuburan yang terbesar sekali di Asia Tenggara. Nampaknya, tempat perkuburan ini dirancang dan dijaga dengan baik lagi berbanding dengan mereka yang hidup. Tanah perkuburan ini terletak di tempat yang terbaik sekali, jauh daripada banjir dan kebakaran, dan jalan-jalannya terbaik dan dibina dengan tar dan dijaga dan dipelihara dengan baik oleh kongsi-kongsi yang kaya. Sebagai contohnya, kongsi United Hokkien Cemetery sehingga hari ini enggan mengtarkan jalan yang masuk ke Hong Seng Estate, sungguhpun jalan-jalan yang lain telah ditarkan. Penduduk-penduduk Hong Seng Estate, telah membuat empat rayuan kepada United Hokkien Cemetery Kongsi tetapi gagal. Saya ingin mengambil kesempatan ini merayu kepada Ahli Jawatankuasa Hokkien Cemetery Kongsi supaya jangan mengeneipkan keperluan lebih-kurang enam ribu penduduk-penduduk miskin di Hong Seng Estate.

Apabila Menteri Perkampungan Baru dan Perumahan melawat sesuatu Kampung baru, banyak wang akan diberi untuk membaiki berbagai-bagai sekim. Saya ingin merayu kepada Menteri ini supaya menimbang milik tanah di estet-estet ini supaya wang-wang itu dapat dibelanjakan atas perumahan dan membaiki sekim-sekim di kawasan ini. Saya amatlah sukacita memerhatikan bahawa Kerajaan Negeri telahpun mengambil tindakan meringankan masalah banjir di Kampung Haji Mahmud, Kampung Sayur dan Kampung Cina. Sebagai satu teguran, saya ingin mencadangkan bahawa Jabatan Perancang Negeri harus mengkaji kemajuan dan perancangan semula dengan keseluruhannya di kedua-dua kawasan Mt. Erskine termasuk sebahagian Tanjung Tokong, Fettes Park dan Pepper Estate.

Datuk Yang Dipertua, saya sangatlah gembira melihat bahawa kedua-dua Kerajaan Negeri dan L.P.K.T.,

Pulau Pinang sedang membuat dengan setakat yang boleh mengawasi pencemaran, terutama sekali pencemaran di dalam laut, di kawasan Pantai Utara. Hotel-hotel yang di bina di Batu Feringghi telah memberi faedah kepada penduduk tempatan dari segi pendapatan dan pekerjaan. Untuk menggalakkan pelancungan, lain daripada melabur modal secara besar-besaran, satu penyertaan yang giat dan positif dari semua segi perusahaan oleh penduduk-penduduk tempatan sangat mustahak supaya penduduk-penduduk tempatan dapat menikmati perkongsian dengan memainkan peranan yang penting dalam usaha-usahanya.

Terdapatlah beberapa cara di mana orang-orang tempatan ini boleh menyertai seperti restoran-restoran tempatan yang menyajikan makanan tempatan, gerai-gerai cenderamata dan kedai-kedai yang menjual kain batik dan lukisan-lukisan, bot-bot persiaran atau bas-bas ke laut. Untuk pelancung-pelancung, pondok-pondok orang-orang Melayu boleh ditukarkan menjadi chalet, pemandu-pemandu pelancung dan lain-lain. Apa yang diperlukan ialah satu perancangan yang lebih komprehensif dengan setengah bantuan Kerajaan Negeri, supaya penyertaan oleh penduduk-penduduk tempatan tidak akan merupakan perbuatan yang pasif dan tak berhala, tak dirancang dan tak diselenggarakan.

Bandar Tanjung Bungah sedang berkembang dengan pesat dan beratus-ratus lebih rumah akan dibina semasa tahun-tahun yang akan datang. Pembinaan sebuah pasar untuk penduduk-penduduk tempatan dan yang berhampiran telah menjadi suatu mimpi bagi orang ramai selama beberapa tahun. Saya berharap Kerajaan Tempatan tidak akan melewatkan lagi untuk mendirikan ini di bawah Rancangan Malaysia yang Ketiga.

Datuk Yang Dipertua, projek UDA di Tanjung Tokong itu telah dijanjikan kepada rakyat tempatan untuk beberapa tahun. Penduduk-penduduk itu merasa risau oleh sebab kelewatan yang berulang dalam perlaksanaan projek itu oleh kerana kelewatan yang

lanjut mungkin mengakibatkan bertambahnya harga pelaksanaan sampai penduduk-penduduk suatu hari kelak akan tidak mampu membayar sebarang unit perumahan yang didirikan. Projek ini menunjukkan sekali lagi suatu usaha Kerajaan Negeri untuk memperbaiki keadaan hidup orang-orang Melayu dan mempertingkatkan taraf hidup mereka. Ini sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru kita supaya membasmi kemiskinan tanpa mengira bangsa dan saya berharap pihak berkuasa UDA akan mempercepatkan projek itu supaya kepantasan serta faedah kemajuan di Negeri Pulau Pinang boleh dilihat dan dinikmati dengan sama oleh semua rakyat jelata. Sebagai satu langkah lanjut untuk membantu penduduk-penduduk di Tanjung Tokong, mungkin setengah-setengah perindustrian ringan yang boleh diusahakan dalam rumah-rumah pangsa atau cara-cara lain yang keadaan mungkin membenarkan boleh ditubuhkan dalam sekini ini supaya pendapatan rakyat jelata boleh diperbaiki dengan lanjutnya.

Walaupun semua bantuan ini telah disediakan bagi bumiputra di Pulau Pinang, masih terdapat pengaduan-pengaduan mengenai usaha yang tidak mencukupi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat mempercepatkan usahanya dalam hal ini supaya matlamat 30 peratus penyertaan bumiputra di Negeri Pulau Pinang boleh dicapai dengan secepat mungkin. Ini juga merupakan peratusan bumiputra di Pulau Pinang dan pencapaian sasaran ini harus membuktikan kepada semua rakyat jelata usaha dan keikhlasan bagi pihak Kerajaan Barisan Nasional di Pulau Pinang supaya mencapai sebuah masyarakat yang adil dan saksama di negeri ini.

Datuk Yang Dipertua, suatu pengasasan di mana kita boleh memupuk kemajuan dan kemakmuran kita dan membina sebuah masyarakat adil dan saksama terletaklah di atas keselamatan kita. Ianya mesti menjadi selamat, dan kelihatan selamat untuk orang-orang ramai bergerak di sekitar tem-

pat-tempat orangramai supaya melaksanakan perniagaan dan hidup berkeluarga. Dengan izin: It must be safe and be seen to be safe for people to move about in public places to conduct business and lead their family lives. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke atas usaha kakitangan polis dalam mengawasi keamanan dan keselamatan di negeri ini, dan merasa terhutang budi kepada mereka di atas semua pengorbanan yang mereka telah buat.

Bagaimanapun, keselamatan tidak semestinya menjadi tanggungjawab askar-askar dan kakitangan polis sahaja. Keselamatan yang memadai boleh dijaga hanya melalui usaha bersama-sama dan kerjasama dan percubaan gabungan semua rakyat jelata tanpa mengira jantina, usia, profesyen atau fahaman politik. Oleh yang demikian, saya merayu kepada rakyat jelata supaya memainkan suatu peranan yang aktif dalam RELA, Perhubungan Masyarakat dan Rukun Tetangga. Saya merasa gembira bahawa Unit Rukun Tetangga Midlands sedang dibentuk, dan saya harap kemudiannya semua pertubuhan yang seperti ini boleh dilanjutkan meliputi tempat-tempat seperti Jalan Mt. Erskine, Fettes Park, Pantai Molek, Tanjung Bungah Park, Taman Sea view dan Vale of Tempe.

Datuk Yang Dipertua, saya menyokong Usul ini.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Datuk Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian dalam bahasan Usul terima kasih ini.

Datuk Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Gabnor di atas ucapan dasar dan mengenai kedudukan kemajuan Kerajaan Negeri. Rancangan Malaysia yang Ketiga akan dimulakan pada bulan Julai tahun ini. Kami telah mendapat tahu bahawa Federal Grants akan diterima oleh kerajaan-kerajaan negeri dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga dari surat khabar. Seumpama Negeri Kedah akan mendapat \$836 juta dalam Rancangan ini. Negeri-negeri yang belum maju di Malaysia mestilah akan menerima lebih wang daripada

negeri-negeri yang telah maju. Negeri kita tidak boleh disebutkan telah maju walaupun sebahagian telah dimajukan. Ada juga lain-lain tempat yang belum dimajukan, iaitu tempat-tempat di luar bandar. Di tempat-tempat di luar bandar, kehidupan penduduk-penduduk tidak senang sebagai penduduk-penduduk di bandar. Dengan izin, Datuk Yang Dipertua: People in the rural areas are not enjoying the services and facilities enjoyed by the people in the urban areas. Kalau kita sebutkan Bagan Dalam sebagai umpama, kita akan dapati bahawa tempat ini belum dimajukan sebab jalan-jalan raya, saluran-saluran dan bekalan-bekalan elektrik dan air semuanya belum diperbaiki, dan kalau hujan lebat tempat ini menjadi bah. Di Butterworth juga keadaannya sama sebab saluran-saluran tidak baik. Selain dari George Town, tempat bandar-bandar baru dan tempat-tempat perindustrian, tempat-tempat yang lain semuanya belum dapat dimajukan dengan penuh. Kalau kawasan di luar bandar tidak dimajukan sepertimana di bandar, tentu akan menjadi genting antara bandar dan luarbandar. Kalau tindakan tidak diambil, kegentingan ini akan menjadi besar dan akan menjadi tidak adil. Kerajaan Negeri kita mestilah memberitahu kepada Kerajaan Persekutuan iaitu negeri kita belum bertambah maju sepenuhnya sebagaimana yang diingat oleh orangramai dan memerlukan bantuan dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga untuk membina tempat-tempat yang belum dimajukan lagi.

Datuk Yang Dipertua, "Penang Heads" ialah *motto* penduduk-penduduk di Pulau Pinang, dan saya berasa gembira untuk menyebut bahawa Majlis-Majlis Tempatan dijadikan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, dan pada masa sekarang kita telah memulakan sekim Rukun Tetangga. Kewajipan dan sokongan penduduk-penduduk untuk menjalankan tugas mereka dalam perkara ini sangat dihargai.

Datuk Yang Dipertua, Tuan Yang Terutama Gabnor ada memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan memberi peluang perumahan murah untuk

penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah. Saya berasa perkara ini akan diterima dengan sukacita oleh penduduk-penduduk negeri kita. Bila Yang Berhormat Encik Rajasingam bertanya di Parlimen, Menteri Perumahan, Yang Berhormat Encik Michael Chen ada memberitahu Parlimen iaitu dalam Rancangan Malaysia yang Kedua, \$8.16 juta telah diasingkan untuk Negeri Pulau Pinang untuk projek perumahan, tetapi \$1.1 juta sahaja yang telah digunakan. \$7 juta yang tidak digunakan itu dapat dikembalikan kepada Kerajaan Persekutuan. Saya berasa dukacita sebab \$7 juta yang boleh lagi digunakan oleh negeri kita untuk membina banyak rumah-rumah murah tidak digunakan oleh negeri kita.

Saya minta Kerajaan Negeri untuk membina rumah-rumah murah dalam kawasan bandar dan di luar bandar. Rumah-rumah ini mestilah dibina untuk orang-orang yang berpendapatan rendah dan berharap tidak lebih dari \$10,000. Rumah-rumah di Bagan Serai dan Bayan Baru berharga \$20,000 dan lebih. Ini tidak boleh dikatakan rumah murah. Rumah-rumah ini tidak dapat dibeli oleh orang-orang yang berpendapatan rendah sebab bayaran mulanya ialah \$8,000 dan bayaran bulanan ialah lebih-kurang \$150. Orang-orang yang mendirikan rumah-rumah sendiri—or *squatters*—di tanah Kerajaan ialah orang-orang yang pendapatannya lebih-kurang \$100 atau \$150 sebulan. Banyak rumah-rumah sebagainya didirikan di Sungei Dua, Jelutong, Bagan Dalam dan di lain-lain tempat oleh orang-orang dari berbagai kaum di Malaysia dan oleh sebab kesusahan, mereka mendirikan rumah-rumah di atas tanah Kerajaan dengan tidak ada kebenaran.

Datuk Yang Dipertua, ini ialah masalah kebajikan, dan apabila kerajaan atau Penang Development Corporation membina rumah-rumah, orang-orang ini mestilah diingati. P.D.C. mestilah ingat akan masalah kebajikan ini dan bukan sahaja ingat akan keuntungan apabila mendirikan rumah-rumah murah ini.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Dalam, adakah panjang lagi?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Lagi 2 minit sahaja.

Kerajaan Negeri atau P.D.C., apabila mereka menjual rumah-rumah ini mestilah memberi syarat-syarat bahawa pembeli-pembeli rumah-rumah itu tidak dibenarkan menjual rumah-rumah dalam beberapa tahun. Syarat-syarat sebagai ini tidak ada bila rumah-rumah di Bagan Serai dan Bandar Bayan Baru dibina. Oleh itu rumah-rumah ini boleh bertukar tangan. Kerajaan Negeri boleh membina tabung—*create a State fund*—untuk menolong orang-orang dengan tidak mengenal kaum, dan menolong mereka yang perlukan pertolongan dan mereka yang tidak dapat membayar *down-payment* dengan membenarkan mereka tidak payah membuat bayaran dahulu dan hanya membuat bayaran bulanan perumahan Kerajaan. Maka dengan itu polisi Kerajaan untuk mengatasi masalah orang-orang yang berada dan orang-orang yang tidak berada boleh dihapuskan dengan tidak mengenal dari apa bangsa mereka terdiri. Dengan izin, Datuk Yang Dipertua: The State could create a fund which could help those people irrespective of their racial origins, who are poor and really deserve to be helped but who do not even have the means even to make the down-payment to purchase the low-cost houses. By providing the down-payments, it could be recovered by small instalments paid monthly. Otherwise, Datuk Speaker, the low-cost houses could be sold without any down-payment so that the purchase price may be paid by small monthly instalments over a number of years. In this way the Government's policy of re-structuring the society could be achieved and the gap between the haves and the have-nots in any particular race or between the races may be ended.

Dan akhir sekali, Datuk Yang Dipertua, saya berharap tabung-tabung akan diadakan dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga untuk membina "epicentres" sebagai yang ada di Bagan Serai dan Bayan Baru dan juga

membbaiki saluran dalam bandar-bandar dan kampung-kampung yang mempunyai.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.58 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 2.32 petang.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, saya bangun ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Gabnor sebab ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor di Persidangan Dewan Undangan Negeri yang berhimpun pada 3hb Mei, 1976.

Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin berucap bahawa saya juga ingin mencatatkan rasa dukacita di atas kembalinya ke Rahmatullah bekas Gabnor Negeri Pulau Pinang, Tun Datuk Syed Sheh Barakbah pada 8hb Oktober, 1975. Datuk Speaker, dengan izin, saya hendak bercakap sepatah dua kata dalam bahasa Inggeris di atas perkara ini. Tuan Speaker, Sir, His Excellency was a very dedicated Governor and he was fair and he dedicated himself to the welfare and well-being of the people of Penang, and I would like to express my sincere sympathy to his wife, Toh Puan Datin Hajjah Sharifah and his family.

Sir, let it also be recorded that the untimely demise of the late Tun Razak is a loss to the country as a whole and in spite of our political differences and opinions, I still hold a high esteem for him as a leader of the country whose aim was to bring about a more just and united nation in which every Malaysian, irrespective of race, creed and religion has a place to live in. I would like also to take this opportunity to express my personal and sincere sympathy to Toh Puan Rahah and family on the untimely demise of the late Tun.

Tuan Speaker, dalam Ucapan Tuan Yang Terutama, ada tersebut beberapa perkara berkenaan dengan pembangunan di Pulau Pinang. Tetapi, Tuan Speaker, nampaknya Kerajaan Negeri, dalam usahanya untuk memajukan Negeri Pulau Pinang telah lupa pembangunan di Seberang

Perai langsung. Ini telah terbukti bahawa pihak Kerajaan Negeri hanya menumpukan segala usahanya kepada projek-projek di Urban Centre atau Projek Tun Abdul Razak, as it is now known. At the same time, a request for development of projects in Province Wellesley has been frequently postponed or even ignored by the State Authority. One good example is the Pontoon Bridge at Permatang Pauh, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Saya harap Yang Berhormat dari Bukit Mertajam tolong bercakap dalam bahasa Melayu lebih banyak sedikit. Saya sudah bagi kenyataan dan ingatan beberapa kali. Saya haraplah bila-bila hendak bercakap, cakaplah Bahasa lebih sedikit.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Boleh, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah berjanji beberapa kali untuk membinanya semula dalam beberapa tahun yang lalu tetapi sayang sekali janji ini tinggal janji sahaja. Tahukah beliau keadaan jambatan tersebut? Saya harap Kerajaan akan untuk bila-bila masa dan ketika mengambil berat mengenai janji mereka. Setakat ini, Tuan Speaker, pihak Kerajaan Negeri masih belum menyediakan sebarang plan yang *concrete* untuk melaksanakan projek ini. Tuan Speaker, dengan izin. I hope the Government will realize that the people, thousands of them atau beribu-ribu orang, ada menggunakan jambatan ini tiap-tiap hari. This pontoon bridge is in a state of collapse. Most of us in Province Wellesley use it and I hope a concrete plan will be drawn up soon before we have another tragedy similar to the one that happened to the bridge linking Bandar Baru to Farit Buntar in which a number of people including schoolchildren were drowned. Tuan Speaker, this also will help with the construction of the new bridge and more people may use this new bridge. It will help to a very great extent the heavy traffic that is existing along the main Prai Road where many accidents have occurred.

Lagi satu contoh yang ketara pihak Kerajaan Negeri terhadap penduduk-penduduk di Seberang Perai ialah peruntukan untuk membuat rancangan serta taksiran perbelanjaan bagi menggantikan dua batang *culvert bridges* di Sungai Ara dan Sungai Rawa dekat Jalan Kampung Cross di Bukit Mertajam.

Tuan Speaker, dengan izin lagi: I quite understand that the Honourable Member for Bayan Lepas, for the last two Sessions, replied that the plan had been drawn up, but the Honourable Member has failed to give me a definite answer as to when this will take effect because this is a very serious problem and every time it rains heavily, thousands of people living in the area, most of whom own a small plot of land where they grow vegetables for their livelihood, see their crops frequently destroyed by the heavy rain. Saya bukan mari ke sini mahu bangkang atau mahu minta just for the sake of speaking, but this is a very true problem and I hope the Honourable Member for Bayan Lepas will give it serious consideration. Kalau ini boleh dibuat, and this will go a long way to show the people that the Government is sincere in helping the people in Penang, especially the rural people, and this will also be in line of the Government policy of getting rid of poverty in the rural area.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri kita tidak patut membeda atau *discriminate* against penduduk-penduduk di Seberang Perai. I regret very much, Tuan Speaker, that I have to use these words because all along projects and development have been earmarked and have been planned for George Town City and Penang Island as a whole, but please do not forget that in Province Wellesley the people make up a total population of 40 per cent of the people of Penang.

Tuan Speaker, saya hendak menegaskan sekali lagi tentang taraf tidak seimbang antara Seberang Perai dan Pulau Pinang dan suka menarik perhatian Kerajaan Negeri bahawa kami penduduk-penduduk di Seberang Perai memerlukan sebuah Pejabat Setem

di kawasan kami. Penduduk-penduduk di sini mengalami banyak kesulitan bila hendak mengsetemkan dokumen-dokumen mereka. I quite agree if you reply that this revenue will go to the Federal Government, but still, for the convenience and to save the public's wastage of time and money, at least a Stamp Office should be put up in Province Wellesley. There has been frequent requests by associations and individuals to put up a Stamp Office in the mainland untuk menolong penduduk-penduduk di kawasan Seberang Perai, and it won't cost much. We have a Stamp Office in Kulim. It is a very simple one because they use the Land Office. One clerk is there to chop the documents. But at the moment, the people have to travel all the way to Penang atau ke Kulim just to stamp the documents, and the distance and money involved could have been saved if there is such a Stamp Office. Probably the Government is not aware of this, tetapi sekarang saya sudah beritahu pihak Kerajaan Negeri, saya harap Kerajaan Negeri boleh ambil perhatian akan permohonan saya.

Tuan Speaker, lagi satu perkara saya mahu minta pihak Kerajaan Negeri ambil perhatian ialah keadaan Mahkamah di Bukit Mertajam. Although, Tuan Speaker, this is a Federal matter, I understand that the Federal Judiciary Department has frequently allocated money for this project, but they were unable to find a piece of state land for the construction of a new court-house, and as a lawyer, I am sure the Member from Bayan Lepas will also agree that it is impossible even for the magistrate or lawyer or anybody else to conduct any case there. Saya pun tahu ada satu kes di mana seorang Magistrate mahu minta pertukaran because, he said, the condition of the new court-house and the noises made by the traffic is driving him crazy. It is a fact and I hope the Government will find a piece of state land for the construction of this court-house. I do not know how far this is true—if it is not true you can refute me in your

reply—that money was allocated for the construction of a court-house in Bukit Mertajam quite some years ago, but since no state land was provided for, the money was used to construct the new court-house in Kulim. I hope you will enlighten me on this point.

Tuan Speaker, berapa lamakah penduduk-penduduk di Bukit Mertajam dan lain-lain kawasan di Seberang Perai akan dipermain-mainkan kerana kecuaiannya Kerajaan Negeri? Apakah gunanya melawat kemajuan di sana-sini bila hanya setengah penduduk-penduduk sahaja mendapat faedah darinya? Lagi ada satu contoh: Lihatlah keadaan di Bukit Mertajam Hospital. Saya harap Ahli Yang Berhormat Ketua Menteri boleh pada satu hari membuat lawatan dan melihat keadaan di hospital itu sendiri. There is nothing wrong with that. After all, even the Menteri Besar of Kedah made a surprise visit to the District Hospital in Sungai Patani last month, and he was shocked to see the conditions there. The same conditions prevail in the hospital in Bukit Mertajam where the bells are not working—nothing is working in fact. Every time you call for an ambulance, the ambulance will take hours to come. Tuan Speaker, saya mahu ucapkan terimakasih kerana memberi peluang saya cakapkan perkara ini. Actually, it is a Federal matter, but I am bringing it out briefly so that the State Government can do something about it.

Semua orang tahu sistem lalulintas di Bukit Mertajam ialah sistem yang buruk sekali dalam seluruh Negeri kita. Tidak ada sistem yang teratur, seperti sistem jalan sehalu. A *one-way-street system* telah dibina oleh Jawatankuasa Penasihat Trafik dengan tidak membuat tinjauan tentang pendapat penduduk-penduduk di Pekan Bukit Mertajam. Saya sebagai wakil penduduk-penduduk Pekan Bukit Mertajam juga ditegah menjadi ahli jawatankuasa tersebut. Datuk Speaker, dengan izin: I think this is not a very fair attitude adopted by the State Government. Throughout yesterday's proceeding and throughout

the proceedings of the past Assemblies, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri has frequently called upon the Opposition Members to render co-operation, to work hand-in-hand with the Government for the benefit of the state, for the benefit of the people for whom we represent. But if this is the attitude where you won't even allow me to sit in the Traffic Committee, how are we going to solve the problem there? At the moment, Tuan Speaker, the Traffic Committee in Bukit Mertajam consists of local people and people who do not even reside in Bukit Mertajam and who do not even visit the area. I frequently air my views, so what? I have no choice but to air my views in the Press and to bring these to the Assembly, and I would find it difficult to continue giving this sort of co-operation to the State Government if the Chief Minister were to continue or is maybe not keen on the Members of the Government who continue to give directives to the heads of Government Departments, or to discriminate against me and other Opposition Members.

I regret to say that I find this a manifestation of political harassment. Tuan Speaker, apakah yang ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Trafik buat berkenaan dengan masalah-masalah lalulintas di kawasan Bukit Mertajam? Jawatankuasa sentiasa tidak bermesyuarat untuk mengatasi masalah-masalah trafik. Walaupun saya bukan seorang ahli jawatankuasa, tetapi saya seringkali mencadangkan perlunya satu lampu trafik di depan Pejabat Pos di Bukit Mertajam dan juga di simpang Jalan Kulim dengan Jalan Station, dan lagi satu lampu trafik patut juga diadakan di simpang Jalan Kulim dan Taman Sentosa. Saya ingin mengetahui dan begitu juga penduduk-penduduk di Bukit Mertajam, bilakah Kerajaan Negeri akan memasang lampu trafik tersebut? The Honourable Member for Machang Bubuk is also a member of the Traffic Advisory Board and we have seen that he has to come even to the State Assembly to put up questions to ask

when the State Government is going to implement that where the traffic system in Bukit Mertajam is concerned.

Tuan Speaker, saya mencadangkan supaya seorang yang berkelayakan dilantik menjadi pakar perancang bagi seluruh Seberang Perai. Dengan itu pembangunan akan menjadi satu kenyataan. Jika tidak berbuat begini, Tuan Speaker, Kawasan Seberang Perai akan tetap menjadi kawasan mundur dan sayapun dapat tahu beberapa tahun yang lalu the State Government suggested that a team of people be appointed to look into the development aspects for the whole area of Province Wellesley, but up to now we have heard nothing of the existence of the committee. If there is such a committee in existence, I want to know, and please tell me what is the recommendation made by this committee to draw up plans for the development of Province Wellesley in general and Bukit Mertajam in particular?

Tuan Speaker, sayapun berasa dukacita sebab tidak ada apa-apa yang pernah dirancangan berhubung dengan rumah-rumah murah. Masalah kekurangan rumah mulanya selalu ditimbulkan dalam Persidangan perundangan negeri kita. Akan tetapi setakat ini masalah ini masih belum diatasi dan juga tidak ada projek yang *concrete* untuk melaksanakannya. Baru-baru ini satu kajian telah dibuat oleh akhbar tempatan dan mendapati masih lebih 4,000 setinggan ujud di Pulau Pinang. The survey, Tuan Speaker, showed 4,000 illegal houses have sprung up throughout the island. It is probable that the same figure prevails for Province Wellesley, if not more. Dan untuk memburukkan keadaan tersebut, jumlah setinggan bertambah setiap tahun. Masalah itu tidak dapat diatasi kecuali dengan mendirikan lebih banyak rumah murah.

Tuan Speaker, saya telah menegaskan beberapa kali dan ingin menyatakan sekali lagi bahawa pihak Kerajaan Negeri mestilah mendirikan rumah murah bagi golongan orang-

orang yang berpendapatan rendah. Bila saya sebut "rumah murah", I hope the Honourable Member for Ayer Itam will take note of this also.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Mertajam, kita sudah dengar dengan panjang lebar berkenaan dengan pemberian rumah dari Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Saya tahu. He is adding his own opinion. I am entitled to my opinion. I hope you will give me a short time so that I can get a chance to explain why we need low-cost housing.

Bila saya sebut tentang rumah murah saya tidak bermaksud rumah-rumah yang didirikan oleh P.D.C. di kawasan Bagan Serai dan bandar Bayan Lepas di mana sebuah rumah berharga berpuluh-puluh ribu. Bukan sahaja golongan pertengahan tidak mampu membeli tetapi ianya menjadi mimpi kosong kepada kaum bawahan. Saya merayu kepada pihak Kerajaan Negeri supaya mendirikan rumah murah secara bersungguh-sungguh di kawasan Seberang Perai amnya dan di Bukit Mertajam khususnya. Ini ialah kerana golongan yang berpendapatan rendah tidak mampu membeli rumah yang dibina oleh sektor swasta dan P.D.C. Terdapat banyak tanah lapang lagi kosong kepunyaan Kerajaan Negeri di Juru, Berapit, Bagan Ajam, Cherok Tokun dan lain-lain lagi. Sungguh sekali disebutkan bahawa pihak Kerajaan Negeri hanya membelanjakan \$1 juta dari jumlah \$8 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat kepada Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Wang peruntukan ini adalah untuk mendirikan rumah murah. Apakah terjadi kepada baki peruntukan itu? Because everybody is harping on this project too, it is common knowledge that too much money was allotted under the Second Malaysia Plan but only a fraction of it—one-eighth—is used up. Can we really dispense with this money to build low-cost houses for the poor people in Penang?

Kerajaan Negeri, Tuan Speaker, dalam usahanya untuk melukiskan suatu gambar yang palsu berkenaan dengan kemajuan yang telah tercapai di Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Pusat sebenarnya telah membawakan mudarat dan ketidakadilan, khususnya kepada rakyat Pulau Pinang yang berpendapatan rendah. Sekarang saya difahamkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Pusat hanya membuat peruntukan bagi mendirikan rumah murah kepada negeri-negeri yang dianggap mundur seperti Perlis, Kedah, Kelantan dan Trengganu. These are considered as the less progressive or the non-progressive states. Dukacita dinyatakan bahawa Negeri Pulau Pinang, kerana ditunjukkan sebagai negeri yang progresif, hanya akan menerima peruntukan yang kecil sahaja dari Kerajaan Pusat.

Tuan Speaker, kalau Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kata Pulau Pinang berkemajuan, saya terpaksa engkar sebab Kerajaan Negeri memusatkan usaha-usahanya untuk memajukan Pulau Pinang sahaja. Bagaimanakah dengan kawasan Seberang Perai? Bukankah ianya sebahagian dari Negeri Pulau Pinang? Tempat-tempat seperti Nibong Tebal, Bukit Mertajam dan Kepala Batas dan lain-lain tempat tidak boleh dipanggil progresif. Kebanyakan penduduk-penduduk di kawasan itu masih tinggal di rumah-rumah tanpa nombor dan kemudahan bekalan air dan kuasa elektrik. Sebagaimana saya sebutkan tadi, sebilangan besar dari mereka terpaksa menduduki rumah-rumah haram sebab mereka tidak ada pilihan lain. Tuan Speaker, kesimpulannya pihak Kerajaan Negeri wajiblah merancang untuk mendirikan rumah-rumah di kawasan Seberang Perai dan sayapun tidak mahu capak panjang lagi di atas perkara ini sebab saya ingat sayapun tahu Yang Berhormat Ahli dari Ayer Itam pun ada berkata, *privately*, kerajaan ada satu rancangan.

Tuan Speaker, lagi satu yang saya ingin cadangkan ialah penduduk-penduduk yang menduduki rumah-rumah berlesen T.O.L. atau Temporary Occupation Licence lebih daripada enam

tahun patutlah diberikan tanah sekiranya mereka memohon tanah tersebut. So, in this way, Tuan Speaker, if they have proved that they have tilled and cultivated the land for their own benefits and eventually for the benefit of the State, then, when they apply for final alienation for that particular piece of land, the Government, I hope, should not charge them too much. At the moment, I understand, they have to pay something between \$3,000 to \$7,000 every time they apply for a piece of land. I am talking about T.O.L. land. Sir, I think this figure can be reduced; or I can even suggest that this sort of land be given free if they have proved their worth and they have actually tilled the lands themselves and not just get a T.O.L. from somebody and sell it, which they have no right to do. I know of instances where T.O.L. owners have sold land to other applicants.

Tuan Speaker, waktu kebelakangan ini publisiti yang luas telah diberikan kepada penduduk-penduduk yang sedang menghadapi masalah bersangkutan dengan projek pusat Tun Abdul Razak. Khabarnya, ada setengah-setengah pihak pernah merayu kepada Tuan Yang Terutama supaya campurtangan untuk mengatasi kesulitan ini. Tindakan begini pernah diambil. I am talking about the North Malaya Tyre Retreading Association which was reported to have made representation to His Excellency the Governor, and apparently the residents affected have been given eviction order; and they are unable to comply with the order because they cannot find alternative accommodation suitable for their present-day trade.

Tuan Speaker, saya bersetuju seratus peratus yang kita mesti berkemajuan, akan tetapi kita hendaklah mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya penduduk-penduduk yang terjejas tidak akan menghadapi sebarang kesulitan. Pihak Kerajaan Negeri patut juga menimbangkan rayuan mereka serta membayar suguhati yang berpatutan. Dengan perkataan lain, P.D.C. hendaklah membantu penduduk-penduduk yang terjejas, bukan mengugut mere-

ka—if I can use such a strong term. Pembangunan bererti menolong penduduk-penduduk bukan sebaliknya. Dalam aspek ini saya dapati pihak P.D.C. sejak penubuhannya dalam tahun 1969 semakin hari semakin bersikap acuh tak acuh. Sikap ini telah terbukti di mana pihak P.D.C. tidak menghantar pelan-pelan bangunan untuk Pusat Perbandaran kepada pihak Majlis Tempatan supaya mendapat kelulusannya. Bayaran-bayaran pelan tidak dibayar oleh pihak P.D.C. pun. Bangunan-bangunan yang didirikan oleh pihak P.D.C. telah dijual dengan harga yang tinggi. Dengan cara begini, pihak P.D.C. mendapat keuntungan yang berlipatganda. Rumah-rumah yang didirikan oleh pihak P.D.C. di Bayan Lepas dan Bagan Serai membuktikan kata-kata saya adalah sebenarnya.

Kini jumlah kos projek-projek pusat Tun Abdul Razak telah meningkat dari \$200 juta kepada \$500 juta, although the Honourable Chief Minister has refuted this allegation in his answer to my question. But I ask, how can anyone believe him when the original cost was \$200 million, and now, with the raising of the tower project from a forty-five to a sixty-storey building, the Honourable Chief Minister has given me a written reply to say that the cost still remains at \$200 million. I think not only I, but the people of Penang also, find it difficult to believe. Tuan Speaker, bagaimanakah pihak Kerajaan Negeri akan berikhtiar mencari jumlah wang ini? And the Honourable Member for Bagan Jermal has said that he hopes the Government will not, one day, borrow from him. Saya berharap Ketua Menteri dapat menjawab pertanyaan ini supaya kebimbangan rakyat negeri ini boleh dihapuskan.

Dalam Persidangan undangan yang beriangsung pada bulan September 1975, tiga Rang Undang-Undang yang meminta jumlah wang \$200 juta telah diluluskan. Saya percayalah lebih banyak Bil meminta wang tambahan akan dibentangkan di dalam Dewan ini sedikit hari nanti. Ketua Menteri telah menolak cadangan saya supaya mengurangkan setengah-setengah pro-

jek kerana kos melambung tinggi. Projek seperti bangunan 60-tingkat hanyalah "Gajah Putih" sahaja, bukanlah sahaja projek *prestige* tetapi juga menjadi perangkap api. It serves as a fire hazard, and with respect, Tuan Speaker, this is not prompted by what happened at Hotel Merlin last night. Selain dari suatu projek yang tidak ekonomik, bertambah buruk lagi kerana tidak menghantarkan kepada pihak berkenaan untuk mendapat kelulusan. Perlukah kita mendirikan bangunan setinggi ini di Pulau Pinang di mana tanah lapang terdapat di merata-rata tempat? Bangunan-bangunan di pusat Projek Tun Abdul Razak boleh didirikan secara biasa dan tidak perlu mencakar langit. Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri tidak patut memberi gambaran palsu kepada Rakyat Negeri Pulau Pinang bahawa permodenan sesebuah kotaraya mesti mempunyai bangunan-bangunan yang mencakar langit yang terdiri dari kedai-kedai, offices, luxurious flats, night-clubs and roof-top gardens. Ini sekurang-kurangnya tidak semestinya ujud di Negeri Pulau Pinang di mana sistem pencegah kebakaran jauh tertinggal di belakang berbanding dengan kotaraya di negara-negara Eropah. Contoh yang baik sekali ialah kebakaran yang berlaku ke atas Campbell Complex di Kuala Lumpur yang hanya bertingkat 18 atau 20 sahaja. Bagaimanakah Pasukan Bomba Pulau Pinang boleh memadamkan api yang membumbung tinggi sekiranya bangunan 60-tingkat terbakar?

Tuan Speaker, saya mendesak pihak berkuasa dalam negeri supaya menghantar semula pelan-pelan bangunan terutamanya pelan-pelan bangunan yang bertingkat kepada pihak-pihak berkenaan untuk mendapatkan kelulusan mereka because, Tuan Speaker, this will create a very bad precedent. If every Statutory Body were to start putting up buildings without even having to submit plans—and I presume that the plans in respect of those houses built by the P.D.C. at Bayan Lepas and Bagan Serai were not even submitted to the L.P.K.T. for proper approval before they were constructed—in case the buildings collapse or

in case there is a fire, who is going to be held responsible? Surely you cannot hold the L.P.K.T. responsible because no plan was passed by them.

Akhirnya, Tuan Speaker, as of late the people of Penang are beginning to feel the pinch posed by the rather rapid erosion of the free port status of Penang, at one time enjoyed by them. The erosion of the free port status has not been supplemented by the injection of equivalent Federal aid to cushion the impact of rising prices of commodity goods. Equally, industrialisation on the island has not kept pace with the rate of erosion of the free port status. In the layman's thinking, the prices of most goods have more than doubled with no corresponding increase in wage earnings and even the Honourable Member for Datuk Keramat has publicly, in one way or another, agreed that the free port status should be restored to the people of Penang. If I am wrong, please correct me.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): The statement was made three times in public meetings. Clarification, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): The situation has been made worse by the recent inflationary trend. Tuan Speaker, and tourism too has been affected, at least with tourists from the other states of Malaya because there is no point coming to Penang apart from having a holiday; after all, the goods in Penang are of the same price, if not higher, than the goods they can purchase in Kuala Lumpur or other places in Peninsular Malaysia. At one time, people like to visit Penang because they could purchase a lot of duty-free goods. That is one way of attracting tourists to Penang. Now, why do you think that the hotels are having bad business? Apart from the holiday seasons, you find half the hotels are empty.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Baca surat khabarlah, baru boleh tahu.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Ya, betul. And I am sure most of the Members in this House would like to see the restoration of the free port status to the Island of Penang, although of course, I am not from the island and I do not benefit, but still, with more money coming in by way of tourism, one way or another even the people from Province Wellesley will benefit.

Lastly, Sir, I would like to urge the Honourable Chief Minister to use his good office to negotiate with the Federal Government for the restoration of the free port status without which Penang can never recover from its waning economy despite whatever picture the Honourable Chief Minister may paint and may portray to the people of Penang.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Datuk Yang Dipertua, saya mohon izin untuk bercakap sedikit untuk menyokong Usul mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Gabenor yang sudi menyampaikan ucapannya di Dewan ini. Di samping itu, saya suka juga menyampaikan di sini beberapa perkara berhubung dengan sungutan-sungutan setengah-setengah rakyat berkenaan beberapa perkara.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, tolong cakap kuat sedikit.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Datuk Yang Dipertua adalah masalah yang utamanya di kawasan Seberang Perai Tengah, iaitu masalah tanaman padi yang mana suatu masa atau beberapa bulan yang lalu, suatu perjumpaan telahpun dipanggil oleh Yang Berhormat Datuk Teh Ewe Lim, iaitu berhubung dengan tikus memusnahkan padi. Jadi saya timbulkan perkara ini ialah ianya berpunca di Mukim 4 dan Mukim yang berhampiran di mana beberapa luas tanah telah menjadi tempat berbiaknya tikus itu dan oleh kerana air sangat dalam dan tanaman padi tidak boleh diusahakan oleh penanam-penanam padi di situ, tikus

telah bernaung di situ dan telah menjalar ke kawasan padi dan menyebabkan kerosakan padi. Saya timbulkan perkara ini oleh sebab penanam padi di sana telah bersungut bahawa sistem taliair di situ adalah tidak begitu dikawal dengan baik ataupun dengan sempurna pada sedikit hari ini. Penduduk-penduduk di Mukim 6 bersungut yang mereka tidak dapat menanam padi dengan serentak sebab cara pengaliran air ini tidak cukup sempurna. Dengan sebab timbulnya penanaman padi yang berbeza di antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain, maka tikus-tikus itu telah membiak buat beberapa masa yang lalu.

Di Mukim 4, juga Mukim 3 dan Mukim 2, parit-parit taliair itu telah tidak lagi mengalir sebagaimana biasa dan menyebabkan air itu dalam. Jadi saya kemukakan di sini supaya dapat diambil oleh Kerajaan untuk membaiki perkara ini supaya tidak kita keciwa dalam usaha padi ini. Hari ini saya percaya ada di antara penanam-penanam padi di sebelah sana telah menukar kepada menanam keladi kerana mereka tidak sanggup menerima kerugian yang bertalu-talu kerana kerosakan padi oleh tikus-tikus itu. Jadi saya harap Rancangan Malaysia Ketiga ini sepatutnya memperbaiki cara-cara dan sistem ini dan patutlah dijalankan di sana dengan sebaik-baiknya kerana saya percaya Jajahan Tengah ini menjadi satu kemegahan bagi Pulau Pinang ini sebab di sinilah tanaman padi dua kali setahun telah dipertahankan semenjak kedudukan Jepun dahulu. Maka dari sinilah Mukim 4 atau Seberang Perai Tengah telah berkembang kepada tanaman padi dua kali setahun hingga ke seluruh Malaysia dan Sabah dan Sarawak.

Selain dari itu, Datuk Yang Dipertua, saya suka menyampaikan di sini sungutan penduduk-penduduk rumah Rancangan Rumah Murah di Pengkalan Machang di Kampong Paya, Kepala Batas. Perkara ini telah beberapa kali dibuat rancangan-rancangan atau cadangan-cadangan untuk mengatasinya, tetapi tidak dapat di-

atasi, iaitu masalah ketiadaan parit untuk membuang air di kawasan itu yang menyebabkan kawasan itu membiak nyamuk dan menjadi tempat yang tidak begitu bersih. Perkara ini apabila dikemukakan kepada pihak Pengurus Kerajaan Tempatan telah mendapat jawapan bahawa bukan tugasnya kerana parit-parit simen mesti diusahakan oleh pemaju-pemaju rumah, sedangkan rumah-rumah ini dibina oleh Kerajaan Persekutuan. J.K.R. juga tidak bersedia untuk bertanggungjawab dengan sepenuh-penuhnya kerana kawasan itu termasuk jauh dari jalan dan yang satunya di tepi jalan. Jadi saya kemukakan di sini supaya menarik perhatian Kerajaan apakah caranya yang sebaik-baiknya yang dapat menyelesaikan perkara ini supaya jangan berlaku berlanjutan sebab rakyat-rakyat di sana sentiasa bersungguh-sungguh dan bertalu-talu mengemukakan sungutan mereka itu dan belum lagi dapat penyelesaian hingga ke saat ini.

Selain daripada itu, Datuk Yang Dipertua, saya suka juga menyampaikan di sini iaitu yangmana kita sama-sama bersyukur kerana kebolehan Kerajaan Pulau Pinang yangmana pada masa yang lalu telah sudi memotongkan hasil taliair 10 per cent dan hasil tanah Kerajaan. Tetapi apa yang saya timbulkan di sini ialah pemotongan itu tidak sampai kepada penanam-penanam padi, kerana tuan tanah memungut sewa dan sebagainya seperti biasa juga. Jadi di sinilah saya nampak sebarang rancangan kerajaan biasanya hendak menolong orang-orang miskin tetapi usaha-usaha itu tidak sampai kepada orang-orang miskin dan susah kerana ada orang tengah. Jadi dalam mengurangkan kemiskinan atau orang-orang yang tidak berada Kerajaan patutlah berhati-hati bagaimanakah cara yang sewajar supaya bantuan kerajaan itu dapat sampai kepada orang yang tidak berada. Kalau kita tidak berhati-hati, maknanya orang-orang yang berada bertambah berada dan orang-orang yang miskin bertambah miskin kerana tidak sampai bantuan atau rancangan yang dimaksudkan.

Saya tidak bercadang hendak bercakap panjang kerana semua masalah telah ditimbulkan di sini. Apa yang saya sebutkan adalah perkara-perkara yang tidak ditimbulkan lagi oleh rakan-rakan saya. Berhubung dengan cadangan dari rakan saya, wakil dari Penaga, iaitu kita telah sama-sama mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Gabnor iaitu berhubung dengan ucapan sedih Kerajaan Negeri kita berhubung dengan kematian Tuan Syed Sheh Barakbah, dan kemudiannya pula diikuti dengan kehilangan bekas Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak. Kelmarin kita telah bersama-sama mendengar bahawa untuk mengenangkan jasa Tun Haji Abdul Razak, Ketua Menteri telah bersetuju untuk menamakan Kompleks Angkasa Perdana itu sebagai Kompleks Tun Abdul Razak. Pagi tadi, rakan saya dari Kawasan Penaga telah mencadangkan supaya Tun Syed Sheh Barakbah juga patut diberi nama kenangan; salah satunya ialah Dewan Seri Pinang ataupun Stadium Bandaraya. Maka bagi saya adalah menyokong cadangan rakan saya dari Penaga tadi kalau sekiranya Stadium Bandaraya itu dinamakan Stadium Tun Syed Sheh Barakbah.

Sekianlah sahaja ucapan saya yang pendek ini.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian bagi mengucapkan terima kasih di atas ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor pada 3hb Mei yang lalu.

Perkara utama yang menarik perhatian saya ialah mengenai dengan pengumuman nama Kompleks Angkasa Perdana yang akan diberi dengan nama yang baru iaitu Kompleks Tun Abdul Razak. Saya bersetuju nama itu diberikan kepada nama Allahyarham. Tetapi lebih molek dan tepat lagi, pada pendapat saya, jika Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan nama Bandaraya George Town sekarang kepada nama Bandaraya Tun Abdul Razak kerana seperti yang

kita tahu, jasa Allahyarham Tun Haji Abdul Razak kepada negara dan rakyatnya adalah terlalu besar sekali, hingganakan bekas Perdana Menteri kita yang pertama dahulu, iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sendiri, dengan pujukrayu dan sokongan yang kuat dari Tun Abdul Razak, telah mengambilalih pucuk pimpinan UMNO, Jasa beliau kepada rakyat dan negeri ini tidak dapat kita nilaikan dengan wang ringgit. Jadi s e b a g a i mengenangkan jasa-jasa Allahyarham, bekas Perdana Menteri kita yang telah meninggalkan dunia ini, elok dan tepat sekali kita berikan n a m a beliau kepada Bandaraya George Town.

Perkara yang kedua yang menarik perhatian saya ialah patut mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana dapat memberi peruntukan wang tambahan lagi sebanyak \$500,000 kepada projek pembinaan Masjid Negeri di negeri kita. Saya bersetuju dan saya berpendapat bahawa sumbangan-sumbangan pada masa akan datang patutlah ditambahkan lagi jika diperlukan oleh projek Masjid Negeri ini. Saya juga berseru kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya peruntukan bagi tujuan agama seperti yang telah difahamkan banyak bergantung kepada Kerajaan Pusat sahaja. Jadi dalam perkara ini patutlah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan bantuan yang lebih banyak lagi.

Perkara yang ketiga yang menarik perhatian saya ialah mengenai dengan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung yang diberikan tugas oleh Kerajaan kita kepada mereka. Tugas-tugas itu adalah berat dan biasanya menyentuh dengan masyarakat sehari-hari. Jadi untuk melicinkan tugas-tugas ini, saya berseru kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya dapat memberi yangmana sekarang ini kita hanya dapat berikan sebagai sa-guhati kepada Pengerusi dan juga setiausahanya selama setahun sekali. Jadi saya berpendapat untuk melicinkan kerja-kerja dan tugas-tugas ini yangmana di masa depan pihak Kerajaan

Negeri juga akan menubuhkan lagi satu jawatankuasa dan tugas iaitu Jawatankuasa Tindakan Mukim bagi negeri kita ini. Jadi bebanan ini kian bertambah kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung. Dalam bidang tugas ini, sepatutnyalah pihak Kerajaan Pulau Pinang, jika dapat, memberi elauan sekadar yang sepatutnya kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung.

Perkara yang keempat, yang menarik perhatian saya ialah mengenai dengan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai yang mana ini adalah menjadi tuntutan seluruh rakyat di kawasan luarbandar dan kampung-kampung yang mana jika seseorang rakyat hendak mendirikan sebuah rumah biasanya pelan difikirkan dahulu. Di sini, untuk maklumat Kerajaan, sukalah saya menyampaikan bahawa sesebuah rumah yang hendak didirikan oleh orang ramai di kawasan luarbandar atau kampung-kampung selalunya rumah-rumah ini dalam masa dua atau tiga tahun baru dapat disiapkan, sedangkan tempoh selama 6 bulan sahaja pelan boleh disiapkan. Jadi inilah yang memeningkan seluruh penduduk-penduduk di kampung-kampung dalam negeri kita. Jadi saya ingin memohon dan merayu kepada Kerajaan Negeri supaya bagi kawasan-kawasan yang sungguh jauh lagi terpencil, longgarkan sedikit keadaan pelan ini dan jika boleh, dalam pembangunan rumah di kawasan-kawasan luarbandar hendaklah diberi keutamaan. Jadi perkara-perkara yang diminta dan disungut oleh orang ramai di kampung-kampung dan di kawasan luarbandar seperti di daerah Seberang Perai Utara ialah rumah-rumah yang hendak dibangunkan di kawasan kampung-kampung sebolehnya hendaklah janganlah dikenakan pelan langsung, tetapi saya bukanlah meminta itu. Saya minta dan merayu kepada Kerajaan supaya melonggarkan sedikit keadaan itu supaya memudahkan orang ramai dan juga bumiputra dapat membangunkan rumah. Di samping itu juga biasanya pelan pembangunan untuk mendirikan rumah di kawasan-kawasan luarbandar ini ka-

dang-kadang hingga dua-tiga tahun belum lagi dapat kelulusan. Di sini sekali lagi saya merayu supaya dapat diringankan keadaan ini kepada orang ramai terutama sekali penduduk-penduduk di kawasan luarbandar.

Berbalik kepada ucapan yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama mengenai pelancungan-pelancungan, saya juga menarik perhatian Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya dapat berusaha ataupun mengadakan pusat pelancungan bagi Negeri Pulau Pinang ini, khususnya bagi Kawasan Parlimen di Kepala Batas. Tempat itu, jika boleh hendaklah diusahakan di kawasan Bumbong Lima kerana kawasan ini adalah kawasan berhampiran dengan negeri Kedah dan berdekatan pula dengan Pantai Merdeka. Mungkin ini mendapat sambutan dan galakan daripada seluruh rakyat dalam negeri kita ini.

Sekian.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Datuk Yang Dipertua, terlebih dahulu saya hendak ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Gabnor kerana memberi ucapan panjang dalam Dewan ini.

Tuan Speaker, dalam ucapan Gabnor kita pada hari yang lalu adalah disebut bahawa penduduk Pulau Pinang sangat bernasib baik oleh kerana keadaan yang aman dan stabil dan oleh kerana kerjasama yang diberi oleh pasukan keselamatan kita. Kita sudah dapat menikmati keamanan dan kestabilan yang begitu baik. Mengapa pula perlunya mendesakkan waktu berkurung di Seberang Perai Selatan? Ini telah menyebabkan mereka yang bergantung kepada perniagaan-perniagaan malam terganggu. Pekan-pekan di daerah itu selalu lengang dan sunyi apabila malam tiba. Oleh sebab itu, saya harap perintah berkurung di daerah itu bolehlah dibatalkan.

Datuk Speaker, saya memang sokong bahawa Sekim Rukun Tetangga itu sangatlah berfaedah pada rakyat dan dapat menyatupadukan masyarakat tercinta yang berbilang bangsa itu. Tetapi pada pengetahuan saya Sekim Rukun Tetangga yang ditubuhkan di Seberang Perai Selatan adalah dilancar-

kan oleh sesuatu parti sahaja. Pada pendapat saya, supaya Sekim itu akan dijalankan dengan lebih berkesan lagi, perlulah ditubuhkan dengan tidak mengira bangsa atau parti. Barulah Sekim Rukun Tetangga itu adalah untuk faedah rakyat, barulah ia didirikan oleh rakyat kita sendiri dengan tidak bergantung kepada apa-apa parti atau bangsapun.

Datuk Speaker, berkenaan dengan rancangan kemudahan-kemudahan perumahan untuk mereka yang berpendapatan rendah saya rasa rancangan itu memanglah sangat sesuai untuk daerah Seberang Perai Selatan seperti yang kita tahu kebanyakan dari penduduk-penduduk di situ adalah terdiri dari golongan yang mempunyai pendapatan yang rendah.

Datuk Speaker, walaupun selalu disebutkan Kerajaan Pulau Pinang sangat menumpukan perhatian pada usahanya untuk menggalakkan perindustrian dan membanyakkan kilang-kilang, tapi tidak boleh dinafikan usaha itu lebih diutamakan di Pulau Pinang sahaja. Dalam usaha perindustrian, Kerajaan boleh dikatakan tidak memberi perhatian yang begitu hebat di daerah Seberang Perai Selatan. Di sini-lah saya harap Kerajaan Negeri kita, dalam usaha perindustriannya, akan lebih mengambil berat tentang hal perkembangan di daerah Seberang Perai Selatan.

Datuk Speaker, di sini, pada masa dahulu saya ada mendengar Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada berkata di dalam Dewan ini bahawa Ahli-Ahli mestilah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri. Di sini saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan suatu jawatankuasa, iaitu J.K.K. Datuk Speaker, saya rasa jawatankuasa itu ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. Yang saya tahu, di Kawasan saya, ada satu jawatankuasa yang Pengerusinya sendiri tidak faham Bahasa Kebangsaan dan tidak tahu hendak bercakap dalam Bahasa Kebangsaan. Bila ada sesuatu mesyuarat dia kenalah jempit seorang rakan untuk duduk di sebelah dia. Jika macam ini J.K.K., bagaimana boleh menjalankan mesyuarat itu? Macamana Pengerusi

itu boleh ujudkan mesyuarat itu. Ahli-ahlinya, saya fikir, tentu ada bawa rancangan-rancangan atau perkara-perkara ke mesyuarat itu. Kalau seseorang Pengerusi tidak faham akan Bahasa, bagaimana dia boleh bertanggungjawab? Bukanlah dia mesti boleh cakap Bahasa yang tinggi, Bahasa secara-kampungpun bolehlah; sekurang-kurangnya dia boleh faham sedikit apa yang dicakapkan atau lebih-kurang tahu menjawab sebab Pengerusi mesti bertanggungjawab juga. Tapi saya tahu Pengerusi itu langsung tidak tahu hendak cakap dan saya fikir dia langsung tidak faham. Itulah saya minta, Datuk Speaker, bila hendak lantik J.K.K., saya tidak kira bangsa, dan bukan kerana Bahasanya tinggi, tetapi sekurang-kurangnya dia mesti faham cakapan ahli-ahlinya atau dia boleh bercakap lebihkurang bahasa kampung. Itulah saya minta perhatian dalam perkara ini juga.

Lagi satu perkara, Datuk Speaker, ialah berkenaan Kompleks Tun Abdul Razak. Yang saya tahu, di kawasan Kompleks Tun Abdul Razak, kerajaan ada mengambil rumah-rumah dan kedai-kedai untuk kegunaan Kompleks Tun Abdul Razak, tetapi saya tahu juga kerajaan ada membayar wang bagi menggantikan rumah itu mengikut kiraan kaki persegi. Saya tahu juga persatuan yang ada dekat dengan kawasan itu menerima wang gantirugi yang tidak sama. Setengah persatuan menerima lebihkurang \$20 sekaki persegi, dan setengah dapat sampai \$30. Saya tidak tahu bagaimana pembahagian mengganti rumah itu tidak sama. Saya tahu juga rumah-rumah itu serupa. Perkara ini saya minta, kalau boleh, ambil perhatian jugalah.

Datuk Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada berkata bahawa Ahli-ahli Dewan mesti bekerjasama dengan Kerajaan Negeri. Masa yang lalu, pada tahun 1975, Tuan Yang Terutama Gabnor ada melawat kawasan Seberang Perai Selatan. Yang saya tahu ialah kerajaan ada memberi perbelanjaan sebanyak \$2 ribu atau \$3 ribu dan mengadakan suatu mesyuarat dan

menubuhkan suatu jawatankuasa kewangan untuk membantu membuat rumah-rumah atau lain-lain perbelanjaan. Saya sendiri dipilih menjadi ahli jawatankuasa itu. Saya ingat Ahli Kawasan Sungai Acheh juga menjadi ahli jawatankuasa dan ada ditetapkan satu hari untuk keluar mencari wang. Saya fikir betul saya dalam Parti Pembangkang, tapi saya tidak kira sebab berkenaan pekerjaan untuk faedah rakyat, saya mesti sanggup bercampur untuk bekerja juga. Bila saya keluar mencari wang, saya tahu banyak dari ahli-ahli Jawatankuasa tidak hadir dan tidak keluar mencari wang. Saya sendiri dan kawan saya, Ahli Kawasan Sungai Acheh ada keluar juga. Kami ada keluar pergi mencari wang. Saya ingat hari itu peluang boleh dikira bagus jugalah. Lepas hari itu kami dengar Pegawai Daerah Seberang Perai telah membuat *complaint*: "Apa sebab Pegawai Daerah keluar bersama Parti Pembangkang?" Saya fikir, kalau macam ini bersusah payah hendak membenarkan pegawai itu menjalankan rancangan-rancangan atau kerja-kerja lain, macamana kerja boleh berjalan dengan lincin?

Satu lagi yang saya tahu ialah berkenaan dengan lantikan suatu jawatankuasa kecil untuk haiwan. Dahulu saya tahu wakil rakyat atau Ahli Dewan tentu dapat menjadi ahli jawatankuasa itu. Masa sekarang saya dapat tahu ada *complaint* bahawa Ahli Parti Pembangkang tidak boleh menjadi ahli dalam jawatankuasa itu. Tapi saya fikir kalau saya tidak jadi ahli dalam jawatankuasa itupun, saya ingat kerja saya ringanlah sedikit. Itulah saya ingat, Datuk Speaker, banyak perkara-perkara di Seberang Perai Selatan selalu ada campur politik, jadi tidak baguslah. Itulah, Datuk Speaker, saya ingat perkara ini saya minta perhatian.

Sekian, terimakasih.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff):

Yang Berhormat Datuk Yang Dipertua, saya, Ahli daripada Kawasan Teluk Bahang, ingin bersama dalam

Dewan yang mulia ini mengucapkan terimakasih di atas ucapan yang telah dilafazkan oleh Tuan Yang Terutama pada 3hb Mei, 1976.

Dalam lafaz ucapan Tuan Yang Terutama itu, ada menyebutkan bahawa Kerajaan Pulau Pinang telahpun memberi peruntukan tambahan kepada projek Masjid Negeri sebanyak \$500,000 lagi dan saya ingin juga mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan Negeri kerana telahpun memberi satu pertimbangan yang sesuai bagi projek pembangunan ini yang mana difikirkan haruslah menjadi sebagai satu lambang perpaduan muhibbah dan kemuliaan di kalangan orang-orang yang berpelajaran terutamanya.

Yang kedua, Datuk Speaker, dalam ucapan Tuan Yang Terutama, ada menyebutkan mengikut dalam lapuran Bank Negara yang terakhir, kedudukan ekonomi dijangka akan bertambah baik pada penghujung tahun ini. Ini, pada pendapat saya, tentu akan menjadi satu penawaran kepada penduduk dan rakyat negeri kita di Pulau Pinang ini dan dijangka penduduk-penduduk di Pulau Pinang ini akan merasai nikmat yang lebih baik daripada yang ada pada masa ini. Dalam ucapan Tuan Yang Terutama, satu daripadanya ada menyebutkan bahawa dengan keadaan kedudukan ekonomi Negeri Pulau Pinang yang baik, adalah diharapkan banyak pelabur asing akan datang menambahkan modal dalam negeri kita ini. Ini juga satu daripada penambahan kewangan dan pendapatan negeri ini. Begitu juga ada menyebutkan bahawa diharapkan banyak pelancung akan datang ke negeri kita ini. Bagi pihak saya juga amat bersetuju supaya dapat pelancung-pelancung datang ke Pulau Pinang ini. Ada banyak faedah-faedahnya bagi penduduk-penduduk negeri kita, lebih-lebih lagi ahli-ahli perniagaan akan dapat keuntungan dan faedah dari kedatangan mereka.

Tadi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Bungah ada menyebut bahawa sekiranya ada pelancung-pelancung yang datang dari bandar melalui satu perkampungan akan dapat me-

lalui tanah perkuburan yang cantik. Saya anggap pelancang-pelancang dapat memandangi keadaan pemandangan yang cantik di pulau kita ini yang boleh dianggap paling terkenal dengan nama "Pulau Mutiara". Kita harap pelancang-pelancang ini, sebagaimana mereka mula hendak memasuki Pulau Pinang ini dengan pakaian yang kemas, elok dan *handsome*, diharapkan mereka-mereka ini akan terus begitu sepanjang masa mereka tinggal di dalam negeri kita ini. Tetapi apa yang mendukacitakan saya, seorang daripada Ahli yang terpilih dalam Dewan ini, sangatlah berasa malu dan sedih kerana kita tahu Kerajaan juga tidak akan mengizinkan jika sesuatu pertunjukan, sebagai tarian-tarian bogel, angin-anginya lesen akan tidak dibenarkan, tetapi sungguh bertuah pada setengah-setengah pihak yang ingin melihat ratu cantik dan ratu bogel di Pantai Teluk Bahang.

Saya sangatlah terasa sedih dan dukacita kerana Kerajaan berlaku ratu bogel masyarakat bogel berlari-larian di pantai. Alangkah aib dan malunya Pulau Pinang, dari kerana perbuatan Pelancang yang tidak bermaruah dan tidak bersopan, pemuda-pemuda berkejar-kejar melihat perkara yang anih sekali, tetapi amat sedih dan berasa malu sekali bagi pihak-pihak kaum ibu dan pemudi-pemudi yang meningkat umur menutup muka dan berpaling belakang dari melihat mereka yang anih sekali. Saya berharap patutlah pihak Kerajaan kita mengambil suatu perhatian dan tindakan yang keras di atas perbuatan yang tidak berperli kemanusiaan ini kepada kita orang-orang Timur yang menghormati secara tata-tertib dan sopan-santun.

Selain dari itu, Datuk Yang Dipertua, saya suka menegur berkenaan dengan apa yang telah dilafazkan oleh Tuan Yang Terutama berkenaan dengan tugas-tugas yang telah dijalankan oleh Pejabat-Pejabat Kerajaan dan juga ahli-ahli kita daripada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Dengan adanya dan dengan lulusnya Rang Undang-Undang Pengesahan Kadar, tahun 1976, saya menganggap pendapatan masuk bagi perbelanjaan negeri

ini akan bertambah dan diharapkan supaya pekerja-pekerja, pegawai-pegawai urusan dalam bahagian khususnya dalam bahagian perumahan patutlah ditambahkan, umpamanya inspektor pembangunan, untuk menyasiat dan menyelidiki rumah-rumah dan dipohon mulai dari penyampaian pelan dari tiap-tiap orang yang berkenaan kerana apa yang saya tahu, sesuatu permohonan pelan rumah yang disampaikan ke pejabat yang berkenaan memakan masa sepuluh bulan atau sebulan. Ada yang melampaui lebih daripada setahun. Ini sangatlah mendukacitakan bagi pihak penduduk-penduduk yang berpendapatan kecil kerana apa yang saya tahu, penduduk di kawasan luar-bandar biasanya mereka tidaklah memberi alat-alat rumah sekaligus untuk membina rumah-rumah mereka, tetapi membeli dengan beransur-ansur-dua batang tiang, papan 10 keping—dan manakala hampir siap pelan itu diedarkan, tetapi walaupun kayu-kayu yang telah disusun bagi membina, pelan-pelan yang telah dipohonkan tidak dapat kelulusan lagi. Akhirnya kayu-kayu ini dimakan hari ditimpa hujan dan habis dimakan anai-anai dan pelan belum juga mendapat kelulusan. Ini sangatlah mendukacitakan bagi pihak penduduk-penduduk di luarbandar. Ingin saya mendapat tahu pada tiap-tiap bulan beberapa banyakkah pelan dipohonkan dan telah disampaikan untuk mendapat kelulusan dan pada tiap-tiap bulan berapa banyakkah pelan-pelan yang telah diluluskan. Jika pelan-pelan yang dipohon banyak daripada pelan-pelan yang telah diluluskan pada tiap-tiap bulan, bagaimanakah untuk mengatasinya dan sekiranya pegawai-pegawai yang mengurus pelan-pelan tidak mencukupi, inilah yang saya merayu supaya dapat mengemas-kan cara-cara pentadbiran ini supaya tidaklah keciwa penduduk-penduduk yang memohon pelan itu.

Selain daripada itu, Datuk Yang Dipertua, dalam ingatan saya, di akhir tahun 1974, bekas Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar telah datang ke Balik Pulau dan kawasan Teluk Bahang untuk menyasiat suatu kawasan yang lebih daripada 2,000 ekar sawah padi

dalam Mukim H, Mukim I, Mukim Sungai Burung, Kampong Perlis dan Pulau Betong. Mengikut apa yang saya tahu, bahawasanya, penduduk-penduduk di kawasan ini bersetuju kawasan ini ditukarkan projeknya daripada bersawah padi untuk menanam tanaman lain yang mana telahpun ada rancangan untuk menukarkan tanaman kelapa, koko dan nenas, tetapi, saya tidak tahu apa-apakah perkara yang telah terjadi. Sekarang tanah sawah itu masih tidak dikerjakan oleh pesawah-pesawah kerana pada mulanya kawasan ini dirosakkan oleh musuh, khususnya tikus. Jadi saya tidak tahu apakah keputusan yang telah diambil di atas rayuan penduduk-penduduk di kawasan ini yang berkehendakan kawasan ini ditukarkan daripada sawah padi kepada tanaman kelapa, koko dan nenas. Setahu saya, tanah ini akan disiasat mengikut keadaan kedudukan dan kajian tanah tetapi saya tidaklah mendapat penjelasan yang lebih jelas samada kawasan ini boleh ditukarkan daripada sawah kepada kelapa, koko dan nenas. Jadi saya suka lah mendapat penjelasan daripada pihak yang berkenaan khususnya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri supaya dapat penduduk-penduduk ini faham apakah kelulusan terhadap perkara ini. Jika sekiranya kawasan ini ditinggalkan begitu sahaja saya rasa sangatlah mengecewakan bagi penduduk-penduduk yang berusaha di dalam kawasan itu yang lebih daripada 1,500 orang.

Akhirnya, saya juga ingin menyampaikan ucapan terimakasih kepada kerajaan yang telahpun memberi subsidi bantuan bagi pesawah padi di kawasan Mukim B, Sungai Rusa, yangmana dengan bantuan subsidi itu maka penduduk-penduduk di kawasan Mukim Sungai Rusa itu telah mendapat nikmat daripadanya.

Sekian, terimakasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.05 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.25 petang.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Yang Dipertua, saya ingin mengambil baha-

gian di sini bersama dengan rakan-rakan saya yang telah mengucapkan terimakasih dalam perbahasan ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor.

Datuk Yang Dipertua Dewan, apa yang telah diucapkan oleh Tuan Yang Terutama Gabnor telah meliputi semua aspek dalam rancangan yang sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang semuanya telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Gabnor. Datuk Yang Dipertua dalam ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor, beliau telah menyentuh betapa pentingnya Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Rakan-rakan saya tadi telah berucap menyentuh mengenai peranan ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yangmana kita tahu melibatkan ahli-ahli itu mengembelikan tenaga dan memberikan pengorbanan untuk melaksanakan Rancangan Pembangunan Luarbandar yang telah dijalankan oleh Kerajaan. Dalam usaha ini saya juga ingin merayu kepada pihak Kerajaan bahawa dalam penyusunan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang sedang dirancang oleh Kerajaan Negeri, iaitu ahli-ahli yang dilantik itu hendaklah meliputi semua kawasan-kawasan yang berdekatan di kampung supaya tiap-tiap rancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan akan dapat memberikan faedah pada seluruh rakyat di kawasan kampung. Dengan adanya pemilihan yang teliti, dapatlah segala masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung disampaikan oleh wakil-wakil mereka yang benar-benar mempunyai kemahuan untuk memberikan khidmat kepada negara kita.

Selain daripada itu, Datuk Yang Dipertua, kita telah ketahui akan pengorbanan yang telah dilakukan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dalam berbagai-bagai bidang, maka saya berharap sepertimana rakan-rakan saya, Ahli Kawasan Tasek Glugor, yang meminta supaya kerajaan juga memberikan pertimbangan terhadap ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan

Keselamatan Kampung dengan berupa suguhati dan imbuhan-imbuhan yang akan kita berikan nanti hendaklah setaraf dengan perkhidmatan yang telah diberikan oleh mereka.

Datuk Yang Dipertua Dewan, dalam ucapan Tuan Yang Terutama, beliau juga telah menitik-beratkan soal belia-belia yang ada dalam negeri kita di Pulau Pinang dan kita juga sedia maklum bahawa belia-belia yang ada dalam negeri kita di Pulau Pinang ini, jikalau kita kaji di kalangan masyarakat yang ada di dalam negeri, adalah kita ketahui bahawa bilangan kaum belia lebih ramai daripada golongan yang lain. Dengan yang demikian, kita juga harus mengkaji kedudukan kesatuan-kesatuan belia yang ada di dalam Negeri Pulau Pinang ini supaya persatuan-persatuan belia dapat diselaraskan untuk menjadikan satu badan sebagai panduan kepada belia-belia kita. Kita juga patut memberikan tuntutan yang cukup kepada belia-belia kita supaya kesatuan-kesatuan belia ini dapat menjalankan rancangan dan aktiviti-aktiviti mereka untuk mengelakkan para belia kita dari mencebur diri dalam kejadian yang tidak diinginkan terutama sekali di kalangan ahli-ahli belia kita yang telah rosak akhlak mereka terhasut dengan penyalah-gunaan dadah dan lain-lain lagi. Maka inilah yang menjadi satu bebanan kepada Kerajaan kita, supaya dapat mengatasi masalah ini, dan saya yakin dengan adanya bimbingan dan peruntukan yang mencukupi kepada persatuan-persatuan belia dapatlah belia ini menjalankan kegiatan-kegiatan mereka supaya dapat bersama-sama mencari jalan mengatasi masalah belia-belia kita yang telah mencebur diri di dalam penyalah-gunaan dadah. Selain daripada itu Kerajaan juga sepatutnya mengadakan beberapa banyak ataupun beberapa banyak yang boleh pusat-pusat latihan belia, pusat latihan kemahiran yang dapat kita memberi latihan-latihan atau bimbingan kepada belia-belia kita yang lepas daripada pengajian iaitu lepas daripada sekolah-sekolah dan mereka ini tidak mempunyai pekerjaan. Ini

adalah satu cara yang dapat kita mengatasi masalah kaum belia dalam negeri kita ini.

Datuk Yang Dipertua, dalam ucapannya, Tuan Yang Terutama Gabenor telah menyentuh mengenai rancangan rumah berharga murah. Walaupun rakan-rakan saya tadi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai masalah rumah berharga murah, saya juga ingin menyampaikan masalah penduduk-penduduk di kawasan Seberang Perai Selatan. Ahli Kawasan Bukit Tambun telahpun menyuarakan masalah perumahan di kawasan Seberang Perai tadi.

Kawasan Seberang Perai Selatan ialah satu kawasan yang terpencil jauh dari kawasan bandaraya Pulau Pinang dan penduduk-penduduknya terdiri daripada berbilang kaum, dengan mata pencarian mereka yang terdiri daripada penoreh-penoreh getah, penanam padi dan nelayan dan juga buruh kasar. Ini adalah menjadi satu masalah pada rakyat khususnya penduduk-penduduk di kawasan Nibong Tebal oleh kerana kawasan ini sudah menjadi kesempatan tanah bagi penduduk-penduduk di kawasan Seberang Perai Selatan untuk mendirikan rumah-rumah mereka. Saya berharap bahawa dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan Negeri akan mencadangkan supaya rancangan rumah berharga murah ini didirikan seberapa banyak yang boleh.

Saya merayu kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian yang berat bagi masalah perumahan di kawasan Nibong Tebal terutama sekali kawasan-kawasan yang menjadi kawasan pecahan tanah, misalnya di Kawasan Krian yangmana penduduk-penduduk di kawasan itu terdiri dari kaum India. Kalau kita tengok keadaan mereka amatlah menyedihkan dan rumah-rumah mereka tidak mempunyai dinding dan di bawah rumah mereka dibela binatang-binatang seperti lembu dan sebagainya. Jadi oleh sebab penduduk-penduduk di kawasan ini hanya menjadi sebagai penoreh getah, maka saya merayu kepada pihak Kerajaan terutama sekali Perbadanan

Pembangunan Negeri Pulau Pinang yang telah memainkan peranan dalam usaha untuk membangunkan rumah-rumah yang berharga murah untuk rakyat yang benar-benar berkehendakan rumah-rumah ini.

Saya juga suka mengesyurkan kepada Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang, dalam menyusun rancangan perumahan yang sedang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Negeri, supaya mengubahkan dasarnya. Selain daripada kita membina rumah-rumah yang berharga \$20,000 ke atas, ataupun \$30,000, kita patut mendirikan rumah-rumah berharga lebih-kurang \$10,000. Boleh dikatakan kalau di suatu kawasan itu satu unit berharga \$30,000, kita boleh mendirikan tiga buah rumah yang berharga \$10,000 di kawasan yang sama. Inilah satu rancangan yang lebih mendatangkan faedah dan benar-benar memberi kemudahan kepada rakyat yang berpendapatan kecil.

Datuk Yang Dipertua Dewan, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah bermurah hati kerana memberi bantuan sebanyak \$500,000 sebagai tambahan kepada Masjid Negeri. Dengan pemberian \$500,000 yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri maka ini adalah membuktikan bahawa Kerajaan juga sedar dan Kerajaan juga mempunyai minat untuk meninggikan syiar Islam dalam Negeri Pulau Pinang.

Selain daripada itu, saya juga berharap kepada Kerajaan supaya memberikan peruntukan kepada sekolah-sekolah agama rakyat yang mana kita tahu sekolah-sekolah agama rakyat dalam Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya dan kita berharap supaya Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian berat dalam membangunkan dan mengawasi sekolah-sekolah agama ini kerana sekolah-sekolah agama rakyat juga memainkan peranan yang penting dalam usaha membimbing para belia kita supaya mereka ini mempunyai akhlak yang baik dan tidak terjerumus dalam perkara-perkara yang tidak kita ketahui.

Datuk Yang Dipertua, dalam titah ucapan Tuan Yang Terutama Gabenor, tidak terdapat mengenai masaalah nelayan dan juga petani-petani yang kita tahu mereka adalah sebagai 'tulang belakang' kepada Kerajaan. Masaalah-masaalah petani-petani terutamanya bumiputra patut diambil perhatian dan diberi rancangan-rancangan yang boleh menambah ekonomi petani-petani dengan memberikan bantuan sebagaimana yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada petani-petani di Balik Pulau dan juga petani-petani di kawasan Seberang Perai Selatan. Selain daripada rancangan-rancangan yang boleh menolong petani-petani, jabatan-jabatan yang berkenaan terutama Jabatan Haiwan patutlah memberikan bantuan binatang-binatang ternakan kepada petani-petani supaya mereka dapat menambahkan mata pencarian mereka selain daripada menjalankan usaha menanam padi.

Datuk Yang Dipertua Dewan, satu masaalah yang belum dapat diatasi lagi ialah masaalah nelayan-nelayan di kawasan Sungai Udang yang mana kita selalu mengikuti akhbar-akhbar yang telah mencatatkan berkenaan dengan penderitaan nelayan-nelayan di kawasan pantai di Sungai Udang. Nelayan-nelayan di kawasan Sungai Udang ini sentiasa mengalami masaalah. Masaalah yang mereka hadapi ialah masalah pukut tunda, pukut apollo ataupun apa yang dikatakan pukut harimau kecil. Inilah yang selalu mengganggu mata pencarian nelayan-nelayan di kawasan Sungai Udang. Jadi nelayan-nelayan di kawasan Seberang Perai Selatan, bukan sahaja nelayan-nelayan di kawasan Sungai Udang bahkan di Bukit Tambun dan Pulau Aman menghadapi satu masalah yang menyedihkan sekali. Jadi saya berharap dan merayu kepada pihak Kerajaan Negeri supaya mengambil perhatian yang berat untuk mengatasi masaalah yang sedang dihadapi oleh nelayan-nelayan ini, dan jikalau boleh, mencari jalan supaya menghapuskan pukut apollo ini supaya tidak lagi mengganggu ketenteraman dan menutup mata pencarian nelayan-nelayan kecil di pantai dalam negeri kita ini. Ada kalanya hampir-hampir

berlaku satu pergaduhan antara nelayan-nelayan pantai ini dengan nelayan-nelayan pukat apollo. Jadi sebelum perkara ini merebak dan sebelum perkara ini berlaku lagi, saya sekali lagi merayu kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian yang berat bagi mengatasi masalah.

Datuk Yang Dipertua Dewan, masalah yang sedang dihadapi oleh sebahagian daripada penduduk-penduduk di kawasan Nibong Tebal ialah masalah pekerja-pekerja ladang yang sentiasa ditimpa akibat yang buruk. Ini adalah disebabkan pecahan tanah yang sedang menjadi-jadi di kawasan ini yangmana ada kawasan-kawasan estet di kawasan itu yang dikerjakan oleh penoreh-penoreh getah yang kalau dipecahkan atau dijual dengan cara runcit, maka keadaan ataupun kedudukan dan begitu juga kehidupan pekerja-pekerja ladang ini menghadapi penderitaan hidup mereka. Saya merayu kepada kerajaan supaya dapat mengatasi masalah ini. Oleh kerana adanya perpecahan ladang di kawasan Seberang Perai Selatan, maka masalah pengangguran bertambah dari satu masa ke satu masa dan perkara ini adalah amat mustahak untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi oleh pekebun-pekebun dan pekerja-pekerja ladang.

Datuk Yang Dipertua Dewan, satu perkara lagi yang patut diambil perhatian berat oleh Kerajaan ialah mengenai masalah dan kebajikan pekerja-pekerja kilang yangmana kita tahu di kawasan-kawasan Bayan Baru, Bayan Lepas, Mak Mandin, Perai dan sebagainya, ataupun lain-lain kawasan perindustrian yang besar, maka pihak Kerajaan telah mengenakan kawalan dan kebajikan bagi pekerja-pekerja kilang; tetapi bagi pekerja-pekerja kilang di Seberang Perai Selatan, oleh sebab kawasan itu belum lagi dimasukkan dalam kawalan kawasan perindustrian, maka ada kalanya pekerja-pekerja kilang ini mendapat kemalangan putus jari atau putus tangan tetapi majikan hanya memberi sebanyak \$1,000 atau \$2,000 dan selepas itu pekerja-pekerja itu diberhentikan dengan tidak mendapat apa-apa bantuan yang

lain, misalnya, sara hidup oleh sebab mereka tidak dapat bekerja lagi. Saya berharap kepada Kerajaan supaya mengenakan SOCSO seperti yang telah dikenakan kepada kilang-kilang yang mempunyai pekerja-pekerja lebih daripada tiga orang supaya dapat dilaksanakan kepada semua kawasan-kawasan perkilangan di dalam Negeri Pulau Pinang ini.

Satu perkara lagi, Datuk Yang Dipertua, yang patut juga diambil perhatian oleh Kerajaan ialah mengenai rumah-rumah haram yang sedang menjadi-jadi di kawasan Seberang Perai. Saya bukanlah hendak menyalahkan kepada orang-orang yang mendirikan rumah-rumah haram sebab mungkin disebabkan mereka menghadapi banyak masalah-masalah. Apabila mereka hendak mendirikan rumah, terutama sekali seperti yang dikatakan oleh seorang Ahli iaitu masalah pelan rumah di mana menjadi satu masalah bagi pemohon-pemohon untuk mendirikan rumah, dan mungkin disebabkan perkara inilah maka timbul masalah pembinaan rumah-rumah haram ini ibarat cendawan.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Aceh, berkenaan rumah haram janganlah panjang lebar sangat; pendekkanlah sedikit.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Encik Ahmad bin Saleh): Tapi, Datuk Yang Dipertua, ini adalah mengenai masalah yang sedang dihadapi dan patut perkara ini diambil perhatian yang *serious* sekali kerana memandangkan keadaan-keadaan yang sedang berlaku dan sedang menjadi-jadi.

Datuk Yang Dipertua Dewan, selain daripada apa yang telah disampaikan dalam titah ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor, iaitu yang menyentuh berbagai-bagai aspek berkaitan dengan rancangan kemajuan dan lain-lain rancangan yang sedang dijalankan dan yang akan dijalankan oleh kerajaan, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini supaya menimbangkan satu permohonan daripada belia-belia di kawasan Seberang Perai Selatan untuk mendirikan sebuah Pusat Pelbagaiguna bagi kegunaan para belia di kawasan

Seberang Perai Selatan oleh sebab, sebagaimana yang telah saya katakan tadi, ianya satu kawasan yang terpencil dan jauh dari kawasan bandar. Maka dengan adanya Pusat Pelbagaiguna ini akan memberi kemudahan kepada para belia untuk menjalankan kegiatan-kegiatan mereka dalam berbagai-bagai bidang, terutamanya dalam bidang sukan.

Datuk Yang Dipertua Dewan, akhir sekali saya sukalah menyentuh sedikit mengenai persatuan-persatuan nelayan yangmana di Negeri Pulau Pinang ini, persatuan-persatuan nelayan tidaklah begitu banyak ditubuhkan. Jikalau kita memandangkan kepada peri mustahaknya, nelayan-nelayan sepatutnya mendapat pembelaan yang sewajarnya. Dengan adanya persatuan-persatuan nelayan ini maka dapatlah mereka menjalankan kegiatan mereka bagi mengatasi masalah-masalah nelayan sendiri dan juga akan memberikan perkhidmatan dan kebajikan kepada nelayan-nelayan.

Datuk Yang Dipertua Dewan, ada satu perkara lagi, iaitu mengenai Persatuan Peladang. Saya suka menarik perhatian Dewan ini supaya memberikan galakan kepada persatuan-persatuan peladang yang ada dalam Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai yangmana kita tahu persatuan-persatuan peladang telah menghadapi banyak masalah terutama sekali masalah tempat-tempat untuk menjalankan perusahaan-perusahaan bercucuk tanam. Saya merayu kepada kerajaan iaitu di mana ada tanah kosong yang masih belum digunakan oleh Kerajaan, berikanlah kepada persatuan-persatuan peladang untuk kegunaan mereka bagi menjalankan kegiatan atau usaha untuk bercucuk tanam. Saya juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memberi bantuan kepada Persatuan Peladang Negeri Pulau Pinang kerana mengadakan modal pusingan untuk menjalankan kredit baja. Saya berharap juga supaya kerajaan akan memberikan pertimbangan dari segi lain-lain perkara yang boleh memberi pertolongan kepada persatuan-persatuan peladang.

Sekian, Datuk Yang Dipertua dan akhirnya saya sekali lagi menyokong Usul yang dibawa oleh Ahli Kawasan Penaga dalam mengucapkan terima kasih di atas ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee): Datuk Yang Dipertua, dengan gembiranya saya nyatakan bahawa di bawah pimpinan Tuan Yang Terutama Gabnor kita yang tercinta dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Negeri, kita telah mencapai kemajuan walaupun menghadapi masa sempit ekonomi sedunia.

Saya berasa sukacita terutamanya dengan berdasarkan kepada objektif-objektif utama Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan Negeri dan P.D.C. telah berjaya mengadakan penyertaan bumiputra dalam semua kegiatan ekonomi dan sosial dalam negeri ini. Kerajaan Negeri telah mengadakan suatu Task Force atau Jawatankuasa Bertugas yang *recommendation*-nya yang telah diserahkan kepada Kerajaan Pusat supaya termasuk dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan Negeri telahpun mendermakan sebidang tapak tanah yang bernilai di samping memberi sebanyak \$1 juta kepada projek Masjid Negeri. Kami menyokong sepenuhnya Dasar Ekonomi Baru yang satu daripada objektifnya adalah menjamin 30% penyertaan bumiputra sebelum 1990. Ianya merupakan satu objektif yang adil dan munasabah kerana negara kita terdiri daripada masyarakat yang berbilang bangsa, dan supaya adil dan saksama kepada ke semua rakyat Malaysia, peluang yang adil hendaklah diberi kepada tiap-tiap kaum supaya dengan ini boleh membayangkan bentuk yang berbilang bangsanya.

Datuk Yang Dipertua, dengan izin: We support fully the New Economic Policy. One of the objectives of this New Economic Policy is the achievement of a 30 per cent bumiputra participation in economy by the year 1990. This is a very fair and reasonable objective. Ours is a multi-racial society and in order to be fair and just to all Malaysians alike, fair and equal oppor-

tunity should be given to each of the races in such a way as to reflect the racial composition.

Pembangunan ekonomi tidak dapat dicapai dalam semalam dua, melainkan terpaksa proses yang terancang. Datuk Speaker, Allahyarham Tun pernah mengatakan cara yang betul untuk menikmati kekayaan Negara yang lebih besar bukan dengan mengambil kekayaan dari orang lain melainkan dengan memperbesarkan 'Cake Ekonomi' itu supaya tiada siapa yang menderita dalam pembangunan. Dengan izin: Our beloved late Tun had said that the right way to a bigger share in the Nation's wealth is not by taking away what others have, but by enlarging the 'Economic Cake' so that everyone will have more to share.

Datuk Speaker, dalam Negeri Pulau Pinang, 30 peratus daripada penduduknya adalah bumiputra. Kami dapati seramai 31,600 pekerja-pekerja yang diambil oleh 183 kilang-kilang itu, 12,000 lebih daripadanya adalah bumiputra dimana merupakan 40 peratus pekerja-pekerja kilang. Walaupun terdapatnya segala macam daya usaha Kerajaan Negeri untuk membantu bumiputra dalam negeri ini, kami masih mendengar aduan dan kritik atau ulasan yang tidak adil.

Datuk Speaker, baru-baru ini seorang Menteri dari Kerajaan Pusat mengumumkan tarik kembali sebanyak 6,000 tan simen dari P.D.C. yang telah mengakibatkan sedikit sebaknya keraguan terhadap Kerajaan Negeri kita. Apakah kesalahan yang dilakukan oleh P.D.C. yang telah bekerja baik dalam masa yang lalu? Sedapat yang saya tahu, 17 daripada 28 peniaga-peniaga simen P.D.C. adalah bumiputra. Mengapa dikatakan P.D.C. tidak menolong bumiputra? Saya yakin memang ada salahfaham yang berkehendakkan penjelasan. Saya mempunyai keyakinan yang mutlak bahawa Kerajaan Negeri adalah benar-benar jujur dalam menyokong Dasar Ekonomi Baru. Datuk Speaker, saya berharap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan menjelaskan sedikit atas perkara ini.

Datuk Speaker, dalam ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor, beliau telah menyebut mengenai pihak-pihak berkuasa tempatan yang memberikan kepada penduduk-penduduk perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan dalam kehidupan harian mereka. Tuan Yang Terutama Gabnor juga menyentuh atas lawatan beliau baru-baru ini ke Butterworth dan Bukit Mertajam. Di Butterworth, Tuan Yang Terutama Gabnor telah melihat beberapa tempat yang indah seperti Taman Bunga di tepi pantai dan skating ring. Tetapi, Tuan Yang Terutama Gabnor tidak nampak apa-apa tempat yang indah di Bukit Mertajam.

Datuk Speaker, saya ingin mengambil peluang ini untuk merayu, bagi pihak penduduk-penduduk Bukit Mertajam, kepada Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan supaya suatu taman umum—a public park—akan dibina di Bukit Mertajam. Kini, Pekan Bukit Mertajam telah menjadi satu daripada pekan yang tersibuk di utara Malaya. Penduduk-penduduk amatlah sesak. Pada lima sampai sepuluh tahun yang lalu, beberapa rancangan perumahan telah dijalankan di sekitar Pekan Bukit Mertajam. Manakala tiada apa-apa kemudahan penghiburan diadakan, seperti taman bagi penduduk-penduduk. Kini bilangan penduduk-penduduk Bukit Mertajam telah meningkat kepada 140,000 orang dan suku daripadanya tinggal di Pekan Bukit Mertajam. Datuk Speaker, anda memang bersetuju dengan saya bahawa kemudahan penghiburan dan sukan adalah satu cara hidup moden dalam kehidupan kita, dan juga sangat penting untuk kesihatan mental dan fizikal kita, terutama bagi mereka yang bekerja dan tinggal di kawasan bandarannya. Kehidupan moden bandaraya terlalu gopoh-gapah dan tegang, dan penduduk-penduduknya memerlukan suatu tempat yang bersih dan aman untuk melapangkan diri dan berehat. Datuk Speaker, 140,000 penduduk-penduduk Bukit Mertajam adalah patut sekali meminta supaya dibina suatu taman umum. Taman seperti ini juga sesuai bagi melakukan senaman yang sederhana bagi orang-orang tua,

permainan dan sukan bagi orang-orang muda-mudi begitu juga boleh untuk tempat berkemah, *skating ring* dan lain-lain lagi.

Datuk Speaker, penduduk-penduduk di Pulau Pinang adalah lebih bernasib baik. Mereka mempunyai taman bunga, Taman Bukit Dumar, Rimba Rekreasi di Teluk Bahang, Ayer Itam Dam, Taman Belia di samping tepi pantai yang indah dan juga Bukit Bendera. Dan dalam tahun belakangan ini ada beberapa projek hiburan bagi penduduk-penduduk di Butterworth, tetapi bagaimana keadaan di Bukit Mertajam? Kalau Kerajaan Negeri dan L.P.K.T. Seberang Perai sedia menimbangkan rayuan saya, saya akan mengemukakan mereka cadangan saya yang teliti termasuk suatu tempat yang sesuai bagi membina taman umum ini serta bahagian *planningnya*.

Sebelum saya undurkan diri, Datuk Speaker, saya sekali lagi merayu supaya suatu taman umum dibina di Bukit Mertajam.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, saya dengan sukacita bangun untuk turut menyokong Usul mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Gabnor yang telah sudi menyampaikan ucapannya di dalam Dewan yang mulia ini.

Datuk Speaker, kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, bekas Perdana Menteri kita yang amat dikasihi, walaupun telah lebih daripada 100 hari, namun kepada kita rakyat Malaysia yang mencintai keamanan dan konsep hidup masyarakat yang adil, masih terasa seolah-olah kehilangan Tun Razak itu masih baru dan amat menyedihkan.

Datuk Speaker, walau bagaimanapun kesedihan kita itu agak reda sedikit apabila Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn telah mengambil alih pucuk pimpinan Kerajaan Pusat yangmana sehingga ke hari ini kita sekalian sudahpun dapat melihat ketokohan beliau sebagai seorang pemimpin dan sebagai seorang Perdana Menteri yang bakal meneruskan segala

matlamat perjuangan yang telah digariskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak tempoh hari. Datuk Speaker, saya yakin bahawa sebagaimana kita bersatu menyokong Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu, maka tidak ada sebab mengapa pada masa ini kita sekalian tidak pula boleh bersatupadu berdiri teguh menyokong Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, utamanya bagi menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Ketiga yang akan dilancarkan kelak.

Datuk Speaker, dalam ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor ada menyebutkan iaitu Kerajaan Negeri adalah berazam untuk menguntukkan lebih banyak kemudahan-kemudahan perumahan lagi bagi rakyat kita, khasnya mereka yang berpendapatan rendah. Saya tidak ragu-ragu di atas azam Kerajaan Negeri ini oleh kerana langkah-langkah ke arah tersebut telah dan sudah dibuat. Tapi, Datuk Speaker, yang amat mendukacitakan ialah pihak-pihak pemaju-pemaju perumahan swasta yang masih lagi tidak melaksanakan dasar memberikan peruntukan sekurang-kurangnya 30 per cent bagi tiap-tiap projek perumahan mereka kepada bumiputra. Bukan setakat tidak melaksanakan dasar 30 peratus itu sahaja, tetapi pihak pemaju-pemaju swasta menjalankan dasar menekan dengan tujuan-tujuan bumi-putra tidak akan berupaya untuk merebut peluang dari projek-projek mereka, seperti tiadanya kemudahan pinjaman wang dan sebagainya. Saya kemukakan satu contoh, Datuk Speaker, iaitu sekiranya pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sanggup memberikan kemudahan kepada bumi-putra dengan menunggu sehingga mendapat pinjaman daripada pihak kerajaan dan sebagainya, maka mengapa pula pemaju-pemaju swasta tidak mungkin berbuat demikian jika mereka sebenarnya mempunyai tujuan yang tersebut?

Datuk Speaker, sekiranya kita hendak melihat suatu susunan masyarakat baru yang merupakan satu masyarakat yang adil, maka sekurang-kurangnya pihak pemaju-pemaju rumah swasta hendaklah melaksanakan lebih dahulu

dasar dan kemudahan sepertimana yang dinyatakan itu. Sebaliknya, dengan ketiadaan kemudahan-kemudahan yang tersebut, masalah yang selalu sama-sama kita dengar dan hadapi ialah setinggalan-setinggalan yang terpaksa meninggalkan tapak rumahnya yang lama oleh kerana tapak rumahnya itu telah dijual kepada pemaju rumah yang akan membina rumah-rumah baru dan pembayaran-pembayaran bagi rumah-rumah itu pula dikehendaki dengan secepat secepatnya.

Datuk Speaker, di sini saya suka mengambil peluang untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang berhormat dari Pekan Bukit Mertajam, iaitu berkenaan Prai Barrage. Di tempat itu Datuk Speaker, kita ada 73 setinggalan-setinggalan yang belum dapat dipindahkan lagi dan selepas kita dapat memindahkannya, kita berharap projek Prai Barrage itu akan dapat dimulakan dan saya jangka kita akan dapat memindahkan 73 setinggalan-setinggalan itu dalam tempoh 3 bulan lagi.

Berkenaan dengan Pontoon Bridge, saya ingat perkara inipun telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam tulisan dan saya berharap Yang Berhormat akan membaca jawapan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, bolehkah saya minta *clarification*? Saya minta keterangan.

Saya tidak faham jawapan dari Yang Amat Berhormat yang memberitahu ada satu rancangan untuk *replace* Pontoon Bridge lama. Lagi satu rancangan Prai Barrage akan diadakan untuk membuat causeway to replace Pontoon Bridge. Saya mahu tahu apakah dua rancangan untuk membuat Pontoon Bridge baru? Pontoon Bridge yang baru ini boleh dikerjakan dalam bulan Jun, Ini adalah jawapan dari Yang Amat Berhormat, tetapi sekarang kita mendapat tahu Prai Barrage ini pada masa yang akan datang akan menjadi dua rancangan yang sekali dibuat. Macamana?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Yang Dipertua, dua perkara ini adalah tidak sama. Saya harap Yang Berhormat dapat membaca jawapan yang telah diberikan oleh Ketua Menteri dalam jawapan tulisan tersebut.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Itu ada dalam jawapan tulisan dahulu, boleh tanya Yang Amat Berhormat. Dia kata Prai Barrage is 'to replace'.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, berkenaan masalah yang sekali lagi ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal berkenaan dengan projek Tanjong Tokong, saya telah diberitahu oleh UDA bahawa projek ini akan dijalankan tidak lama lagi. Perkara ini tidak boleh dijalankan sekarang bukan disebabkan kita berselisih faham antara UDA dan Kerajaan Negeri. Ini ada sebab-sebab tertentu yang dihadapi oleh UDA sendiri.

Berkenaan dengan Mahkamah di Bukit Mertajam yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Mertajam, Kerajaan Negeri telah menetapkan suatu kawasan di Bagan Serai tetapi sehingga sekarang Kerajaan Pusat tidak dapat memutuskan perkara ini sehingga Rancangan Malaysia Ketiga ditetapkan.

Datuk Speaker, peristiwa Gubir, Kedah, di mana 11 orang perajurit kita terkorban akibat angka durjana penganas-penganas komunis, adalah suatu trajidi sedih yang tidak mudah dilupakan. Begitu kejamnya penjahat-penjahat, musuh Negara itu bertindak, seolah-olah mereka hendak menunjukkan bahawa mereka boleh berbuat sesuka hati. Di sini, Datuk Speaker, saya suka kemukakan satu soalan: Setakat-manakah pula kesedaran dan keinsafan kita, setiap warganegara Malaysia yang cinta keamanan dan kesejahteraan hidup, dalam menghadapi perbuatan-perbuatan yang tidak berperli kemanusiaan itu? Simpati dan berdukacita sahaja tidaklah memadai dalam usaha Kerajaan hendak menumpaskan golongan perosak

negara ini. Rakyat seluruhnya mestilah lebih giat bekerjasama, tampil ke hadapan memberikan segala maklumat mengenai pergerakan penjahat-penjahat komunis dan ejen-ejen mereka samada di kampung-kampung ataupun di bandar-bandar.

Datuk Speaker, dalam hubungan kedudukan keselamatan ini, saya rasa untuk mengekalkan keharmonian semua penduduk-penduduk, maka ada baiknya sekim Rukun Tetangga dilaksanakan di seluruh pelusuk tanah-air; dengan yang demikian, sekurang-kurangnya ia boleh membantu sebagai mata dan telinga kepada pasukan keselamatan kita untuk bertindak lebih cepat bagi menghapuskan musuh Negara kita.

Sementara itu, Datuk Speaker, kita sekalian rakyat yang telah mengecap nikmat keamanan dan perlindungan yang diberi oleh pasukan keselamatan kita janganlah kita melupakan pengorbanan mereka itu. Tidak patut lagi kiranya ada suara-suara sumbang daripada bekas-bekas pasukan keselamatan, baik Polis ataupun Tentera, apabila mereka kembali ke dalam masyarakat biasa sesudah menamatkan tempoh perkhidmatan mereka, iaitu sebagaimana yang pernah kita dengar rintihan dan keluhan mereka apabila nasib hidup mereka tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak-pihak yang berkenaan dan juga rakyat yang selama hari ini telah menerima nikmat perlindungan mereka.

Akhirnya, Datuk Speaker, saya suka menyokong sekali lagi Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kawasan Penaga.

Sekian.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Datuk Yang Dipertua, kami di sebelah Dewan ini berasa amat besar hati atas Ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor yang meliputi segala aspek-aspek pembangunan di dalam Negeri Pulau Pinang. Tidak lagi menjadi apa-apa kemusykilan atau keraguan bahawa kadar pembangunan yang tercapai dalam beberapa tahun yang lalu di dalam

Negeri Pulau Pinang telah jauh melebihi sangkaan ramai di antara kami.

Datuk Yang Dipertua, adalah sesuai sekali bagi kita memberi kepujian dan penghormatan yang sewajarnya kepada anak watan tanahair kita yang terkemuka, Allahyarham Tun Abdul Razak, di atas perkhidmatan-perkhidmatan dan bakti-bakti Allahyarham terhadap Negara. Kita di Negeri Pulau Pinang sungguh terhutang budi di atas bantuan dan bimbingan yang telah disumbangkan oleh Allahyarham terhadap Negeri Pulau Pinang. Sebenarnya, sebahagian besar kejayaan-kejayaan yang dicapai dalam Pulau Pinang adalah hasil dari bantuan dan inspirasi Allahyarham. Walaupun kita berasa amat terharu atas kehilangan seorang pemimpin yang ulung, namun kita bersyukur kerana dapat juga seorang pemimpin yang terkemuka, iaitu Perdana Menteri kita yang baru, Datuk Hussein Onn. Kita harap beliau akan dapat terus memberi bantuan dalam segala usaha-usaha kita untuk mencapai kejayaan dan kemakmuran di dalam Negeri Pulau Pinang. Untuk memastikan keyakinan kita terhadap usaha-usaha dan gabungan Allahyarham, kami dalam Kerajaan Negeri akan meluluskan wang sebanyak \$50,000 terhadap Yayasan Tun Abdul Razak, dan Pusat Bandaraya juga dinamakan Kompleks Tun Abdul Razak.

Datuk Yang Dipertua, masalah pengangguran pada masa-masa yang lalu yang merupakan satu masalah yang rumit kini telah dapat dikurangkan dengan jayanya. Kadar pengangguran kira-kira 18 peratus telah dapat dikurangkan sehingga 11 peratus. Dalam ucapan Tuan Yang Terutama, kita telah dengan 15 buah kilang-kilang dalam tahun 1969 sahaja yang menguntukkan pekerjaan kepada seramai lebih daripada 2,400 orang melalui usaha-usaha Kerajaan Negeri di Pulau Pinang; pada hari ini kita telahpun ada 108 buah kilang-kilang yang dapat memberi peluang pekerjaan kepada seramai 32,000 orang. Datuk Yang Dipertua, di sini tentulah tidak boleh dinafikan bahawa usaha ini adalah satu usaha yang terkemuka

dan satu kejayaan yang cemerlang yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah penangguran.

Datuk Yang Dipertua, Pulau Pinang sepertimana di dalam negeri-negeri lain di Malaysia dan negara-negara lain tidak dikecualikan dari menghadapi kesan-kesan kemerosotan perdagangan sedunia. Kita di Negeri Pulau Pinang adalah kurang bernasib baik kerana perkembangan ekonomi kita yang baru dalam pergerakan pesat terpaksa menghadapi kesan-kesan penuh kemerosotan semasa itu. Keadaan ini telah melembabkan kadar pelaburan kerana pengusaha-pengusaha terpaksa berhati-hati sebelum mengorak sesuatu langkah pelaburan dan dengan itu bersikap menunggu sahaja dan melihat bagaimanakah keadaan dan aliran kemerosotan yang berikut. Bagaimanapun, dengan perancangan yang teliti dan semangat keazaman di dalam usaha-usaha kita, kita dengan perasaan bangga boleh menyatakan bahawa kita telah berjaya untuk mengurangkan kesan-kesan kemerosotan. Pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha kini telah mula kembali dan pelaburan-pelaburan mulai mencurah-curah masuk ke dalam Negeri Pulau Pinang. Walaupun kemerosotan telah melembabkan pelaburan, namun ianya tidak melembabkan pembangunan. Sebenarnya, kebanyakan projek-projek dan pembangunan telah dijalankan mengikut jadual-jadual yang ditetapkan. Kesemua ini mencerminkan bahawa Kerajaan Negeri mengambil perhatian yang sesungguhnya serta menitikberatkan usaha-usaha untuk menentukan supaya sebarang kelambatan yang tidak semena-mena tidak berlaku.

Adalah sungguh menyenangkan hati untuk menyatakan di sini bahawa pembangunan bandar satelit yang baru ini kini sedang maju dengan pesatnya. Walaupun terdapat pengkritik-pengkritik seperti Ahli daripada Kawasan Bagan Ajam (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Minta maaf, bukan Bagan Ajam—Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Minta maaf. Bagan Jermal, yang mengesakan bahawa harga rumah-rumah yang lebih dari 500 yunit itu adalah mahal. Satu maklumat yang ingin saya memberitahu kepada mereka-mereka ialah bahawa kesemua rumah-rumah tersebut telah habis dijual. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang pula yang bertanggungjawab atas pembinaan Bandar Bayan Baru ini kini sedang bercadang untuk membina yunit-yunit rumah yang sama banyak di peringkat kedua. Sesebuah rumah haram yang diperbuat daripada setengah papan dan setengah konkrit yang dibina di atas tanah-tanah orang lain boleh dijual sebanyak \$15,000 sementara jenis yang murah sekali bagi rumah-rumah Bandar Bayan Baru yang diperbuat daripada konkrit berharga \$20,000 sahaja.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Luasnya tak serupa.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Luasnya semua serupa.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ada tempat di luar bandar, ada tempat di dalam bandar, macam Butterworth. Tuan Speaker bersetuju dengan saya?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Itu saya tahu, tapi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal, rumah itu adalah untuk selama 99 tahun. Saya berasa hairan samada pengkritik-pengkritik ini ada alasan-alasan yang مناسب atas kritik-kritik mereka itu.

Datuk Yang Dipertua, pada hari ini, apa yang boleh dibanggakan ialah bahawa kita telah mencapai kemajuan yang sebegitu pesat sehingga Pulau Pinang kini dianggap sebagai sebuah negeri yang progresif dan ini dapat dibuktikan dengan jumlah subsidi yang lebih-kurang kerana dasar Kerajaan Persekutuan yang ada pada masa sekarang ialah untuk menguntukkan subsidi yang lebih banyak kepada negeri-negeri yang kurang maju. Walaubagaimanapun, Datuk Speaker, kita harap

apabila keadaan-keadaan memerlukan keperluan-keperluan yang segera dan mendesak, Kerajaan Persekutuan tidak akan berasa ragu-ragu untuk menemui kehendak-kehendak kita. Saya harus mengucapkan terima kasih kepada rakyat Pulau Pinang kerana mereka telah memainkan satu peranan yang amat penting dan dapat menghadapi cabaran-cabaran sedemikian demi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang progresif. Oleh yang demikian, Datuk Yang Dipertua, saya ingin menyampaikan terima kasih saya sekali lagi di atas kerjasama mereka dan berharap agar kerjasama dan sokongan akan diberi agar dapatlah kita bersama-sama mencapai sebuah negeri yang benar-benar progresif dan makmur.

Datuk Yang Dipertua, dalam negeri kita, rancangan Rukun Tetangga telah diperkenalkan kepada tiga kawasan. Kawasan-kawasan lain juga akan dilancarkan rancangan Rukun Tetangga ini dari semasa ke semasa. Saya berasa gembira kerana kawasan saya sendiri iaitu kawasan Kelawei adalah kawasan yang pertama kali dilancarkan rancangan ini. Di sini saya tidak terima ucapan daripada Yang Berhormat Ahli dari Bukit Tambun. Rancangan ini telah memberi peluang kepada penghuni-penghuni berbilang bangsa tanpa mengira taraf kedudukan di dalam sesuatu kawasan untuk bekerja dan menanggung kewajipan-kewajipan bersama-sama, menjalankan tugas-tugas kawalan dengan satu semangat perpaduan dan muhibbah demi keamanan dan kesejahteraan daerah kita sendiri dan memberi peluang juga kepada mereka untuk mengeratkan persahabatan. Walaupun ramai di antara penghuni-penghuni telah menyambut seruan itu untuk menjalankan tugas mereka, tetapi dengan perasaan kesalnya ingin saya katakan bahawa masih terdapat mereka-mereka yang tidak hadir. Sekiranya mereka-mereka ini tanpa kebenaran mencuaikan tugas-tugas mereka, maka saya bimbang ini akan menggagalkan keseluruhan rancangan-rancangan yang menggalakkan tugas-tugas kawalan. Apa yang saya fikirkan ialah undang-undang yang

wajar terpaksa dikenakan untuk meng-wajibkan mereka menjalankan tugas-tugas ini. Sekiranya kita tidak sedia untuk melindungi rumah-rumah dan keluarga-keluarga ki'a sendiri, siapakah lagi yang akan melindungi mereka? Adalah kewajipan yang penuh ikhlas dan suci untuk melindungi rumah-rumah dan keluarga kita sendiri dan atas inilah kerajaan sedang meminta kita untuk menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga. Tambahan pula, setiap orang kita hanya menjalankan tugas-tugas ini sekali dalam sebulan selama 4 jam berganti-ganti dan tempoh masa ini saya fikirkan tidaklah merupakan bebanan yang terlalu berat bagi kita untuk melaksanakannya.

Di kawasan Kelawei, wisel-wisel polis, cota-cota, lencana-lencana dan sebagainya telah dibekalkan oleh Pengerusi Kawasan, Dr Khoo Keat Cheong dan ahli-ahli Jawatankuasa. Adalah lebih baik sekiranya pemberian-pemberian wang boleh diberi kepada berbagai-bagai kawasan untuk membeli alat kelengkapan ini dan minuman-minuman ringan disediakan. Di antara 12 tengahmalam sehingga 6 pagi apabila semua kedai-kedai ditutup, khususnya kedai-kedai kopi dan gerai-gerai makan, ahli-ahli Rukun Tetangga terpaksa tahan dahaga dan tahan lapar sehingga masa bertugas mereka tamat. Tambahan pula, tidak ada mana-mana tempat yang sesuai untuk menyimpan alat kelengkapan dan pegawai Balai Polis, Pulau Tikus, telah memberi kebenaran supaya alat-alat ini disimpan di Balai selepas tugas-tugas diselesaikan.

Di sini saya mahu menjawab di atas ucapan dari Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam dan daripada Kawasan Bagan Jermal. Perkara itu adalah berkaitan dengan salahgunaan dadah. Di sini saya memberitahu, iaitu di dalam Negeri Pulau Pinang, kita ada satu Jawatankuasa Penyelidikan Negeri—State Co-ordinating Committee.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Anti-Drug Abuse, State Co-ordinating Committee. Bolehkah saya bertanya satu soalan? Sebab ke-

satuan itu ada nama PEMADAM dalam Kerajaan Persekutuan, sebab apa kita adakan lagi satu Committee yang tidak serupa ini?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Ada satu kesatuan yang bernama Persatuan Mencegah Salahguna Dadah Malaysia, atau pendeknya PEMADAM. Jawatankuasa Penyelaras dan juga Persatuan Mencegah Dadah ditubuhkan bagi tiap-tiap daerah bagi pentadbiran di dalam Negeri Pulau Pinang dan juga Kerajaan akan menimbangankan peruntukan wang bagi organisasi-organisasi itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Belum cakup lagi sebab apa kita ada satu Jawatankuasa lain? Sebab apa kita tidak pakai nama itu?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Itu bukan jawatankuasa. Itu persatuan atau swasta, sebab tadi Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal ada minta semua di rumah pangsa boleh campur di sini. Saya boleh kata persatuan-persatuan itu ada orang-orang perniagaan, doktor-doktor, kerani-kerani, semuanya adalah bercampur. Saya dapat tahu persatuan itu ada minta didaftarkan.

Lagi satu perkara daripada Ahli Yang Berhormat daripada Bagan Jermal berkaitan dengan Kompleks Tun Abdul Razak. Beliau ada berkata "The Asian Statist" kata rancangan itu tidak sesuai, tetapi di sini saya boleh kata, hanya "The Asian Statist" yang ada tuduh; dalam banyak suratkhbar dan *magazines* semuanya terima rancangan itu. Ada yang berkata rancangan itu adalah satu rancangan yang cukup baik.

Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal ada bawa satu perkara berkenaan bantuan buku. Di sini saya boleh beritahu kepada Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal, kita bukan sahaja dekat pilihanraya atau masa pilihanraya memberi bantuan kepada murid-murid. Di sini saya ada butir-butirnya, iaitu, dalam tahun 1969 jumlah sebanyak 8,198 murid-murid meminta bantuan buku.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya bukan tanya untuk tahun 1969. Saya tanya untuk tahun 1974, 1975 dan 1976 sebab apa tidak ada bantuan.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Duduk diam-diam dan dengar, boleh dapat tahu semua. Oleh sebab dua hari saya duduk diam-diam mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal, saya rasa Yang Amat Berhormat Bagan Jermal bolehlah duduk diam-diam.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Bukan Yang Amat Berhormat. Saya minta maaf, tetapi saya bukan mahu kacau Datuk Ahli Yang Berhormat. Tapi jawapan itu saya tidak faham, sebab itu saya tanya sahaja. Saya ada buat satu soalan tetapi jawapannya tidak terang.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Apa guna Yang Berhormat kacau sebab saya mahu buat pujian kepada Yang Berhormat. Di masa Majlis Mesyuarat ini kita nampak Yang Berhormat pun sudah berubah dan ada menyokong kerajaan dan juga bekerjasama dengan Kerajaan. Di sini saya mahu beritahu iaitu pada tahun 1969 jumlah pemohon ialah 8,198 dan mendapat bantuan ialah 7,463; jumlah perbelanjaan \$91,557.80. Pada tahun 1970, permohonan adalah 5,424 dan lulus 4,692; jumlah perbelanjaan \$46,159.65. Sebab apa ada turun perbelanjaan itu?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Bantuan itu dari Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri kita?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Kerajaan Negeri. Sebab itu di tahun pertama dan sesudah digunakan, boleh diambil bales dan diberi kepada murid-murid baru. Dalam tahun 1971, pemohon-pemohon 4,923, lulus 4,719 dan perbelanjaan berjumlah \$44,638.70. Tahun 1972, ada 6,683 permohonan dan mendapat kelulusan 5,645; jumlah perbelanjaan \$53,755.75. Tahun 1973 ada 8,497 permohonan, dapat bantuan

7,583 dan jumlah perbelanjaan \$90,083.35. Tahun 1974 (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ini tahun pilihanraya, belanja banyak sedikit.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Pada tahun 1974, permohonan sebanyak 9,004; diluluskan 8,547; jumlah perbelanjaan \$113,917.72.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Sebab apa? Sebab tahun pilihanraya. Selalu belanja \$40,000, \$50,000, \$60,000 sahaja, tetapi masa pilihanraya luluskan \$113,000,000.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Saya mahu beritahu Yang Berhormat Ahli dari Bagan Jermal, tadi dia mahu menanggung minta kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, pujuk, dan di sini saya mahu tanya balik Yang Amat Berhormat Ahli dari Bagan Jermal sendiri (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya minta maaf. Saya bukan 'Yang Amat Berhormat'. Saya tidak mahu jadi 'Yang Amat Berhormat'.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Saya minta izin. He was asking our Honourable Chief Minister to be sincere and now I am asking you in turn: Are you sincere?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Yes. Which part is it that you want to prove I am not sincere? (*ketawa*).

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Datuk Yang Dipertua, masa Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal seorang Ahli Dewan Undangan ini perkara ini Yang Berhormat sendiri ada ambil bahagian dalam bahasan dan di situ ada semua butir-butir. Sekarang Yang Berhormat mana tahu?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya tanya, pada tahun 1975 sebab apa tiada bantuan ini?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Saya beritahu di masa itu-dalam tahun itu-semua bantuan buku-buku adalah dari Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Sebab itu saya kata bolasepak.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): It is not a question of *bolasepak*. It is a question of the fact that in 1974 the aid was conducted by the Federal Government. It is not because the State Government is not helping. Saya faham Yang Berhormat is saying that we are not doing anything. In fact we had not stopped because the Federal Government would like to have all the books channelled so that each state can have an allocation. It doesn't mean that the State Government is trying to stop. That is where you are trying to mislead this House.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam, I think, brought up about alienation. Dasar Kerajaan Negeri ialah, kalau penduduk-penduduk asal, ada normal increment of \$1.00. Dengan izin: But for non-original settlers we do charge them accordingly. For the benefit of Yang Berhormat dari Kawasan Pekan Bukit Mertajam-in case in your constituency you have questions coming to you-if you are an original settler you are entitled. But if you are a non-original settler, we will charge accordingly sebab Negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang kecil dan tanah Kerajaan pun kurang sebab itu kita tidak boleh beri percuma.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Datuk Yang Dipertua, saya bangun mengambil bahagian bersama-sama di dalam Dewan ini untuk menyokong Usul terima kasih kepada Yang Terutama Gabenor yang telah diusulkan oleh rakan saya dari Kawasan Penaga.

Dalam ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor, beliau telah menyentuh di dalam tiap-tiap bahagian yangmana telahpun membawa kemajuan rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan, yang sedang dilaksanakan dan juga yang akan dilaksanakan dari masa ke semasa. Negeri Pulau Pinang merasa bertuah oleh sebab Tuan Yang Terutama Gabnor telah menyampaikan ucapan mengenai bahagian-bahagian dalam rancangan pembangunan sepertimana yang telah kita lihat dalam kertas ucapannya bahawa Negeri Pulau Pinang di bawah naungan Tuan Yang Terutama Gabnor dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sebagai ketua untuk mentadbirkan Negeri Pulau Pinang ini yangmana telah membawa kerjasama yang baik bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga Kerajaan Pusat.

Sejak tercapainya kemerdekaan tanahair kita ini telahpun dapat kita melihat dengan nyata bahawa pembangunan kemajuan telah berjalan dengan begitu pesatnya, tetapi walau bagaimana sekalipun, pada pandangan kerajaan, masih juga terdapat, itulah menjadi hasrat Kerajaan bahawa kerajaan akan dapat melaksanakan tugas-tugas dan rancangan-rancangannya dari masa ke semasa untuk membawa kesenangan.

Saya suka memberi penjelasan kepada rakan saya, Ahli daripada Kawasan Sungai Dua, yang telah membangkitkan masalah kurang suburnya tanaman padi di kawasan-kawasan tertentu khususnya dan juga bagi Negeri Pulau Pinang amnya. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sukalah menyampaikan terima kasih kepada masyarakat kaum tani yang telah memberi kerjasama yang begitu baik, dan sikap yang jujur dalam usaha bergotong-royong memburu tikus dalam Negeri Pulau Pinang melalui Pejabat Pertanian Negeri. Saya suka menjelaskan di sini, dalam usaha jabatan ini, bahawa pada tahun 1975 masyarakat kaum tani telahpun dapat bergotong-royong dan buruan tikus sebanyak 13 kali mengandungi peserta-peserta yang mengambil bahagian sebanyak 580 orang dan tikus-tikus yang telah dapat dimusnahkan

adalah sebanyak 38,400 ekor dalam tahun 1975. Gotong-royong itu dapat diteruskan daripada awal tahun 1976 sehinggalah bulan April tahun 1976. Buruan tikus ini telah dapat dilaksanakan dengan cara bergotong-royong sebanyak 10 kali dan peserta-peserta yang mengambil bahagian sebanyak 1,110 orang. Begitu juga, tikus yang telah dapat diserahkan berjumlah 30,355 ekor. Jadi memandang kepada sambutan yang ditunjukkan oleh masyarakat kaum tani bahawa dalam tahun 1975 hanya 580 orang manakala pada tahun 1976, dalam masa 4 bulan, sambutan sangat menggalakkan. iaitu 1,110 orang. Ini adalah membuktikan kerjasama yang telah ditunjukkan oleh masyarakat kaum tani bersama-sama dengan Kerajaan kita. Jadi kita berharap sangatlah kerjasama yang ditunjukkan ini menjadi amalan pada masa akan datang.

Begitu juga bantuan-bantuan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian bagi peringkat negeri ini, pada tahun 1975, racun serangga sebanyak 458 lb. dan racun bertepung 3,985 lb. dan racun cair sebanyak 119½ gelen. Manakala dalam tahun 1976 racun serangga 115 lb. dan racun bertepung 147 lb. dan racun cair sebanyak 20 gelen. Itulah yang telah dapat dijayakan sehingga berakhir bulan April, 1976. Begitu juga Kerajaan Negeri sentiasa mengambil perhatian dan tindakan apa sahaja yang boleh untuk memberi bantuan kredit baja yang sentiasa menjadi amalan Kerajaan Negeri dan pada tahun ini juga Kerajaan Negeri telah mengadakan peruntukan kredit baja untuk menolong golongan kaum tani di dalam Negeri Pulau Pinang.

Begitu juga berhubung dengan masalah saluran air yang tidak begitu sempurna, sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Dua tadi. Pada 19hb April, 1976, yangmana Yang Berhormat Datuk Haji Mustafa Jabar, iaitu Timbalan Menteri, Kementerian Pertanian, telahpun melawat satu hari suntuk di kawasan-kawasan pertanian dan tindakan segera telahpun dibuat ataupun diambil oleh Datuk Haji

Mustafa Jabar, iaitu ia telah mengeluarkan bantuan sertamerta sebanyak \$42,000 bagi suatu kawasan di Permatang Pasir untuk mengatasi masalah kekurangan air yang mengandungi 150 ekar. Begitu juga di kawasan-kawasan lain yangmana telah dapat dilawati dan kita percayalah bahawa keadaan kekurangan air di dalam kawasan persawahan dari semasa ke semasa akan dapat diperbaiki dengan sepenuhnya. Jadi apa yang Kerajaan Negeri harapkan ialah supaya dapat kerjasama yang begitu baik ataupun persafahaman dan muhibbah di kalangan kaum tani dan khususnya dengan Kerajaan Negeri serta dapat mengemukakan segala masalah-masalah dengan sikap ikhlas. Kerajaan Negeri sentiasa mengkaji, sentiasa mengambil perhatian dan tindakan untuk memberi kebaikan, khususnya golongan kaum tani dan juga umumnya kepada rakyat dalam Negeri Pulau Pinang.

Oleh yang demikian itulah sahaja, Datuk Speaker, yang dapat saya jelaskan secara ringkas dan akhirnya saya sekali lagi menyokong dengan sepenuhnya Usul yang telah dibawa oleh rakan saya dari Kawasan Penaga.

Terima kasih.

Usul Di Bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 9.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, di atas Peraturan 9, saya mohon mencadangkan Dewan ini ditangguhkan pada hari esok sebab seperti yang Datuk Speaker ketahui, saya telah sakit dan di sini pula ada lima atau enam Usul untuk diucapkan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Datuk Speaker, saya mohon mengambil bahagian dalam Usul ini dan mengambil

peluang menjawab kepada Yang Berhormat semua yang telah berucap berkenaan dengan perumahan rumah murah. Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yangmana telah berucap berkenaan perumahan murah. Saya memberi pengakuan bahawa saya suka mengambil tindakan di atas semua aduan yang dibangkitkan itu. Dengan izin: I have taken note of what all the Honourable Members have mentioned berkenaan dengan \$8 juta . . . (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): \$8.6 juta.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Lebih-kurang, yang telah dibangkitkan di mana disebutkan bahawa sebanyak lebih-kurang \$1 juta telah dibelanjakan. Saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa sebab-sebab mengapa peruntukan ini tidak dapat dibelanjakan ialah masalah *administrative*. Dan saya fikir Kerajaan Persekutuan sudah sedar akan masalah ini, tapi sehingga hari ini saya memberitahu kerajaan telah belanjakan lebih dari \$1 juta sebab perbelanjaan dalam Kampong Melayu sekarang ialah . . . (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): \$3 juta lebih.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Masalah *administrative* mesti difaham. Dengan ini saya merayu kepada Ahli Yang Berhormat, bersabarlah lebih sedikit, kerana saya yakin bahawa pada akhirnya semua Ahli-ahli akan berasa puas hati dengan kerja-kerja yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan kita.

Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.07 petang.